

**Naskhah belum disemak**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 38**                    **Selasa**                    **20 Oktober 2015**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015	(Halaman	26)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015	(Halaman	72)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA  
Selasa, 20 Oktober 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimana Malaysia mampu dapat memanfaatkan AEC dan juga perjanjian yang mungkin kita meterai iaitu TPPA dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan integrasi ekonomi ini memberi manfaat bersih untuk Malaysia.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Soalan ini berkaitan dengan komuniti ekonomi ASEAN dan TPP. Sebelum saya jawab soalan ini, izinkan saya memberi sedikit latar belakang.

Tuan Yang di-Pertua, proses globalisasi ini bermula beberapa abad dan kurun. Sudah lama sudah, beratus tahun. Melaka sebagai contohlah sebuah pusat perdagangan yang pada masa itu pun sudah berlaku globalisasi. Namun dalam tempoh 100 tahun ini, khususnya 20 tahun ini kita dapatti bahawa semakin rancak. Realitinya kita bergantung satu sama lain. Umpamanya untuk perdagangan, pelaburan, tenaga kerja, pelancongan, kita bergantung satu sama lain. Itu realitinya. Malaysia adalah sebuah negara yang terbuka sifat ekonominya. Kita mengamalkan sistem ekonomi terbuka.

Kita merupakan sebuah negara perdagangan nombor 23 yang terbesar dalam dunia. Kita menerima banyak pelaburan asing. Bukan saja kita mengeksport, mengimpor, kita juga melabur di luar negara. Bukan saja kita menerima pelaburan asing, syarikat-syarikat Malaysia juga melabur di luar negara. Itu realitinya. Maknanya kita bergantung satu sama lain. ASEAN ditubuhkan tahun 1967 telah memberi banyak faedah kepada rantau ini, keamanan, kemakmuran dan Malaysia telah mendapat banyak faedah daripada penubuhan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan ASEAN telah membawa kepada integrasi dalam pelbagai sudut, politik, budaya termasuklah ekonomi. Kalau kita lihat dalam bidang ekonomi pada masa ini, ekonomi ASEAN saling bergantung satu sama lain. Tarif sudah pun dihapuskan, bagi kebanyakan produk juga kita telah mengurangkan halangan berdagang sempadan. Negara ASEAN sudah mempermudahkan pelaburan, ekuiti untuk syarikat-syarikat ASEAN melabur

dalam Malaysia dan syarikat Malaysia melabur di Thailand dan Singapura umpamanya telah dilonggarkan dan banyak kerjasama ekonomi telah kita lakukan. Jadi ekonomi ASEAN semakin integrasi.

Hasilnya Malaysia telah mendapat faedah. Umpamanya perdagangan kita dengan negara ASEAN sekarang ini merupakan 27% daripada perdagangan kita datang daripada negara-negara ASEAN dan bagi ASEAN secara keseluruhannya perdagangan di kalangan kita ialah 24%, bagi Malaysia 27%, ASEAN keseluruhan 24%. Begitu juga pelaburan. Kita menerima banyak pelabur daripada negara ASEAN dan Malaysia melabur di Indonesia, di Singapura. Itu realitinya. Jadi ini telah mendatangkan faedah kepada syarikat Malaysia dan rakyat Malaysia.

Syarikat-syarikat Malaysia telah melabur dalam bidang perbankan. Bank-bank kita berada ataupun beroperasi di hampir, di setiap negara ASEAN. Syarikat-syarikat perladangan, syarikat-syarikat telekomunikasi kita, hotel-hotel kita, industri penerbangan MAS dan AirAsia umpamanya, syarikat perkilangan kita. Bukan sahaja kita menerima pelaburan daripada negara ASEAN yang lain tetapi milik syarikat Malaysia juga melabur di negara-negara yang lain. Begitu jugalah tenaga mahir dan tenaga kerja kita ada menerima daripada negara ASEAN yang lain. Itu realitinya.

Yang melabur ini bukan sahaja syarikat besar tetapi juga syarikat kecil. Kita ada lebih 1,000 buah syarikat Malaysia melabur di negara ASEAN. Yang besar-besar termasuklah umpamanya MAS, AirAsia, Maybank, CIMB, UE, Sime Darby, Petronas. Yang kecil-kecil pun ada, Julie's, Ramly Burger, Mamee. Ini syarikat-syarikat kecil dan juga syarikat-syarikat melabur di luar negara.

Bagi pengguna pula, dengan adanya ASEAN pengguna telah mendapat pilihan, *consumer choice* dengan izin dan barang-barang dibeli dengan harga lebih kompetitif, kualiti lebih baik. Jadi yang untungnya rakyat Malaysia, rakyat ASEAN, pengeluar dan juga pengguna. Jadi secara keseluruhannya, ekonomi ASEAN ini semakin *integrated* dengan izin dan semua negara ASEAN telah mendapat faedah daripada integrasi ekonomi ASEAN yang semakin mantap dan pada hujung tahun ini *insya-Allah* Perdana Menteri kita akan mengumumkan, mengisytiharkan ASEAN sebagai satu komuniti. Komuniti ASEAN ada tiga tonggak. Satu tonggak politik. Yang kedua tonggak ekonomi. Yang ketiga tonggak sosial budaya dan Malaysia sebagai penggerusi ASEAN akan mengisytiharkan ASEAN sebagai satu komuniti dan ini kita yakin akan meningkatkan lagi integrasi antara negara-negara ASEAN yang telah membawa kemakmuran, keamanan dan kemakmuran kepada kita semua.

Bahagian yang kedua, soalan Yang Berhormat Bagan Serai ialah berkaitan TPP. TPP ini sudah lama sudah, lima tahun dirundingkan dan dalam lima tahun ini pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai pertemuan, perbincangan, telah mendapat input daripada pelbagai pihak sama ada sektor industri maupun politik.

**■1010**

Di Parlimen, kita telah tubuhkan satu kokus, enam Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Berhormat Jasin dan kita ada lima orang ahli pembangkang. Kali terakhir saya jumpa kokus ini kira-kira dua minggu yang lalu, kali ke-14 saya jumpa dengan kokus secara formal. Secara tidak formal jumpa di merata-rata, secara formal saya berjumpa dengan kokus Parlimen enam Ahli Parlimen BN dan lima orang ahli pembangkang. Kami berbicara dalam suasana yang penuh muhibah dan secara terbuka. Kita ucapkan terima kasih input daripada Ahli-ahli BN dan juga pembangkang kepada MITI dan saya dalam memandu perbincangan mengenai TPP.

Tuan Yang di-Pertua, 5 Oktober selesai perbincangan antara menteri-menteri di Atlanta, Georgia. Pengumuman telah dibuat. Kerajaan secara keseluruhannya berpuas hati dengan hasil rundingan. Kita sedia maklum ada untung dan ada faedah untung, ada juga perkara-perkara yang menimbulkan cabaran kepada kita. Dia tidak pernah kata bahawa TPP ini 100% baik belaka. Kita mengakui bahawa ada baiknya, ada juga perkara yang menimbulkan cabaran tetapi secara keseluruhannya kerajaan berpendapat bahawa ia boleh memberi manfaat kepada kita.

Integrasi di kalangan jika TPP ini selesai, sekarang ini ada beberapa perkara lagi. Walaupun perbincangan rundingan telah pun selesai di Atlanta tetapi ada beberapa perkara teknikal yang masih belum diselesaikan lagi. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini dan apabila selesai semua, *insya-Allah* akan dihebahkan kepada umum. Seperti yang dijanjikan, satu perbaahan akan diadakan dalam Parlimen dan ketetapan akan dibuat di Dewan Rakyat sama ada Malaysia hendak menyertai TPP ataupun tidak.

Antara perkara-perkara yang kita rasa yang boleh memberi faedah kepada Malaysia. Yang pertama ialah *market access* ataupun akses pasaran. Sektor-sektor seperti tekstil, kelapa sawit, *electrical electronic*, ini satu perkara yang penting khususnya bagi pasaran negara-negara yang belum ada FTA. Ini adalah Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru.

Kedua, kita telah berjaya untuk mempertahankan dasar bumiputera. Dasar bumiputera diiktiraf dalam FTA, dimasukkan dalam perjanjian khususnya berkaitan dengan perolehan kerajaan. Ini satu perkara yang kita rasa amat penting kerana saya tahu ini merupakan keimbangan masyarakat bumiputera. Ada yang menyatakan bahawa dengan TPP maka bumiputera akan hilang segala-galanya. Saya ingin memberi jaminan bahawa kita telah berjaya untuk memastikan bahawa dasar bumiputera ini dapat diteruskan.

Mengenai ubat, satu perkara yang penting. Juga kita tidak mengubah ciri-ciri utama Dasar Paten Negara yang sedia ada dan terus kekal. Pada pandangan kerajaan, *insya-Allah* harga ubat tidak akan naik melalui TPP. Itu pada pandangan kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita berunding dengan 11 buah negara termasuk Malaysia 12 kerana kita sebagai sebuah negara perdagangan, bergantung pada dunia. Kita rasa elok kita terlibat sama. Kalau kita tidak termasuk dalam rundingan ini, mungkin kita akan kerugian dari segi pelaburan. Kita harus ingat bahawa pelaburan Malaysia di luar negara melebihi pelaburan asing dalam negara. Maknanya kita perlu pelabur-pelabur kita di luar negara juga

mendapat perlindungan daripada TPP ini. Jadi sebagai contoh, duti import, barang-barang tekstil di Amerika Syarikat umpamanya 73% daripada eksport ini akan dimasukkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPP ini akan menguntungkan syarikat-syarikat tekstil. Kita juga telah berjaya berunding pengurangan penghapusan duti import kepada barang getah, minyak sawit, alat ganti automatif. Ini antara contoh-contoh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ASEAN telah berjaya untuk meningkatkan integrasi ekonomi. Malaysia telah mendapat faedah yang besar, pelaburan perdagangan pelancongan 70%, Yang Berhormat Menteri Pelancongan ada di sini, 70% daripada pelancong yang masuk ke Malaysia datang dari negara ASEAN. Ini adalah kerana integrasi kita yang rapat dan kita yakin bahawa pendapatan kita dalam TPP juga akan memberi faedah kepada negara kita Malaysia.

Apa pun kita akan bentangkan hasil dengan izin *cost benefit analysis*. Ia belum dimuktamadkan lagi perjanjian ini dan Ahli Parlimen akan buat keputusan sama ada Malaysia hendak menyertai perjanjian ini ataupun tidak apabila tiba masanya. Kita jangka dalam tempoh kira-kira tiga bulan mungkin lepas belanjawan, mungkin kita belum runding dengan Speaker Dewan Rakyat perkara ini ataupun TPP akan dibentangkan dalam Parlimen untuk perbahasan dan ketetapan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali, saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pasukan perunding negara kerana sampai akhirnya telah sampai ke tahap persetujuan dalam draf perjanjian TPP dan memastikan kepentingan negara dalam semua aspek yang penting termaktub dengan kemas.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian TPP akan membawa peluang yang banyak kepada Malaysia melalui *inbound* ataupun pelaburan dalam negara dan juga *outbound* dengan izin, pelaburan di luar negara dan eksport. Soalan saya, bolehkah MITI secara spesifik menyatakan beberapa sektor ataupun produk yang mempunyai potensi besar untuk meraih peluang dalam TPP. Apakah bentuk persediaan yang perlu ditingkatkan dan apakah perancangan kerajaan bagi merangsang dan memperkuuhkan lagi sektor atau produk yang dikenal pasti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Pertama seperti yang saya sebut dalam jawapan saya tadi, antara faedah yang akan diraih dari TPP ini ialah di negara-negara yang mana Malaysia belum ada lagi perjanjian. Kita ada 12 buah negara tolak Malaysia jadi 11. Jadi daripada sebelas itu, empat lagi kita belum ada perjanjian perdagangan bebas, tujuh kita dah ada. Yang empat belum ada ini ialah Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru. Jadi maknanya pasaran di negara-negara ini akan dibuka untuk Malaysia dan dalam beberapa kes duti akan dihapuskan, akan dimansuhkan sebaik sahaja TPP terlaksana. Paling awal pada 2018, sekarang 2015, paling awal 2018, tiga tahun lagi. Maka tahun pertama itu, duti bagi beberapa barang akan dimansuhkan, akan jadi sifar di empat buah negara tersebut bagi barang-barang tertentu.

Mengenai sektor-sektornya, ia termasuklah kalau pasaran Amerika Syarikat termasuklah barang elektronik dan *electrical*. Pada masa ini cukainya 3% hingga 5%, selepas TPP berkuat kuasa jadi sifar. Jadi ini sektor yang mungkin mendapat faedah. Bagi pasaran Amerika, Kanada umpamanya mengenai barang-barang getah, sekarang ini daripada 2% hingga 14%, juga akan menjadi sifar. Begitu jugalah keluaran kelapa sawit. Pasaran Kanada umpamanya kira-kira 11%, sekarang ini kadar duti import yang kena dibayar. Apabila terlaksananya TPP jadi sifar juga. Selain itu, barang-barang kayu, ini ada kepentingan kita juga kayu ini, Sabah dan Sarawak pengeksport barang kayu, daripada 6% hingga 10% akan menjadi sifar. Ini antara sektor-sektor yang akan dapat faedah atau manfaat.

Seperti Yang Berhormat sebut tadi, kita bukan sahaja berharap TPP akan meningkatkan minat pelabur asing untuk melabur dalam negara kita. Sekarang ini Malaysia kalau dalam bidang pembuatan kira-kira 60% pelaburan dalam bidang pembuatan datang daripada negara asing. FDI dalam bidang pembuatan ialah 60%, 40% tempatan. Jadi kita harap ini akan merangsang minat mereka untuk melabur. Negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Johor, Selangor, ini antara negeri-negeri yang banyak bergantung pada pelabur asing termasuklah Kulim di Kedah.

Selain itu kita juga ada pelabur-pelabur Malaysia yang banyak melabur di luar negara, Petronas, Khazanah, Sime Darby dan syarikat-syarikat ini. Pada masa ini saya hendak ulang, saya hendak maklumkan di Dewan ini bahawa pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara melebihi pelaburan asing dalam negara kita. Maka itu, kita hendak lindung juga pelabur-pelabur Malaysia yang melabur di luar negara. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat perkembangan yang terkini ini, penurunan nilai ringgit memberi kesan yang cukup besar kepada nilai dagangan kita terutama yang melibatkan pedagang dan pengguna yang melibatkan import eksport. Jadi sejauh mana kerajaan menangani isu penurunan ringgit ini supaya tidak memberi kesan yang cukup besar kepada pedagang tempatan. Dalam penerangan Menteri tadi menjelaskan bagaimana cabaran utama yang dilalui oleh pihak kerajaan dalam rundingan TPP ini.

## ■1020

Jadi apakah cabaran utama yang dimaksudkan oleh Menteri dan sejauh mana sensitiviti agama diambil kira dalam perundingan TPPA ini supaya ia tidak memberi kesan langsung dalam pelaksanaan di masa depan sekiranya perkara ini diluluskan di Dewan, mempunyai kesan yang cukup besar kepada perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti agama? Banyak perkara yang mungkin boleh disentuh. Jadi sejauh mana dasar ini dipertahankan oleh pihak kementerian. Saya ingin tahu cabaran-cabaran utama dalam perundingan ini. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Rantau Panjang. Pertama, teks perjanjian ini akan dihebahkan kepada umum dalam tempoh terdekat. Sekarang ini ada beberapa perkara yang belum selesai lagi. Walaupun muktamad perbincangan rundingan tetapi ada beberapa perkara teknikal - setiap hari kami masih lagi berunding melalui e-mel, belum selesai lagi termasuklah Malaysia. Apabila selesai nanti, mungkin

seminggu selepas itu, akan dihebahkan kepada umum. Jadi Yang Berhormat boleh tahu apa cabaran, ancaman kepada agama dan kepada Malaysia. Jadi sekarang saya cerita kepada Yang Berhormat, mungkin tidak yakin sepenuhnya. Yang Berhormat sudah pasti dapat semak apabila teks ini akan didedahkan kepada umum.

Berkaitan dengan sensitiviti agama, antara lainnya halal umpamanya. Malaysia memainkan peranan utama. Saya memainkan peranan utama untuk memastikan bahawa standard halal JAKIM Malaysia diiktiraf di negara-negara TPP. Itu maknanya tidak kacau. Bukan bermakna dengan adanya TPP kena terima standard halal Amerika ataupun Vietnam. Standard halal Malaysia akan terus terpakai. Ini secara langsungnya. Hal-hal lain berkaitan dengan agama, kita sedia maklum dalam Perlembagaan. Bukan maknanya TPP akan mengancam kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan. Tidak sekali-kali begitu. Jadi kita rasa, kita berpendapat bahawa TPP tidak akan mengancam kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan, agama rasmi negara kita.

Berkaitan dengan cabaran ini, dalam apa yang kita lakukan, ada buruk dan ada baiknya. Apa-apa juga. Dalam penjelasan saya, saya kata umpamanya mengenai buruh asing, ada buruknya. Buruknya mungkin beberapa kawasan di Chow Kit tidak ramai orang kita, di Petaling Street. Yang baiknya kalau tidak ada buruh asing, maka kelapa sawit tidak dapat dikait, bangunan-bangunan tinggi tidak dapat dibuat, KLIA tidak dapat dibuat. Maka secara keseluruhannya, dasar buruh asing kita telah membawa faedah kepada negara kita.

Jadi TPP pun ada buruk baiknya. Itu sebabnya kita buat kajian *cost-benefit analysis*. Cabarannya antara lain, mungkin akan meningkatkan saingan. Mungkin beberapa PKS akan merasai sedikit cabaran. Itu antara sektor-sektor yang mungkin merasa sedikit cabaran tetapi kerajaan sudah pasti perlu meningkatkan *capacity building*. Usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing syarikat SME kita perlu ditingkatkan. Dalam pada itu, seperti saya sebutkan tadi, SME Malaysia sudah pun menembusi pasaran luar. Bukan sahaja kita akan menghadapi cabaran, ada peluang. Setiap cabaran itu ada peluang kerana banyak syarikat kecil kita sudah pun berada di luar negara.

Ketiga, berkaitan dengan Ringgit Malaysia dan perdagangan. Ini sudah pasti akan diterangkan dengan lebih lanjut oleh Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan. Secara khususnya, kita belum dapat bahawa kita tidak mahu keadaan ringgit tidak menentu. Kita perlu ada *certainty*. Ini penting untuk perdagangan. Ada buruk baiknya. Sektor-sektor yang banyak bergantung kepada import, sudah pasti akan rasa tertekan tetapi syarikat-syarikat mengeksport sudah pasti akan mendapat faedah. Umpamanya, harga kelapa sawit hari ini naik sedikit. Itu antara kesan daripada penurunan nilai ringgit tetapi kita tahu ada sektor-sektor yang terkesan.

Secara umumnya, kita mahu sebuah mata wang yang stabil, kita mahu mata wang yang kukuh dan kita yakin bahawa langkah-langkah akan diumumkan dalam Belanjawan untuk memastikan mata wang kita stabil dan akan menikmati sedikit kekuahan dalam masa terdekat. Terima kasih.

2. **Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan langkah-langkah spesifik yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia khususnya pasaran negara China dan sejauh mana pencapaian KPI dalam kehadiran pelancong asing untuk tahun 2015.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:**

Belum panggil sudah bangun. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia telah menjalankan pelbagai promosi yang strategik di setiap pasaran bagi menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia. Ini merangkumi pasaran ASEAN, Asia Afrika, Eropah yang mana Tourism Malaysia telah dan akan menjalankan aktiviti promosi seperti pameran pelancongan, misi jualan, promosi makanan dan kebudayaan serta *roadshow*. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia juga sentiasa mempelbagaikan usaha-usaha promosi di negara China. Aktiviti-aktiviti galakan pelancongan utama yang dilaksanakan adalah seperti misi galakan, pameran pelancongan, seminar, pengiklanan dan aktiviti perhubungan awam.

Di samping aktiviti-aktiviti tersebut, Tourism Malaysia turut melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) menggunakan saluran media sosial secara meluas dalam memasarkan Malaysia kepada pasaran China;
- (ii) meningkatkan jaringan kerjasama di bawah program *Mega Fame* dengan membawa wartawan dan media, *social influencer* seperti *bloggers*, agensi pelancongan serta krew perfileman;
- (iii) mengguna pakai acara-acara penting bagi promosi taktikal di luar negara seperti F1 Grand Prix, karnival jualan mega, *Sarawak Rainforest World Music Festival*, *Colours of 1Malaysia*, *1Malaysia International Tourism Night Floral Parade – ‘Magic of the Night’*, *Fabulous Food 1Malaysia* dan lain-lain;
- (iv) memperkenalkan pakej insentif istimewa yang memberi fokus kepada percutian premium;
- (v) meneruskan kerjasama pintar dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan badan-badan korporat;
- (vi) membawa masuk penerbangan sewa khas (*charted flight*) melalui kerjasama dengan pengusaha pelancongan dan syarikat penerbangan seperti AirAsia X dan syarikat penerbangan lain pasaran di China dan Taiwan; dan,
- (vii) bekerjasama dengan lain-lain NTO (*National Tourism Organization*) seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi mempromosikan pakej-pakej percutian gabungan dua destinasi (*duo destinations*) atau destinasi pelbagai (*multi destinations*) untuk meningkatkan kapasiti kemudahsampaian dan bilangan pelancong asing ke Malaysia.

Antara usaha-usaha spesifik yang telah dan akan diadakan bagi pasaran ini bagi 2015 adalah misi galakan ke China, *Shanghai World Travel Fair, MyFest Tourism Roadshow in conjunction with WTF, Roadshow to Incheon in conjunction with participation in Beijing International Tourism Expo*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Working Visit to Beijing 1, Working Visit to Beijing 2, China-ASEAN Expo 2015, Working Visit to Shanghai and Attending World Island Tourism Conference (WITC), Guangdong, 21st Century, Maritime Searoad International Expo dan China International Travel Mart.*

Pencapaian KPI dalam ketibaan pelancong asing untuk tahun 2015 bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 adalah seramai 12.56 juta orang pelancong asing iaitu penurunan sebanyak 9.4% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014 iaitu seramai 13.9 juta orang pelancong asing. Namun tahun 2014 adalah Tahun Melawat Malaysia yang mana lebih besar peruntukan disediakan bagi menjayakan berbagai-bagai program dan promosi. Justeru, jika perbandingan dibuat dengan tahun 2013 iaitu satu tahun yang normal bagi pelancongan, bagi tempoh yang sama, pencapaian setengah tahun 2015 masih menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1% dengan ketibaan seramai 12.55 juta orang pelancong.

Penurunan jumlah ketibaan pelancong asing pada pertengahan pertama tahun 2015 ialah kerana kesan lanjutan daripada insiden MAS dan AirAsia pada tahun 2014, peruntukan yang kurang berbanding dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, kesan bencana banjir di Pantai Timur Malaysia pada hujung tahun 2014 dan awal 2015 dan kegawatan ekonomi di negara pasaran terlibat terutama seperti di pasaran Eropah. Terima kasih.

#### ■1030

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri Pelancongan kerana walaupun sudah dapat Timbalan Menteri baru-baru ini tetapi tetap datang menjawab sendiri. Ini contoh Menteri yang baiklah. *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Bukan macam orang lain.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Memandangkan bahawa setiap negara yang ingin membangunkan industri pelancongan tahu bahawa pasaran negara China adalah pasaran pelancong yang paling besar di dunia dengan jumlah penduduk yang begitu ramai. Apakah pendirian pihak Kementerian Pelancongan berkenaan dengan langkah-langkah untuk cuba memberikan pengecualian visa kepada pelancong-pelancong dari China secara keseluruhannya? Walaupun saya tahu bahawa kerajaan telah melonggarkan sedikit dengan memberikan pengecualian cukai kepada pelancong berkumpulan atau *group tour* seramai 20 orang tetapi kepada pelancong-pelancong individu masih belum ada pengecualian visa.

Apakah pendirian pihak kementerian dalam perkara ini untuk memberikan pengecualian visa kepada pelancong-pelancong khususnya dari China? Keduanya Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang kita tahu bahawa kedatangan pelancong daripada China agak berkurangan tahun ini kerana insiden MH370 pada tahun lepas. Imej Malaysia ada sedikit terjejas di negara China.

Saya ingin membuat cadangan kepada pihak kementerian supaya mempertimbangkan melantik ataupun memberikan satu peranan kepada seorang artis Malaysia yang begitu popular di negara China iaitu Shila Amzah kerana beliau adalah seorang penyanyi yang cukup popular di China. Pengikut dalam media sosialnya ada 2.5 juta. Kalau kementerian melantik beliau sebagai *tourism ambassador* ataupun duta pelancongan di China, saya yakin dia dapat membantu untuk menaikkan imej dan juga dapat memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia di pasaran negara China. Saya harap pertimbangan ini dapat disambut oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban. Memang betul seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Seremban iaitu *outbound tourist* bagi rakyat negara China ialah 120 juta. Memang besar dan memang merupakan pasaran yang menjadi perebutan bagi negara-negara pelancongan seperti Malaysia, Thailand, Indonesia dan juga Singapura.

Jadi soalan Yang Berhormat berkenaan dengan *visa free*, saya ingin menyatakan amat mendukacitakan kerana syarat-syarat yang begitu ketat sekali telah diberikan oleh pihak Imigresen bagi melaksanakan keputusan yang telah dibuat oleh Kabinet iaitu untuk memberikan *visa free* kepada pelancong-pelancong China. Mereka telah mengenakan syarat iaitu bahawa setiap *tourist* yang datang mesti berjumlah 20 orang dalam satu kumpulan *tourist* dan menerusi agen *tourism* dan kalau tidak, mereka tidak akan diberikan visa. Walhal kita tahu iaitu bahawa Negara China ini yang banyak melancong ke luar negara ialah *Free Independent Tourist* (FIT). Jadi *Free Independent Tourist*, dia tidak berjalan sampai 20 orang. Dia kadangkala dalam satu keluarga empat, lima orang buat keputusan hendak pergi bercuti dan mereka akan pergi ke negara-negara yang di mana tidak memerlukan mereka mendapatkan visa.

Oleh sebab itu saya ingin menyatakan dia tidak membantu. Pihak imigresen tidak membantu dalam memudahkan kedatangan pelancong-pelancong daripada Negara China ke negara kita. Negara Rusia, negara komunis dahulu datang ke Malaysia *free visa*, 30 hari. Akan tetapi negara China yang dahulu juga komunis, sekarang pun komunis daripada segi fasadnya sahaja, mereka tidak diberikan visa.

Jadi, saya tidak faham mengapa ini boleh berlaku. Jadi pada saya, kalau kita lihat negara Thailand, peningkatan daripada pelancong-pelancong negara China empat juta, peningkatan lebih daripada 10%. Begitu juga Indonesia, kita mendapat maklumat iaitu bahawa Indonesia, peningkatan hampir 4% dengan jumlah hampir lebih daripada sejuta kehadiran, tetapi Malaysia jatuh. Saya ingin menyebutkan di sini iaitu bahawa ketibaan pelancong China bagi bulan Januari hingga ke Jun 2015, berbanding dengan tahun 2014, Januari – Jun 2015 cuma 751,383. Bulan Januari – Jun 2014, kedatangan mereka 850,877 iaitu -11.7%.

Dalam keadaan yang negara-negara pelancongan yang menjadi jiran kepada kita menghapuskan visa seperti Indonesia dan Thailand dan mendapat juga jumlah pelancong yang besar, Malaysia mengetarkan lagi dan tidak melaksanakan keputusan yang telah dibuat oleh

Kabinet. Mereka mengetarkan lagi dengan seperti yang disebut tadi iaitu kurang daripada 20 tidak dikira sebagai kumpulan dan tidak layak untuk menerima visa.

Sebenarnya keputusan yang dibuat oleh Kabinet itu tidak dilaksanakan oleh pihak Imigresen dan amat merugikan negara kita terutama baru-baru ini Golden Week di China, kita telah kerugian seperti disebut oleh beberapa persatuan *travel* di Malaysia, jumlah kerugian berjuta-juta.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu untuk melantik Shila Amzah, minat kah Shila Amzah ini? *[Ketawa]* Saya sebut dalam jawapan saya iaitu di samping aktiviti-aktiviti tersebut, Tourism Malaysia turut melaksanakan usaha-usaha seperti berikut, penggunaan saluran media sosial. Jadi sudah tentulah cadangan Yang Berhormat kerana sememangnya Shila Amzah ini seorang penyanyi yang cukup popular di Negara China yang menyanyi dalam bahasa Mandarin, sudah tentu dia boleh dan dia mempunyai *followers* 2.5 juta ya? Dalam dia punya *Twitter*, dia ada *followers* dan saya amat bersetuju sekali dengan cadangan Yang Berhormat. Sudah tentu saya akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan saya akan berunding dengan pihak *Tourism Malaysia*. Ini satu cadangan yang cukup baik dan *insya-Allah*, boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana menjalankan berbagai-bagai usaha dan program bagi meningkatkan ataupun menarik pelancong asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita menerima berbagai-bagai ancaman dan cabaran termasuk baru-baru ini juga negara seperti Amerika Syarikat dan negara Australia keluarkan amaran kerana kita kemungkinan menerima ancaman serangan di Jalan Alor seperti – Jalan Alor ada *terrorist attack*. Sedang kementerian menjalankan berbagai-bagai program, tiba-tiba datanglah satu perhimpunan Bersih. *[Dewan riuh]*

Jadi saya hendak tanya, minta pandangan Yang Berhormat Menteri, saya rasa amat tidak adil kita sahaja menudung jari kepada kementerian dan tanggungjawab bagi menarik pelancong asing ke negara kita bukan sahaja terletak pada kerajaan tetapi pembangkang juga mempunyai tanggungjawab. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Ini Menteri sokong demonstrasi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Betull! Saya telah ditanya soalan oleh pemberita berkenaan dengan demonstrasi yang berlaku di negara kita sama ada ia akan menjelaskan pelancongan ke negara kita. Jawapannya tidak, ia tidak menjelaskan. *[Tepuk]*

■1040

Dua-dualah, baju merahkah, baju kuningkah, ia tidak menjelaskan. Oleh kerana saya hendak sebut di sini iaitu kalau pelancong-pelancong itu datang daripada negara Barat sebagai contoh Amerika, Eropah ataupun mereka datang daripada Jepun ataupun juga Korea.

Demonstrasi berlaku di negara mereka itu setiap hari, jadi tidak ada masalah. Kita juga mempunyai *Peaceful Assembly Act* yang mengizinkan untuk berdemonstrasi secara aman yang telah pun diberikan kepada rakyat. Jadi, kalau orang datang, pelancong datang daripada sebuah negara yang mana demonstrasi ini merupakan demonstrasi yang berlaku harian di negara mereka. Apa yang hendak mereka rasa takut, *it's normal*.

Jadi kepada saya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada CNN dan juga Al-Jazeera dan juga kepada BBC kerana telah menunjukkan selama dua hari, setiap jam iaitu demonstrasi yang dilakukan oleh baju kuning yang protes Perdana Menteri. Kita mendapatkan iklan yang nilainya sebenarnya berbilion, menunjukkan bahawa negara Malaysia kita negara Malaysia mengamal demokrasi. Juga membenarkan demonstrasi dilaksanakan walaupun protesnya terhadap Perdana Menteri, *seating Prime Minister*.

Jadi, saya dapat menyelamatkan berbilion wang untuk mengiklankan demokrasi yang cukup sihat. *[Disampuk]* Jadi, sebenarnya... *[Disampuk]* Ini apa fasal ini...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya celah sedikit?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Eh! Saya hendak jawab, duduklah, duduk dahulu, duduk dahulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak apalah, boleh saya celah, boleh saya celah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ini apa hal?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Friendly fire.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ini sebab saya hendak mengatakan perkara ini kerana...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Hendak celah, hendak celah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Kita jangan selalu merasakan sesuatu perkara itu berlaku, ia mempunyai impak yang negatif ke negara kita. Bagi saya, negara kita hendak sampai kepada tahun 2020, negara yang *developed country*. Bagi *developed country, freedom of expression* ini tidak boleh dihenti. Kita pun sudah *embraced charter* iaitu sosial media yang kita tidak- kita berjanji tidak akan- *the bill of guarantees* ini kita tidak boleh hendak *censor* sudah, kita sudah terima, tidak boleh gostan sudah. Jadi, sebab itu kepada saya jawapan daripada soalan Yang Berhormat itu sebenarnya ianya tidak menjelaskan pelancongan negara kita. Akan tetapi kalau baju merah buat janganlah marah pula, sama-sama kita buat, kena adillah. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya satu lagi soalan? Pelancongan ini.

3. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai status kualiti pendidikan negara menjelang berakhirnya gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada tahun 2015.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab soalan asal. Untuk maklumat Ahli Yang

Berhormat, gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia akan berakhir pada penghujung tahun 2015. Dalam tempoh gelombang pertama yang bermula pada tahun 2013 hingga akhir tahun 2015 ini, pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah menampakkan hasil melalui beberapa pencapaian awal yang memberangsangkan. Dari aspek peningkatan kualiti pendidikan, sebagai contoh Program Linus 2.0. Daripada 1,013,752 orang murid yang melalui proses saringan, sebanyak 98.7% murid Tahun 3 berjaya menguasai literasi asas bahasa Melayu dan 99% menguasai numerasi asas. Sementara 83% murid Tahun 2 berjaya menguasai literasi asas bahasa Inggeris.

Selaras dengan usaha meningkatkan kualiti sejarar dengan sistem pendidikan terbaik peringkat antarabangsa aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diterapkan secara menyeluruh di dalam kurikulum pedagogi dan juga pentaksiran. Untuk itu, seramai 15,768 orang guru sains, 16,023 guru matematik dan 50,957 guru subjek lain telah menjalani latihan pedagogi dan penaksiran untuk KBAT. Pada tahun lepas juga sebanyak 62 modul intervensi *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS), dengan izin, dan *Program International Student Assessment* (PISA) dengan izin, dibangunkan sebagai langkah jangka panjang bagi memastikan standard kurikulum dan penilaian kebangsaan adalah setara dengan TIMSS dan juga PISA. Manakala dari segi peningkatan kompetensi guru bahasa Inggeris pula, seramai 10,502 orang guru bahasa Inggeris telah dilatih semula di bawah *Program for English Language Teachers (Pro-ELT)*.

Program intervensi merangkumi komponen dalam bilik darjah dengan bantuan SISC+ dan ketua-ketua panitia. Manakala, bagi komponen luar bilik darjah ataupun kokurikulum pula, kementerian telah menjalankan usaha sama dengan pelbagai agensi termasuk Kedutaan Amerika Syarikat dan akademi tempatan. Dalam usaha untuk memartabatkan profesion perguruan seperti yang dihasratkan di bawah anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, syarat kemasukan guru baru telah diperketatkan. Pada tahun 2014, 100% guru pelatih baru yang diambil mendapat sekurang-kurangnya 5A di dalam peperiksaan SPM. Manakala, mereka yang mendaftar untuk Program Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) mendapat gred A untuk subjek Bahasa Inggeris.

Kualiti pemimpin sekolah juga menjadi keutamaan kepada kementerian. Di bawah inisiatif piagam pemimpin, lebih 2,000 pemimpin sekolah telah memperoleh *Sijil National Professional Qualification For Educational Leaders (NPQEL)*, dengan izin, dengan 63% daripada mereka memperolehi keputusan cemerlang iaitu CGPA 3.75 ke atas. Di samping itu, pelbagai program telah dijalankan bagi memastikan pemimpin pelapis sentiasa bersedia untuk meneruskan kepimpinan sedia ada. Segala pencapaian yang tersebut di atas merupakan hasil usaha gigih serta dedikasi pelbagai pihak berkepentingan, khususnya warga KPM dalam menjayakan transformasi pendidikan negara dengan kerjasama masyarakat-masyarakat kita. Pastinya usaha ini akan dipertingkatkan lagi apabila kita melangkah ke ambang gelombang kedua yang akan bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, saya ingin nyatakan tentang matlamat gelombang pertama ini dahulu iaitu ialah untuk tujuan asalnya untuk mengubah sistem dalam memberi sokongan kepada guru-guru dan juga memberi fokus kepada kemahiran utama. Jadi, dalam keadaan begitu, dua pasukan telah dilantik iaitu pasukan jurulatih saya difahamkan dua pasukan. Pertama, dinamakan *School Improvement Partner (SIP)* dan juga *School Improvement Specialist Coach (SISC)*. Dia dilantik di setiap PPD ini.

Jadi, apa yang saya hendak tahu sekarang ini, setakat mana kejayaan sistem *coach and coaching* ini. Dalam pembelajaran bahasa Inggeris saya difahamkan ada ura-ura untuk membawa *coach* daripada India yang di mana bahasa kedua mereka adalah bahasa Inggeris. Jadi, saya minta pihak Menteri untuk memberi sedikit penjelasan. Terima kasih.

#### ■1050

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu.

SIP+ adalah program untuk menyokong pemimpin-pemimpin sekolah, manakala SISC+ pula adalah program untuk menyokong meningkatkan kualiti PDP guru termasuk guru-guru bahasa Inggeris. SISC+ membimbang guru untuk memantapkan lagi proses PDP, mengenal pasti dan juga mengatasi isu-isu keperluan pembelajaran murid dengan mengaplikasikan PDP terbeza semasa pengajaran bahasa Inggeris dalam bilik darjah.

Pelaksanaan SIP+ dan juga SISC+ telah membantu meningkatkan kualiti pencapaian sekolah membawa kepada melonjaknya bilangan-bilangan sekolah di Band 1 dan 2 iaitu daripada 31% kepada 36.8% pada tahun 2014. Manakala gred purata sekolah, pencapaian UPSR subjek Bahasa Inggeris pada tahun 2014 ialah 2.65, lebih baik berbanding keputusan Bahasa Inggeris pada tahun 2013 iaitu 2.74. Ini dengan secara langsungnya memang jelas bahawa peranan SIP atau *School Improvement Partner* dengan peranan SISC+ atau *School Improvement Special Coach* ini telah membawa kejayaan-kejayaan yang dihasratkan. Walau bagaimanapun, kita masih terus menambahbaik program-program ini supaya dapat memantapkan lagi pencapaian anak-anak kita di sekolah.

Soalan kedua Yang Berhormat tadi tentang guru-guru pakar di negara ini yang memang menjadi salah satu agenda kita untuk membawa guru-guru ini dalam masa terdekat untuk membantu guru-guru di luar bandar atau sekolah-sekolah *hotspots* untuk menambahbaik mutu penggunaan bahasa Inggeris mereka pada masa yang akan datang. Saya jangka perjanjian ini akan kita selesaikan dalam masa yang terdekat supaya dapat membenarkan kita memulakan program-program seterusnya untuk memantapkan penggunaan bahasa Inggeris dalam konsep MBMMBI ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya. Sebelum itu, pantun untuk Yang Berhormat Setiu.

*Pagi-pagi makan bubur,  
Kita semua dari bumi Asia,  
Pantun Yang Berhormat Setiu memang berterabur,  
Oren, hijau, biru, merah, kitakan rakyat Malaysia. [Ketawa]*

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan ini saya dengan tekun mendengar semua pencapaian yang kita harapkan pada gelombang pertama ini. Saya ingin minta penjelasan dari sudut aspirasi sistem pendidikan Malaysia ini yang menyebut ada lima aspirasi iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Apa yang saya ingin tanya ialah bagaimakah jurang maklumat hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan ini dengan kelompok luar bandar, bilangan *dropout* dari sudut mereka yang terpaksa tinggal sekolah kerana kemiskinan dan yang penting ialah dengan semua pelan ini, bagaimakah akses bantuan pendidikan kepada penduduk luar bandar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar atas soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sentiasa mencari cara-cara bagaimana kita dapat memaklumkan segala aspirasi ini. Lima aspirasi ini merupakan di antara *foundation* ataupun asas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Kita meneruskan program-program kita untuk mendekati semua pembimbing, guru-guru dan ibu bapa. Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia juga mengenal pasti tanggungjawab mereka bagaimana kita dapat memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dapat tercapai. Oleh sebab itulah saranan ibu bapa juga diperkenalkan bagaimana kita dapat memastikan segala ini berjalan lancar

Kita setuju, ada beberapa perkara yang kita masih belum lagi mencapai. Contoh, hasrat kita dalam prasekolah, pelajar-pelajar yang masuk ke prasekolah. Sasaran kita ialah 88% tetapi kita hanya capai 83.7%. Apa tindakan? Kita akan cuba meningkatkan program Jom Daftar Masuk Prasekolah. Pada masa yang sama, contoh LINUS 2.0 untuk bahasa Inggeris. Had sasaran kita 100%, tetapi pencapaian kita 83% yang kita dapati. Kita akan menambahkan lagi Program Intervensi Bahasa Inggeris di bawah MBMBI seperti mana yang saya maklumkan pada Yang Berhormat Setiu tadi. Bagaimana?

Kita dapati ada jurang di kawasan bandar dan luar bandar dan kita telah mengenal pasti sekolah-sekolah di luar bandar yang memerlukan bantuan dan kita di Kementerian akan memastikan segala bantuan disalurkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar ini supaya pencapaian PDP akademik mereka dapat mencapai setaraf dengan sekolah-sekolah di bandar. Malah, ada contoh sekolah-sekolah di luar bandar seperti SJK(T) Kulim yang baru-baru ini telah mewakili negara pergi ke satu Program Sains di British dan memenangi pingat emas. Itu sekolah luar bandar tetapi pencapaiannya setaraf sekolah-sekolah bandar. Ini di antara kaedah-kaedah.

Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 dan saya akan mengedarkannya dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga Setiausaha Dewan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa yang terdekat supaya dapat mengikuti segala perkembangan dan pencapaian. Kita telus dalam menyampaikan maklumat dan saya pasti maklumat ini akan dapat membantu kita memahami hala tuju dan juga aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini dapat tercapai dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian dan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pelarian Rohingya di Malaysia dan rakyat Rohingya di Arakan.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Anifah bin Haji Aman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas pertanyaan yang telah pun dikemukakan.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pendirian dan dasar luar negara yang diamalkan oleh Malaysia amat jelas dan konsisten iaitu tidak mencampuri urusan dalaman mana-mana negara pun. Walau bagaimanapun, menyentuh isu pelarian Rohingya, Malaysia mengambil serius akan perkara ini dan percaya bahawa Kerajaan Myanmar perlu memainkan peranan yang lebih besar dan mengambil tindakan yang lebih konkret dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut.

Dalam mencari penyelesaian kepada isu pelarian Rohingya, Malaysia telah pun mengambil beberapa langkah proaktif di peringkat dua hala dengan Kerajaan Myanmar dan juga di peringkat pelbagai hala menerusi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ataupun ASEAN, Pertubuhan Kerajaan Islam (OIC) dan di bawah rangka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat dua hala pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan mengenai isu pelarian Rohingya semasa lawatan TYT Presiden Myanmar ke Malaysia pada bulan Mac 2015 yang lalu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun menyarankan kebimbangan Malaysia terhadap kebanjiran pelarian Rohingya di Malaysia dan juga tentang keadaan mereka yang begitu dalam keadaan yang tidak menentu.

Di samping itu juga, Kerajaan Malaysia juga telah mengambil inisiatif untuk membantu pelarian Rohingya dengan menganjurkan mesyuarat peringkat menteri iaitu pada 20 Mei 2015 di Putrajaya yang turut melibatkan Menteri Luar Negara Indonesia dan juga Thailand bagi mencari penyelesaian bersama.

Susulan mesyuarat tersebut, Malaysia dan Indonesia telah pun bersepakat dan bersetuju untuk membantu dan menyediakan tempat perlindungan sementara atas dasar kemanusiaan

untuk menampung kira-kira 7,000 pelarian Rohingya yang pada ketika itu dikatakan berada di perairan Teluk Benggala dan juga Laut Andaman.

Saya juga telah pun membincangkan masalah pelarian Rohingya semasa perbincangan dua hala dengan TYT Menteri Luar Negeri Myanmar pada 21 Mei 2015 di Nay Pyi Taw. Semasa perbincangan tersebut, saya telah pun menekankan kepentingan Negara Myanmar untuk mengenal pasti dan juga menyelesaikan punca utama kepada masalah pelarian Rohingya.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat pelbagai hala pula, Malaysia selaku Pengurus ASEAN 2015 telah menggunakan platform ASEAN untuk menyuarakan keprihatinan di samping menyeru Kerajaan Myanmar supaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyelesaikan masalah Rohingya. Malaysia sering membawa perkara ini ke sidang-sidang ASEAN termasuklah Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN ke-48 Pleno yang diadakan di Kuala Lumpur pada 4 Ogos 2015 dan Mesyuarat Tidak Formal Menteri-menteri ASEAN di New York pada 29 September 2015.

#### ■1100

Dalam konteks Pertubuhan Kerajaan Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pula, Malaysia merupakan antara negara yang berterusan menyumbang secara aktif dan konstruktif dalam perbincangan dan konsultasi di pelbagai peringkat mengenai isu pelarian Rohingya ini. Isu ini juga menjadi antara topik penting yang sering dibangkitkan di persidangan-persidangan utama OIC yang mana Malaysia sentiasa menegaskan bahawa penglibatan dengan Kerajaan Myanmar adalah penting dalam mencari penyelesaian kepada isu pelarian Rohingya. Saya juga sempat berbincang dengan *Foreign Secretary* United Kingdom iaitu Hon. Philip Hammond dan juga *Secretary* Amerika Syarikat iaitu Senator John Kerry tentang keadaan yang kita hadapi dan meminta bantuan kepada mereka cara-cara hendak kita menyelesaikan masalah Rohingya ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Malaysia akan terus membawa isu pelarian Rohingya untuk dibincangkan di platform-platform seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Kerajaan Islam (OIC) dan di bawah kerangka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada masa-masa akan datang. Di samping itu juga, Malaysia akan meneruskan kerjasama dua hala yang erat dengan Myanmar dan negara-negara lain di peringkat antarabangsa untuk membantu menangani isu pelarian Rohingya ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Oleh kerana isu ini masalah agama dan kemanusiaan sangat, bahkan perkara ini melampaui sifat kemanusiaan, melangkah batas-batas agama dan kaum. Kita melihat bagaimana kita telah mencipta rekod yang sangat baik dalam peristiwa peperangan Vietnam apabila menerima pelarian Vietnam di pantai timur kepulauan kita dengan penuh kemanusiaan dan sangat dihargai.

Namun yang terkini, kita melihat Myanmar terus bersikap keras dan berdegil, sudah berlarutan dan kita melihat bagaimana peristiwa yang lain seperti Congo, Bosnia dan lain-lain apabila adanya kepentingan Barat. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu diminta membuat

keputusan yang sangat tegas sehingga melibatkan tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Akan tetapi apabila tiada kepentingan mereka, berlakunya *double standard* dan membebangkan kepada negeri-negeri yang kecil, negeri-negeri yang sedang membangun khususnya negara Islam. Apakah langkah yang lebih tegas melalui pertubuhan antarabangsa serantau ASEAN, OIC dan PBB supaya mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap Myanmar ataupun tekanan yang membolehkan mereka membuat perubahan dan sikap yang betul?

Kedua, mereka yang sudah datang ke sini bertaraf pelarian, menghadapi masalah pendidikan, masalah kehidupan dan sebagainya. Sejauh mana kita mengarahkan peranan ataupun mengambil langkah supaya jabatan-jabatan kerajaan, agensi kerajaan, NGO berperanan untuk membantu mereka dalam menangani isu pelarian? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa isu ini adalah kompleks sekali dan di antaranya iaitu konflik etnik Rohingya di Myanmar ini adalah merupakan isu pengiktirafan taraf kewarganegaraan dan isu ini adalah rumit. Saya percaya bahawa dalam perbincangan-perbincangan kita dengan negara Myanmar dan melalui perundingan saya dengan Menteri Luar Myanmar bahawa ini adalah satu isu yang mereka sendiri tidak pada ketika ini boleh selesaikan dengan secepat mungkin.

Saya juga telah pun menyuarakan tentang keimbangan Malaysia dan juga negara-negara OIC tentang *ethnic cleansing* ataupun daripada segi sudut agama dan Myanmar pada amnya tidak bersetuju bahawa ini adalah pergaduhan di antara agama ataupun etnik di Rakhine. Walau bagaimanapun, kita akan terus mengusahakan supaya masalah ini dapat diselesaikan dan juga penglibatan masyarakat antarabangsa juga penting dan itulah di antara sebab-sebab saya telah pun membangkitkan isu-isu ini dengan *Secretary Amerika Syarikat* dan juga *Foreign Secretary United Kingdom* dan juga telah pun kita bawa dalam OIC dan juga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya sendiri mengakui bahawa setiap perjumpaan, setiap perundingan dengan Kerajaan Myanmar, antara topik yang kita bangkitkan ialah isu Rohingya ini.

Tentang kemudahan-kemudahan yang kita beri kepada pelarian-pelarian Rohingya ini, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Malaysia bukan merupakan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967 ataupun *Convention relating to the Status of Refugees 1951 and The 1967 Protocol*, dengan izin yang menjadi asas kepada menentukan taraf-taraf pelarian dan memohon untuk mencari suaka. Konvensyen berkenaan menyatakan bahawa pelarian berhak menerima hak yang sama rata seperti warganegara di negara berkenaan dalam aspek seperti berikut:

- (i) hak beragama dan mendapatkan pendidikan agama;
- (ii) hak kepada kehakiman termasuklah bantuan perundangan;
- (iii) akses kepada pendidikan;
- (iv) akses kepada bantuan dan sokongan daripada kerajaan; dan,

- (v) mendapat bantuan sara hidup disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kerajaan berpendapat sekiranya Malaysia menandatangani konvensyen ini dan disokong oleh faktor kedudukan geografi Malaysia yang strategik di rantau Asia Tenggara, ia akan menjadi satu daya penarik ataupun *pull factor* kepada orang pelarian datang ke Malaysia dan kerajaan tidak mahu pendatang asing mendakwa diri mereka sebagai orang pelarian namun sebenarnya datang ke Malaysia atas sebab-sebab ekonomi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Speaker. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya pendek sahaja. Kerajaan mengumumkan bahawa telah bersetuju untuk menerima kehadiran pendatang Syria dan mereka dikatakan akan terpilih daripada kalangan profesional. Adakah layanan yang sama akan diberikan kepada pelarian Rohingya? Terima kasih.

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan yang berasingan tentang pelarian dari Syria yang akan datang. Saya harap Yang Berhormat akan berada di Dewan pada ketika itu. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri, maaf. Pertanyaan saya, adakah layanan yang sama akan diberi kepada pelarian Rohingya ini juga?

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi bahawa daripada perbezaan di antara pelarian Syria dan Rohingya. Apa yang saya katakan tadi, saya akan jawab secara terperinci tentang kemosyikilan-kemosyikilan dan apa yang masyarakat ataupun pelarian Syria yang mereka hadapi dan sebab-sebab kita menerima 3,000 pelarian dari Syria dalam masa tiga tahun. Saya harap oleh kerana soalan-soalan itu begitu menarik sekali, izinkan saya untuk menjawab bersekali pada ketika itu. Terima kasih.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk menstabilkan serta mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia; dan
- (b) usaha-usaha kerajaan untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai dengan isu kemerosotan ekonomi negara pada ketika ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ringgit serta kebanyakan wang utama dan serantau secara amnya berada pada trend merosot disebabkan oleh pengukuhan Dolar Amerika Syarikat berikutan data ekonomi Amerika Syarikat yang bertambah baik dan jangkaan kenaikan kadar faedah, ketidaktentuan perkembangan ekonomi di Greece dan keimbangan terhadap

kelembapan ekonomi negara China serta penurunan Yen turut menjelaskan prestasi mata wang serantau.

#### ■1110

Tambahan pula Ringgit mengalami penurunan disebabkan juga oleh kejatuhan harga komoditi dunia dan faktor tempatan. Ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun dalam persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, *volatility* pasaran kewangan serta kelembapan ekonomi serantau yang memberi kesan kepada ekonomi negara. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2015 ekonomi negara mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 5.3% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik terutamanya perbelanjaan sektor swasta.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2015 dijangka mencatat pertumbuhan dalam lingkungan 4.5% hingga 5.5% disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mereka menjangkakan Malaysia akan mencatat KDNK sebenar sebanyak 4.7% bagi tahun 2015. Dengan mengambil kira keadaan semasa, kerajaan mengambil langkah untuk menangani dan mengurangkan impak global kepada ekonomi sebenar negara.

Antara langkah-langkah tersebut termasuk:

- (i) mengadakan Skim Jaminan Modal Kerja sebanyak RM5 bilion disediakan bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan dan RM2 bilion disediakan bagi sektor-sektor yang lain;
- (ii) pengecualian duti import akan diberi kepada 90 baris tarif yang terdiri daripada alat ganti, bahan guna habis dan peralatan penyelidikan yang tidak dikeluarkan dalam negara khusus untuk sektor perkilangan sehingga ekonomi global pulih. Pengecualian ini memberi manfaat kepada 900 buah syarikat pengilang yang akan menikmati penjimatan kos operasi antara 100 ribu hingga 500 ribu;
- (iii) bagi sektor pelancongan kerajaan akan menambah peruntukan RM80 juta bagi memperhebat aktiviti promosi di pasaran terpilih seperti ASEAN, negara China dan India.

Ekonomi atau usaha mentransformasikan ekonomi untuk mempelbagaikan dan memastikan kebergantungan kepada sektor-sektor tertentu dapat dikurangkan akan diteruskan. Kalau kita lihat sektor komoditi ini hanya menyumbang sebanyak 18% daripada KDNK Malaysia.

Selain daripada itu Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan agensi yang lain juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membangunkan pasaran modal. Pasaran bon tempatan contohnya telah berkembang daripada 73.3% daripada KDNK pada tahun 2000 kepada 95.3% daripada KDNK pada suku kedua pada tahun 2015. Pasaran bon Malaysia juga kini merupakan antara pasaran bon terbesar di rantau Asia selepas Korea dan Jepun.

Melalui pasaran bon dalam mata wang tempatan yang aktif ini juga telah membantu memastikan atau mengurangkan risiko dedahan terhadap pergerakan mata wang berada pada

tahap yang minimum. Pelaksanaan juga adalah mengenai penubuhan pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara disegerakan.

Selain daripada itu setakat Jun 2015 Malaysia merupakan pengeksport bersih modal di mana pelaburan langsung di luar negara adalah berjumlah RM520 bilion berbanding dengan pelaburan langsung asing berjumlah RM477 bilion. Bagi memastikan kestabilan pasaran-pasaran kewangan GLC dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah digalakkan menzahirkan keuntungan pelaburan mereka di luar negara untuk dilaburkan di dalam negeri dalam projek yang mempunyai nilai berganda yang tinggi. Syarikat swasta Malaysia juga digesa untuk mengambil tindakan atau langkah yang serupa.

Pengaktifan semula ValueCAP dengan dana sebanyak RM20 bilion. Selain daripada itu, kerajaan juga telah menujuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi pada 20 Ogos yang terus melapor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jawatankuasa Khas Ekonomi ini akan mempertimbangkan perancangan serta-merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia. Ini termasuk isu semasa seperti nilai ringgit meyakinkan atau mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal. Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapan kepada Menteri yang telah menjawab soalan saya yang langkah-langkah untuk menstabilkan. Akan tetapi apa yang saya dengar jawapan Menteri yang tidak memberi sebarang keyakinan kepada rakyat kita selain daripada mensubsidi di sini membantu, kita punya bajet mungkin tidak begitu mampu atas cadangan Yang Berhormat Menteri tadi.

Soalan tambahan saya, bagaimana kita memperjelaskan isu ini yang amat serius kepada rakyat kita? Ini belum dijawab. Bukan di main, dipolitikkan oleh pihak pembangkang terutama sekali Yang Berhormat Bagan semalam. *[Dewan riuh]* Yang mana kononnya...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Putatan, soalanlah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** 1MDB ini adalah satu punca...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan, soalan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...kemerosotan nilai ringgit kita. Pagi tadi Menteri MITI telah memperjelaskan juga bahawa pelaburan kita di luar lebih daripada pelaburan asing di negara kita ya. Jadi adakah Menteri bersetuju dengan saya bahawa TPP ini akan juga satu-satunya langkah untuk menstabilkan ringgit kita dengan dibandingkan dengan Dolar Amerika. *[Dewan riuh]* Soalan jugalah. Apa...

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini Yang Berhormat Bagan pun politikkan fasal apa?

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini mengelirukan rakyat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Dari segi maklumat ini kebanyakannya disampaikan melalui media massa dan juga oleh kebanyakan Menteri dan Timbalan Menteri apabila mendapat soalan-soalan daripada pemberita. Maka isu atau dari segi maklumat mengapa nilai mata wang ringgit menghadapi boleh dikatakan penurunan juga diperjelaskan oleh kebanyakannya daripada Menteri-menteri Kabinet.

Nombor dua dari segi isu yang dikatakan dari segi keadaan ekonomi negara kita. Sebenarnya pada permulaan terdapat keraguan atau boleh dikatakan keimbangan apabila harga komoditi menurun sama ada dari segi imbangan dagangan negara kita masih menjadi positif. Sehingga sekarang pada bulan Ogos baru-baru ini boleh dikatakan imbangan positif kita adalah masih sihat pada RM10 bilion.

Untuk tahun lepas dari tahun 2014 Januari hingga Ogos imbangan dagangan positif kita adalah sebanyak RM52 bilion. Untuk tahun ini adalah sebanyak RM54 bilion. Maka ia melihat ada trend yang positif yang penting untuk terus mengukuhkan nilai ringgit. TPPA tentu akan menolong dari segi untuk menolong kita dari segi eksport dan juga untuk meluaskan dari segi pasaran-pasaran untuk peniaga atau industri-industri kita.

Dari segi pelabur asing, kita juga melihat masih kekal dari segi keyakinan terhadap negara kita. Untuk tahun ini bagi suku tahun pertama atau separuh tahun dari Januari hingga Jun kita telah menarik pelaburan sebanyak RM22 bilion dari segi FDI. Tahun lepas adalah sebanyak RM17 bilion. Ini adalah peningkatan sebanyak 25%.

Walaupun trend-trend ini ada positif, memang dari segi keraguan rakyat terhadap penurunan ringgit tentu akan dilihat dan dikaji dan tentu akan ada pengumuman yang positif pada bajet yang akan datang. Sekian terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betul, jadi jawapan Timbalan Menteri nampaknya kerajaan belum belajar lagi apa yang mereka mengatakan adalah dalam sistem *denial syndrome*. *[Dewan riuh]* Yang mustahaknya adalah masalah dengan 1MDB menjadi masalah yang terutama yang menyebabkan seperti yang dikatakan oleh pihak Bank Negara. Masalah yang pertama, itu adalah yang khususnya yang sangat berkenaan.

Saya hendak petik apa yang dikatakan oleh *Moody's Investors Service* dengan izin, *Malaysian Ringgit Depreciation* ini tidak langsung dikatakan atau diambil kira semasa dijawab oleh Yang Berhormat Perdana Menteri.

## ■1120

*'Malaysian Ringgit Depreciation'. We see the Ringgit depreciation, as a symptom of declining export revenues, capital outflows and worsening investors' sentiment towards Malaysia.* Bukankah ini asasnya? Satu di antaranya adalah 1MDB dan berkaitan dengannya adalah terlampau pinjaman negara ini. *It has already hit the ceiling.* Dan ini pengakuan tidak ada cara untuk mengatasi masalah tersebut.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ini saya difahamkan kita ini sedang mencetak wang. *We are creating money out of thin air, productivity out of thin air,* untuk mempercayakan *the*

*perception* dalam rakyat. Adakah ini betul dan apakah tindakan yang diambil kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh satu *investor* yang *independent* dalam negara ini?

Saya khuatir kalau tidak mengatasi masalah ini, ini akan menjadi. *It is possible for 'Dollar Ringgit' to go into uncharted territory.* Ini adalah satu amaran kepada kerajaan. *We will go into uncharted territory* kerana harga barang naik. Macam mana mengatasi masalah ini? Kalau itu adalah jawapan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan dari Yang Berhormat Ipoh Barat ini sengaja dipolitikkan untuk memberi *mileage* kepada DAP.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih ke atas soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat jangan begitu emosi daripada segi apa yang berlaku penurunan kadar mata wang bukan sahaja di Malaysia, ia dialami oleh 120 buah negara. Nombor satu. *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Realistik.

**Datuk Chua Tee Yong:** Nombor dua, semalam kita balik terus. Yang Berhormat Jeli juga telah memperkatakan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ringgit Malaysia banding dengan Thai Baht pun turun, banding dengan Rusia, Indonesia pun turun. Banding dengan Australian Dollar pun turun. Banding dengan US Dollar pun turun. *So, what are you talking about?*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri laluan kepada saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan tetapi jawapan itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi tidak menyentuh kepada persoalan-persoalan penting dibangkitkan atas isu kejatuhan nilai ringgit.

Dalam negara kita, Bank Negara sudah tentu mempunyai tanggungjawab besar, khususnya Gabenor Bank Negara untuk menentukan pengurusan ekonomi dan juga kedudukan mata wang kita. Jelas kenyataan yang dibuat oleh Gabenor Bank Negara yang menggesa supaya penyelesaian 1MDB secepat mungkin akan dapat mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit itu. Ini menunjukkan bahawa Gabenor Bank Negara menyatakan bahawa kejatuhan nilai ringgit kita ini ialah berpuncak daripada skandal yang berlaku dalam 1MDB. Dan kenyataan ini juga diperakui oleh Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan dah jawab dah. Yang Berhormat Pokok Sena, semalam dah jawab dah. Bagi lah sampai hujung tahun ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pokok Sena tak makan ubat. Tak makan ubat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Prof Abdul Rahim Abdul Rahman, ahli Jawatankuasa Kluster Ekonomi dan Kewangan, Majlis Profesor Negara juga bersetuju atas pendapat dan pandangan yang telah dinyatakan oleh Gabenor Bank Negara. Jadi bagi saya bahawa apakah berapa lama lagi kita hendak tunggu penyelesaian 1MDB baru kita hendak dapat pemulihan terhadap nilai ringgit kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke China dalam bulan sembilan, di Changchun City. Saya bawa Ringgit Malaysia hendak tukar dengan duit Yuan (China), bank tidak hendak terima. Bank tidak hendak terima. *[Dewan riuh]* Ya.

Di Changchun City, bank tidak hendak terima tukaran wang Malaysia dengan Yuan. Jadi ini menunjukkan bahawa kepercayaan krisis keyakinan, defisit keyakinan kita itu yang mesti diatasi dengan segera. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah bagaimana kerajaan hendak menyegerakan penyelesaian ini dan ini merupakan arahan yang juga dibuat oleh Majlis Raja-raja Melayu. Apakah kerajaan hendak sembah derhaka kepada Majlis Raja-raja Melayu? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap ya sekejap. Ya Yang Berhormat sekalian, kita ada peraturan mesyuarat. Saya ingat hari kedua ini saya nampak soalan digabungkan dan soalan panjang-panjang dan ambil peluang untuk berucap, berbahas. Kita boleh tengok Peraturan Mesyuarat 24, tidak boleh melebihi dua soalan, soalan tidak boleh digabungkan, tidak boleh mengambil peluang untuk berucap. Dalam masa yang sama juga saya telah dapat nota daripada ahli Dewan, perbuatan ini satu perbuatan yang tidak baik, tidak bagus dalam masa yang sama ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ambil peluang untuk berucap dan berbahas. Yang tidak baiknya adalah adakah Speaker yang menjadi Pengerusi Mesyuarat atau ahli-ahli Dewan sendiri yang tidak mengikut peraturan.

Sebenarnya Speaker mempunyai kuasa tetapi biarlah ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sama juga dengan saya sebagai ahli Yang Berhormat, sila ambil perhatian terhadap peraturan yang telah kita persetujui bersama. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Keep it up, keep it up.*

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan saya ringkas sahaja. Semalam Yang Berhormat Jeli telah menyebut memberi

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, nampaknya teguran saya menjadi sindiran, tidak perlu dijawab. Sila. Soalan nombor enam, saya jemput Tuan V. Sivakumar.

**6. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan ambulans di Hospital Batu Gajah memandangkan keperluannya semakin meningkat bagi menghadapi kecemasan yang kerap berlaku di kawasan ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang membeli 200 ambulans setiap tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bercadang atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, ambulans kita hantar ke negeri dan terpulang kepada negeri untuk tentukan mana hendak hantar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Terima kasih. Soalan tambahan, sila.

**Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu makluman, soalan.

**Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]:** Saya terima banyak aduan berkaitan dengan perkhidmatan ambulans di kawasan Batu Gajah di mana sering kali ambulans lambat sampai. Apabila saya berbincang perkara ini dgn Pengarah Hospital Batu Gajah saya difahamkan bahawa semua ambulans sedang digunakan. Tunggu lah, bagi saya cakap. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]:** Ini soal rakyat. Saya hendak tahu adakah benar bahawa Hospital Batu Gajah ini menghadapi kekurangan ambulans ataupun ini disebabkan oleh kecuaian daripada mana-mana pihak tertentu yang menyebabkan sering kali masalah ini timbul. Saya juga ingin tahu apakah kos untuk mendapatkan satu unit ambulans yang dilengkapi dengan segala peralatan. Itu sahaja Timbalan Menteri, sila jawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang Hospital Batu Gajah adalah sebuah hospital yang tidak ada pakar, jadi dia kena rujuk kes dia ke Ipoh dan memang saya akui bahawa Hospital Batu Gajah memang satu hospital yang antara yang aktif dalam hal bidang menerima *call* ini. Panggilan kecemasan sahaja ada lebih kurang 120 *call* sebulan dan yang untuk *referral cases*, 220 sebulan makna lebih kurang 350 *call*. Dia ada lima ambulans, baru dapat dua tahun lepas, jadi lima dan semuanya beroperasi dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sudah ada sistem yang dipanggil *Malaysian Emergency Response System* yang dikendalikan oleh *TM Response Centre*, 999. Panggil 999, *call* ini akan dirujuk kepada, akan *discreen* oleh *Response Centre* ini, sama ada pergi ke bomba, pergi ke JPAM, pergi ke polis, pergi ke maritim ataupun pergi kepada hospital. Di Ipoh, sama juga di seluruh negara ada 21 *call centre* yang dipanggil (PKPK) iaitu Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan (PKPK). Ada 21 semuanya, di Ipoh ada satu, di setiap negeri ada satu, di Sabah Sarawak ada dua pusat ini. Di Klang Valley ada tujuh semuanya. Jadi semuanya 21. Bila *call* itu sampai ke Ipoh, Ipoh akan *screen* kes siapa ini.

**■1130**

Adakah kes jantungkah, kes *accident* kes apa dan akan rujuk kepada hospital berkenaan dan hospital akan hantar ambulans *plus* pegawai yang berkenaan. Dengan cara ini dia punya respons cepat. Paling lambat kurang daripada 15 minit Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah hasil perbincangan Jawatankuasa Kabinet mengenai harga getah. Adakah kementerian bercadang untuk memberikan sara hidup kepada penoreh getah.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan nombor 7, jawatankuasa yang dimaksudkan adalah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-cara Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK). Jawatankuasa ini bukan hanya membincangkan mengenai isu harga getah tetapi turut membincangkan perkara-perkara lain seperti berikut:

- (i) menimba langkah-langkah segera yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit;
- (ii) membuat syor bagi memajukan sektor pekebun kecil getah, kelapa sawit dan tanaman komoditi industri lain melalui peningkatan produktiviti dan pendapatan *per holding* pekebun kecil;
- (iii) membuat syor jangka panjang bagi menentukan sektor pekebun kecil dapat terus menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara; dan
- (iv) membuat rumusan mengenai kepentingan pekebun kecil getah, kelapa sawit dan tanaman industri lain dan kepentingan masa depan komoditi-komoditi ini.

Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memberikan bantuan sara hidup bulanan kepada penoreh getah. Walau bagaimanapun pelbagai inisiatif dan insentif lain untuk pekebun kecil dan penoreh getah telah diluluskan oleh kerajaan. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) bantuan sara hidup pekebun kecil (SHPK) yang diluluskan pada tahun 2012. Sejumlah 22,968,000 telah diluluskan kepada 957 orang pekebun kecil yang layak setiap tahun bagi tempoh empat tahun mulai tahun 2013 hingga 2016, untuk menerima bantuan bulanan sebanyak RM500 sebulan;
- (ii) Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKH) yang diluluskan pada tahun 2014. Sejumlah RM154,436,000 telah diluluskan kepada 308,872 orang pekebun kecil dan penoreh getah yang layak untuk menerima bantuan secara *one-off* sebanyak RM500; dan

- (iii) Paras Harga Getah Pengaktifan (PHP) bagi insentif pengeluaran getah (IPG) oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah disemak semula sebagaimana pengumuman MPIC pada 3 September 2015 baru-baru. Paras harga getah ini telah dipertimbangkan semula dan diaktifkan pada kadar RM5.10 berbanding RM4.60 per kilogram untuk memastikan pendapatan yang diperoleh oleh pekebun kecil dan penoreh getah adalah lebih memberi nilai tambah serta melepas paras garis kemiskinan (PGK).

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[19 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya saya jemput Yang Berhormat Kuala Nerus untuk menyambung perbahasan. Baru mula semalam ya? Sila.

#### **11.34 pg.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. **[Membaca sepotong doa]** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Nabi SAW bersabda dalam satu hadis, **[Membaca sepotong hadis]**, “Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara”. Antaranya sabda Nabi SAW ialah **[Membaca sepotong hadis]** “Sihat kamu sebelum datangnya waktu sakit kamu”.

Hadis ini menunjukkan kepada kita bahawa satu realiti kehidupan manusia iaitu sihat juga sakit. Ada orang yang sihat dan esoknya sakit dan begitulah sebaliknya. Sihat dan sakit ini pertamanya sihat adalah satu nikmat, sakit pula adalah satu musibah. Sebagai satu nikmat ia mesti disyukuri. Persoalannya macam mana kita bersyukur dengan nikmat? Jawapannya adalah bersyukur dengan nikmat kesihatan dengan cara menjaga dan memelihara kesihatan tersebut.

Sebab itulah bagi saya mereka yang tidak menjaga kesihatan seperti mereka yang penghisap rokok tegar ini adalah orang yang kufur nikmat kerana tidak menjaga kesihatan.

Sihat adalah asas, sakit ini furuk. Maknanya sihat dulu baru datang sakit kemudiannya. Sebab itu dalam bahasa Arab perkataan sihat ini merujuk kepada makna sahih, maknanya betul. Betul dari sudut sistem badannya dan bila sakit ertinya sistem badan tidak betul. Oleh sebab asas manusia adalah sihat kemudian datang sakit maka perkara yang mesti kita utamakan ialah menjaga kesihatan tersebut. Hari ini fakta menunjukkan kepada kita bahawa data 2014 sebagai contoh 2.6 juta rakyat Malaysia terlibat dengan diabetes. Itu hampir 10%.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Empat tahun terakhir ini menunjukkan kebanyakannya mereka yang terlibat dengan diabetes adalah berumur bawah 30 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, sini Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau suara itu keluar sana, dia duduk di sini.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya membenarkan Yang Berhormat untuk berhujah lebih panjang dalam perbahasan ini, saya sebagai Speaker ingin menimbulkan satu perkara mengenai dengan peraturan mesyuarat. Kalau seseorang Ahli Yang Berhormat yang berdiri peraturan mesyuarat walau sesiapapun yang berbahas terpaksa saya dengar peraturan mesyuarat. Sekarang ini saya sendiri sebagai Speaker menimbulkan peraturan mesyuarat. Itu sebab saya minta Yang Berhormat duduk sekejap.

Pada hari kelmarin apabila kita berbahas dengan usul yang dibentang oleh Perdana Menteri, 77 iaitu untuk menamakan orang-orang tertentu, individu tertentu dalam jawatankuasa, perbahasan hangat, sehingga saya membuat keputusan untuk merehatkan dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Puchong. Perkataan-perkataan yang digunakan di situ ialah cuma bagi Yang Berhormat Puchong dia kata kalau Tuan Yang di-Pertua buat keputusan mesti *be honest to yourself. Meaning their doubt of integrity*. Saya bukan minta apa, cuma saya tarik balik, saya minta maaf, *it cures everything*.

Mengenai dengan soal Yang Berhormat Segambut pula, dia mengeluarkan Peraturan Mesyuarat di bawah 18(1). Saya mengingatkan setiap kali kepada Ahli Yang Berhormat Usul 18(1) kalau saya benarkan, saya benarkan. Beberapa usul saya benarkan untuk pembangkang. Pada ketika itu tidak ada yang melenting daripada sebelah, membantah oleh sebab saya menyebelah. Secara kebetulan pendapat saya perlu dibahas dan tidak boleh dilengah-lengah, tidak boleh menunggu masa. Yang Berhormat Segambut buat *point of order*.

Okey, saya beri penjelasan, iaitu dia kata kenapa usul dia tidak juga diterima memandangkan usul Yang Berhormat Seputeh telah ditolak. Usul Yang Berhormat Seputeh saya tolak juga dengan alasan. Beberapa kali saya terangkan dalam Majlis ini, apabila saya menolak, tidak boleh lagi dipersoalkan kerana saya tidak akan berganjak daripada keputusan saya.

Akan tetapi apabila Ahli-ahli Yang Berhormat juga mengeluarkan pendapat, cuba untuk meyakinkan saya ataupun cuba untuk berhujah setakat untuk cuma dilihat bahawa Yang Berhormat itu semua berani dan semua gagak perkasa dan semua intelektual dan sedemikianya. Saya kasi laluan, saya layan, okey.

**■1140**

Okey, maksud saya di sini ialah Yang Berhormat Puchong cuma mengeluarkan cakap. Dia kata *be honest within make decision over to the facts*. Yang Berhormat Gelang Patah berdiri, Yang Berhormat Gelang Patah kata berdiri. Cuma kelmarin saya tidak – saya gelak dan saya senyum. Yang saya senyum saya tengok kepada Yang Berhormat Gelang Patah, semasa saya bersekolah lagi Yang Berhormat Gelang Patah sudah Ahli Parlimen. Saya tidak tahu sama ada *he can be the father of MPs* or berbanding dengan Yang Berhormat Gua Musang.

Selepas itu dia sebut dia kata, “*you don't have any power. You abuse your power. You deliberately stop the Public Accounts Committee to seek. You sabotage the investigating*”. Apabila saya rehat balik saya menenangkan fikiran, saya balik saya tengok longgokan perkataan-perkataan itu di depan dan saya mahu menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat, longgokan perkataan-perkataan itu di depan. *Deliberately use abuse your power sabotage the investigation*.

Ada lagi kah perkataan-perkataan yang melebihi daripada itu yang menghina prosedur Speaker? Kalau saya boleh mengarahkan Ahli Yang Berhormat bercakap, berhujah cuma *be honest yourself*. Kalau saya tidak ambil tindakan kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Seorang Ahli Yang Berhormat yang cukup saya hormati telah lama di dalam Parlimen mengeluarkan cakap itu. Persepsi di luar sana saya cuma berani ataupun saya cuma menggunakan kuasa saya kepada Ahli Yang Berhormat yang baru.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama berkhidmat dalam Parlimen ini, di suatu ketika dulu Yang Berhormat Batu Gajah, *the former MP of Batu Gajah, that Iron Lady* ditolak usulnya di bawah 18(1) oleh Tun Zahir. Lalu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan keluar buat *press statement* dan diambil tindakan dan digantung kerja, usul di bawah. Sekarang ini apabila sudah saya menjadi Speaker dari tahun 2008 sehingga tahun 2015, menjadi budaya Ahli-ahli Parlimen terutama sekali daripada pembangkang setelah sahaja saya membuat keputusan terus buat *press statement*.

Kalau saya ikut *precedent* yang telah dibuat oleh Tun Zahir dahulu, maka setiap *press statement* yang menentang kepada saya, saya akan arah untuk buat satu tindakan. Tapi saya tidak buat. *Become* budaya Parlimen, see. Akan tetapi setiap Ahli Yang Berhormat yang berdiri *on point of order*, Yang Berhormat telah berdiri itu, dia tidak sedar bahawa dia pun melanggar peraturan mesyuarat.

Yang Berhormat Gelang Patah kata, *I abuse my power, under whose authority you act.* Saya tanya diri saya, *if I were to allow PAC to proceed*, yang *interpret* peraturan mesyuarat itu pada ketika itu ialah pembangkang. Bukan saya ataupun Yang Berhormat Kepong ataupun beberapa Ahli Yang Berhormat yang duduk di sana. Kalau itu, boleh dibolehkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang sepakat dengan beliau. Tetapi, mungkin oleh sebab suasana kelmarin hangat begitu terik, boleh saya jemput kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kelulusan peguam itu *help me on this*.

Peraturan Mesyuarat 82(1) mengatakan, “*Seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing di dalam Majlis.*” *Public Accounts Committee is one of that.*

Peraturan Mesyuarat 82(2), “*Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu mati, atau jika jawatannya sebagai ahli itu sudah menjadi kosong oleh kerana apa-apa sebab yang lain, maka Majlis atau Jawatankuasa Pemilih – ikut mana yang dikehendaki, hendaklah melantik seorang ahli lain jadi gantinya dan lantikan ini hendaklah menurut syarat-syarat dalam perenggan (1).*” Timbul kekosongan di mana Pengerusi *Public Accounts Committee* diangkat sebagai Menteri.

Lalu baca lagi Peraturan Mesyuarat 77(4) yang menyatakan seorang ahli yang menjadi Menteri tidak boleh menjadi Ahli *Public Accounts Committee*. Jadi apabila diteruskan juga mesyuarat itu bermakna dia tidak lagi membayangkan kadar parti masing-masing dalam Majlis, melanggar Peraturan Mesyuarat 81.

Dalam soal 82(2), kekosongan itu timbul oleh kerana atas sebab pelantikan sebagai Menteri bukan sahaja pengurus Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan yang telah terpaksa mengambil simpan kerusi, ada lagi tiga orang lain. Seorang diangkat sebagai Menteri penuh, dua orang diangkat sebagai Timbalan Menteri. Jadi dalam soal ini sebagai Speaker, bolehkah saya diasingkan dari jawatan sebagai Speaker cuma setakat oleh sebab Parlimen *is not in session* ataupun jawatankuasa itu sedang berjalan. *I'll give you scenario.* Seandainya perkara itu diteruskan, tidak ada hak kah atas sebelah kanan saya ini juga untuk membawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

Kalaularah pada ketika itu bahawa saya kata ini pendapat saya boleh *proceed* kerana ada lagi timbalan yang boleh kerana interpretasi 77(3) seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat dan disebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu dan disebut oleh peguam-peguam yang lain di sini. Kalau itulah saya ikut, maka yang sebelah sini boleh bawa usul di bawah 43 bahawa Speaker punya interpretasi sewaktu membenarkan PAC bersidang adalah melanggar peraturan mesyuarat. Setiap yang dibuat tanpa ikut peraturan mesyuarat, tanpa di *interpret* oleh Speaker, apa pun keputusan adalah tidak sah atau tidak sah. Ini kerana peraturan mesyuarat adalah dibuat di bawah Perkara 62 Perlembagaan.

Ini lagi saya akan bangkitkan, *I will pre-empt the issue.* Kelmarin apabila Yang Berhormat Bagan menegur bahawa yang harus bawa usul undi tidak percaya mesti Ketua Pembangkang, maka reaksi daripada Yang Berhormat Permatang Pauh buat *statement*. Ini yang saya terbaca,

disuruh atau diarah wakil rakyat yang membuat usul supaya Yang Berhormat Permatang Pauh simpan usul. Saya nampak saya boleh *pre-empt the issue*.

Usul di bawah 26 dan di bawah 27, notis menghendaki 14 hari dan 14 hari yang dimaksudkan ialah sebelum 19 hari bulan yang kita bermula kelmarin mesti usul sudah masuk 14 hari. Akan tetapi kalau nanti usul ini yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, selepas itu Speaker pula oleh sebab tidak memenuhi peraturan mesyuarat ada lagi nanti *statement* yang dibuat di luar sana bahawa Speaker tidak memberarkan usul undi tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dia takut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

*Is it fair to me when you play your politic outside? Fair? Now, if I were the Ketua Pembangkang, I will not even say that because I will in baris my side.* Tetapi dimanakah penasihat-penasihat kepada Ketua Pembangkang buat begitu ataupun itu sengaja dibuat sebagai agenda politik. Sebab itu saya cakap jangan libatkan saya kepada soal politik or make the ruling.

Okey berbalik kepada soal Yang Berhormat Gelang Patah, yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah kelmarin adalah menghina kedudukan sebagai Speaker to the first degree, I sabotage deliberately, I abuse my power. Tetapi kalau umpamanya itu Public Accounts Committee dibenarkan, this is not abuser of power. Ini boleh diinterpret. Yang Berhormat Sepang boleh interpret, Yang Berhormat Gelang Patah boleh interpret, anybody can interpret. Yang Berhormat Kepong can interpret. No issue timbul.

#### ■1150

Akan tetapi kalau Speaker yang buat bersandarkan kepada peraturan mesyuarat, Peraturan Mesyuarat 99, Peraturan Mesyuarat 100, “Oh! Tidak. Your interpretation is wrong”. Akan tetapi peraturan mesyuarat mengatakan setiap interpretasi Speaker itu adalah yang perlu diterima, tidak semestinya benar atau tidak. Tidak puas hati, bawa usul di bawah 43. Clear, tidak sangkut-sangkut.

Jadi Yang Berhormat Gelang Patah tidak ada di sini, sampaikan kepada Yang Berhormat Gelang Patah, kalau Yang Berhormat Gelang Patah tidak meminta maaf *unconditionally* kepada saya, tidak menarik apa yang dihujahkan kelmarin, maka, satu usul akan dibuat dan saya suruh untuk dibahaskan di sini mengenai dengan peraturan mesyuarat dan mengenai dengan apa saya punya tafsiran dan beliau akan digantung kerja. Terpulang kepada usul itu kalau dia berubah atau tidak.

Bukan pertama kali kita buat. Yang Berhormat Pematang Pauh sudah diambil tindakan. Yang Berhormat Gombak sudah diambil tindakan. Yang Berhormat Puchong sudah diambil tindakan dan beberapa lagi Menteri sebelum saya jadi Speaker diambil tindakan. *Nothing new.* Jadi, ruling saya ini *nothing to do with whatever the current political situation is.* Apa pun nanti, petua saya kalau diikut oleh Speaker akan datang, terpulang. Kalau juga tidak, terpulang.

Jadi saya ulang balik, saya minta disampaikan kepada Yang Berhormat Gelang Patah, the next opportune times for him to come to Parliament, saya preside atau tidak, dia minta maaf, tarik

balik perkataan yang hujah kelmarin kerana saya sendiri yang *preside, then it went viral*. Kalau tidak, ada satu usul yang akan dibawa nanti. Terima kasih. Sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Nombor satu, mengenai perkara yang dibangkit mengenai Yang Berhormat Permatang Pauh, usul yang mungkin akan dibawa ke Parlimen kepada pejabat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua membuat andaian bahawa kita ataupun Ketua Pembangkang akan membuat isu di luar selepas usul itu tidak diterima segera oleh pejabat Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa andaian sebegini tidak adil kepada Yang Berhormat Permatang Pauh kerana perkara itu tidak berlaku, belum berlaku dan saya rasa tidak merupakan strategi yang akan diambil oleh pejabat Ketua Pembangkang. Itu nombor satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ya, proceed.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Nombor dua, isu yang telah pun dibangkitkan mengenai Yang Berhormat Gelang Patah mengenai pendapat yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, adakah Tuan Yang di-Pertua berkata bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua walaupun muktamad. Saya tidak mempertikaikan bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad seperti apa yang disebut dalam *standing order*, tidak boleh dipertikaikan. Itu soalan asas yang saya hendak tanya. Benar, kita terpaksa mengaku kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, tetapi itu tidak bermaksud bahawa kita tidak mempersoalkan keputusan tersebut atas bukti-bukti ataupun alasan-alasan yang kita dapat peroleh daripada peraturan mesyuarat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai contoh klasik. Yang Berhormat berdiri minta penjelasan, saya benarkan. Dia bercakap cukup tertib, saya benarkan. Saya dengar hujah. Kalau ada Ahli Yang Berhormat yang berdiri, umpamanya mempersoalkan 18(1), saya dengar. Akan tetapi kalau saya kata, "Sudah", sudahlah. Jangan bertengkar dengan saya, jangan beri hujah baru lagi. Itu sebab saya tidak benarkan. Apabila pula sudah dipanjangkan hujah itu, lalu di sebelah sana menyampuk, kecohlah. Peraturan mesyuarat tidak diikutlah.

Akan tetapi, apabila saya baca Peraturan Mesyuarat 42, 43, 44, dalam 43 adalah menjadi tanggungjawab Speaker supaya peraturan mesyuarat diendahkan. *It must be we ambil perhatian, noted by Ahli Yang Berhormat to respond to what you say*. Kalau Yang Berhormat berfikir bahawa apa yang saya sebut tadi, *I pre-empt the issue* tidak adil bagi Yang Berhormat Permatang Pauh, berapa sudah tidak keadilan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat *statement* di luar sana? Ini kerana kelmarin apabila Yang Berhormat Segambut buat *statement*, yang keluar dalam *viral* dan *newspaper* ialah "*Speaker menolak usul oleh kerana yang ditolak itu yang dibahas adalah tol*". *I never win in this battle. You guys always win. You see*. Walaupun saya tolak usul... *[Dewan riuh]*

Ini lagi Yang Berhormat Shah Alam ini. Yang Berhormat Shah Alam ini saya perhatikan tadi dalam kamar, seorang Menteri menjawab, dia juga berdiri sama Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak mengikut pun peraturan mesyuarat. Jadi, berbalik kepada soal tadi itu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Fasal Tuan Yang di-Pertua sebut saya berdiri pada waktu Menteri menjawab, saya tidak. Saya tidak bangun tadi. Ini saya perlu perbetulkan. Saya perlu perbetulkan kenyataan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena, duduklah Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Saya bangun untuk menanyakan soalan tambahan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, okey. Kalau itu, saya tarik balik. Tidak apa-apa, *no problem*. Saya minta maaf, saya tarik balik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, terima kasih. *Keep it up! [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *You see! What is the problem?* Kalau saya tersilap pandang tadi, saya tarik balik. Tidak ada masalah pun. *It is because bukankah sering kali saya kata, this is gentlemen club. You go to a very gentlemen Honorable because you are Honorable.*

Berbalik kepada soal tadi, Yang Berhormat Segambut. Apa yang keluar *viral* ialah tol. Persepsi masyarakat, Speaker tolak bukan kerana fasal teknikal, fasal soal prosedur, tidak. Ini bahawa perkara itu 18(1), perkara yang khusus, mesti kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan, tidak dilengah-lengahkan lagi. Ini tol, daripada barangkali Yang Berhormat Segambut kecil lagi sudah ada tol. Tidak boleh dilengah, tetapi saya yang kena.

So, kalau umpamanya saya *pre-empt the issue* berbalik kepada soal tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengenai dengan soal itu, berapa sudah kezaliman ataupun ketidakbaikan yang tersasar kepada saya? Cuma saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, kalau mahu membuat usul, usul itu adalah undi tidak percaya, kalau dia menepati Peraturan Mesyuarat 26, menepati Peraturan Mesyuarat 27, oleh sebab notis itu sudah tidak ada lagi ruang, sudah kita bersidang kali kedua, maka kalaupun dia diterima nanti, dia cuma akan diberi masuk dalam peraturan mesyuarat sesi akan datang, bukan sesi ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan Speaker. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, kerana saya rujuk kepada peraturan 27, dia hanya kata bahawa dalam peraturan mesyuarat dan saya baca Peraturan 27(3), *"Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 dan perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 86 dan 26(1), apa-apa usul hendak dikeluarkan pemberitahu tidak kurang daripada empat belas hari terlebih dahulu tetapi jika usul itu dengan nama Menteri, maka memadailah dengan dikeluarkan pemberitahuan tujuh hari sahaja".*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita beri pemberitahu 14 hari, maka dia akan dikeluarkan... Kali ini kita bersidang 24 hari. Kalau kita meletakkan hari ini, maka dia akan keluar dalam sesi yang sama ini juga. Betul atau tidak Tuan Yang di-Pertua? Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab Yang Berhormat sudah *anticipate interpretation* seperti begitu. *Exactly what anticipate because* interpretasi Yang Berhormat ialah kalau umpamanya Yang Berhormat Permatang Pauh hantar usul pada hari ini, maka kita kira 14 hari daripada sekarang. Sebenarnya, bukan begitu interpretasinya. Biar tengok dalam *Hansard* dahulu sebelum saya.

#### ■1200

Notis yang dimaksudkan ialah sebelum sesi itu bersidang.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi ia tak tulis di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya beri contoh, soalan-soalan jawapan lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa hantar 14 hari sebelum, selepas itu Yang Berhormat Seremban boleh bantu beritahu kepada rakan-rakan lain. Kita mahu buat perubahan kepada peraturan mesyuarat mengenai dengan soal-soal notis ini. *You see?* Jadi jangan Yang Berhormat perkara yang *settled issue* yang ada sudah *precedent* yang ada dalam Parlimen ini, itu pula pandai-pandai saya ubah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang sama, kalau usul 18(1) yang boleh diusulkan 24 jam sebelum itu, maksudnya kita kena buat sebelum sesi?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat Seremban...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, usul itu sama juga.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kangsar mencelah sedikit, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh tak saya tidak-tidak, Yang Berhormat, duduk. Boleh kah nanti jangan kita habiskan masa ini kerana berbahas. Kalau Yang Berhormat mahu mengenai dengan penjelasan ini, siapa-siapa sahaja boleh saya jemput pergi *Chamber* saya, boleh? Ini untuk kelancaran perjalanan mesyuarat, duduk depan saya, kita bahas ini. Siapa Ahli Yang Berhormat tadi? Yang Berhormat Bukit Katil, kalau nanti ada, jumpa saya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sedikit sahaja.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya rasa *precedent* pernah ada bahawa sesuatu usul itu dimasukkan semasa persidangan berjalan dan usul itu dimasukkan dalam *Order Paper*. Saya tahu bahawa dalam dua persidangan tahun ini Yang Berhormat dari Marang memasukkan usul rang undang-undang persendirian semasa persidangan berlaku, semasa persidangan berjalan. Rang undang-undang itu, usul itu,

dimasukkan dalam *Order Paper* pada hari-hari penghujung persidangan pada Persidangan Pertama.

Jadi saya rasa pernah ada *precedent* begitu yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya ambil perhatian kepada itu. Kalau misal kata pernah saya buat, tidak salah apabila saya ikut balik apa yang disarankan oleh Yang Berhormat. Tidak salah, boleh. Tidak salah. Akan tetapi, jangan apabila saya buat tindakan seperti begitu, apabila saya mengarahkan Yang Berhormat tarik, itu pun kepayahan mahu untuk tarik. *What's the problem?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Katil, kalau dengan soal yang sama mengenai dengan *legal* seperti juga apa yang saya sebutkan tadi, jumpa saya di *Chamber* saya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan jumpa *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Akan tetapi yang ini yang lain sedikit. Saya hendak minta penjelasan yang lain, bukan isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua sebut tadi soal usul 18(1) ditolak, rakan-rakan Ahli Parlimen keluar Dewan, buat sidang media. Tuan Yang di-Pertua juga sebut bahawa jangan libatkan Tuan Yang di-Pertua dengan politik. Saya percaya Speaker adalah ketua ahli-ahli politik lah kerana dalam Dewan ini semua ahli-ahli politik. Usul yang kita bawa ini kadang-kadang penting dan perlu dijelaskan kepada rakyat.

Jadi saya minta pertimbangan Tuan Yang di-Pertua supaya selagi mana kita ingin maklumkan kepada khalayak, kepada rakyat bahawa isu ini telah dibawa dalam Parlimen, saya fikir ada pertimbangan yang lebih munasabah untuk isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Bukit katil. Ini *last one* saya respons ya. Yang lain harus bersabar, *I do not want to respond anymore. I just respond to that one.*

Okey. Mengenai dengan 18(1) ini, 18(1) adalah usul yang paling unik kerana apabila dibenarkan oleh Speaker atas sebab-sebab yang telah dipertimbangkan oleh Speaker dan latar belakang usul itu. Kita terpaksa menangguhkan apa sahaja Aturan Urusan Mesyuarat yang telah kita masukkan dalam *Order Paper*. Itu kerana ia dibahaskan dari jam berapa sampai jam berapa. Maka semua Aturan Urusan Mesyuarat itu terpaksa kita tangguhkan.

Akan tetapi, dalam soal ini, beberapa usul sudah saya beri. Waktu Kabinet *kidnapping* di Sandakan, saya beri Yang Berhormat Sandakan buat. Waktu perkara tertentu mengenai dengan benda yang harus tidak didengarkan saya beri. Akan tetapi apabila bawa mengenai dengan anak Orang Asli yang hilang dan beberapa orang yang telah meninggal dunia, siapakah tidak sedih? Saya sendiri mengikuti itu dan baca. Akan tetapi soal itu boleh dilengahkan, boleh dibawa waktu

bahas bajet. Soal tol boleh dilengahkan, boleh dibawa waktu bajet. Tidak ada yang melarang. You see?

Akan tetapi, kalau dia berbahas diikut dalam bajet, dia tidak *capture the headline*. Kalau tidak, *just an ordinary budget. Only appear in the Hansard. No caption, no picture of the Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. "My usul was rejected because my usul was concerning about toll". You see? Itu kerana saya kata saya rasa terkilan setiap kali saya buat tindakan. Namun demikian, I can still stand the heat, I am still sitting here.*

So, kalau kita *play by the game*, ikut peraturan mesyuarat, sejahtera kita semua dan berbahagia. Jadi soal-soal lain itu, kita bincang lain hari.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sorry Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan bahawa tidak lagi saya *entertain*. Sila Yang Berhormat tadi yang berbahas itu, teruskan perbahasan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Isu kedua yang saya bangkitkan tadi Tuan Yang di-Pertua. Mengenai sama ada keputusan Tuan Yang di-Pertua walaupun muktamad, tidak boleh dipertikaikan langsung.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang usul tidak boleh dipertikaikan, saya sudah beri contoh bahawa *it's a classic*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Isu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah tadi mengenai...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Interpretation, tafsiran.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengenai dengan apa?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah yang dipertikaikan tadi sebab dia kena buat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Yang Berhormat Gelang Patah telah mengatakan bahawa, *"I deliberately abused my power. I sabotaged the investigation"*. Itu bermakna menghina kedudukan Speaker.

**Seorang Ahli:** Setuju!

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta izin...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercakap sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua?

**Beberapa Ahli:** Tak payah. Tak payah lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gelang Patah adalah berdasarkan kepada tafsiran dan kefahaman dia berhubung dengan *standing order* dan kuasa-kuasa Speaker *in the context*, dengan izin, *in the context of that translation* ataupun *that understanding, then he says that the Speaker has no rights. So, I think it's a matter of interpretation* yang kita boleh bahas di dalam Dewan dan kita tidak boleh lihat ia sebagai satu teguran yang khusus secara peribadi. Tuan Yang di-Pertua sendiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** You shouldn't take it personally Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 42, Yang Berhormat Gelang Patah bukan menghina saya secara peribadi, saya sudah tekankan. Secara peribadi boleh, tetapi kalau boleh saya ambil tindakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain *just because of unparliamentary words*.

Sebagai contoh, Menteri kelmarin yang duduk sana yang dia nampak "*tiang-tiang bodoh*", saya suruh dia tarik kerana *unparliamentary*. Cuma itu sahaja, apabila cakap itu ialah *deliberately*. *You abuse your power, is there any other interpretation? Can you say things like that just because in context?* Ini reason dia. *If I were to allow that, everyone of you will say, "Tuan Yang di-Pertua, because of this context, then I have to say this". That sound logic to you?*

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yes, it does.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, bermakna kamu semua boleh berbakti.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Because, tafsiran dia berbeza...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Kalau pun dia mentafsir berbeza maka dia kata dia boleh hujah. Yang Berhormat Shah Alam, kalau saya cakap duduk, Peraturan Mesyuarat 42, 43.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma berpanjang lebar ini oleh kerana selepas saya membuat *ruling* itu yang terjadi. So, lebih baik saya bercakap setengah jam daripada bertengkar 45 minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya belum jemput Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada seseorang Yang Berhormat tidak setuju dengan tafsiran saya, boleh berdiri macam tadi Yang Berhormat Petaling Jaya saya suruh, okey penjelasan. Yang Berhormat Bukit Katil saya suruh, okey. *"Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya memohon maaf bahawa bagi pendapat saya tafsiran Tuan Yang di-Pertua itu adalah tidak betul. Memandangkan saya benar-benar berperasaan bahawa tafsiran itu tidak betul maka saya akan membentangkan satu usul persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43"*. Selesai masalah, maka apa yang disebut itu diberi masuk. Okey, no problem.

Jadi kalau keputusan saya itu salah, saya akan *allow* untuk dibahaskan lepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat undi, biasa.

■1210

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak *point* yang terakhir sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya pun minta Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan berburuk sangka dengan Ahli Parlimen di sebelah sini. Sebagai contoh, P.M.18(1) tujuannya supaya boleh masuk *headline*, cakap dalam bajet tidak masuk *headline*. *I mean, with*

*all sincerity* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tidak sepatutnya mempunyai andaian yang sebegitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Beginilah Yang Berhormat Shah Alam. Beginilah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu bukan niat kami.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam, beginilah. Okey. Beginilah *I will concede*. Kalau salah misal kata itu buruk sangka, saya minta maaf, saya tarik balik. Akan tetapi jangan juga buruk sangka kepada saya yang setiap usul yang saya tolak bahawa saya politik kerajaan. Eh, *come on man this is a two-way traffic*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *We agree. We agree. We agree.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Come on.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Let it be two ways.* Pasal Tuan Yang di-Pertua pun banyak kali sebut begini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, begini Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam. Bukan ke menurut Peraturan Mesyuarat 18(1), mesti dia perkara khusus, mesti kepentingan orang ramai dan yang paling mustahak, tidak boleh dilengah-lengahkan lagi, mesti dipercepatkan. Adakah soal tol itu tidak boleh lagi dilengahkan. Adakah? Tidak boleh lagi menunggu untuk masuk dalam bajet?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Ahli Parlimen daripada Segambut

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah. Sudah. *Pass.* Sudah. Yang Berhormat Shah Alam bagi Ahli Parlimen teruskan. Teruskan. Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat yang lain sudah, cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, *last. Last. last point.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah. Sudahlah. Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam. Sudah. Sudah.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sekejap Tuan Yang di-Pertua. *Just...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam saya sudah suruh duduk. Yang Berhormat saya tidak boleh layan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** *No. No.*

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang semangat reformasi Parlimen...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah. Sudah. Kalau salah misal kata ada isu lain yang perlu dihujah oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri. Yang Berhormat Permatang Pauh boleh berjumpa saya di *Chamber* saya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *Actually, saya hendak cadang tentang Yang Berhormat Gelang Patah. Ada cadangan Tuan Yang di-Pertua*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah. Sudahlah Yang Berhormat Kluang.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Membaca sepotong hadis. Kata Nabi S.A.W, "*jauhilah kamu dari berburuk sangka, berburuk sangka itu adalah sebohong-bohong perbicaraan*". Saya yakin bahawa Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* jujur dalam segala tindakan dan juga *insya-Allah* pada seluruh Ahli Parlimen jujur dalam tindakan mereka *insya-Allah*.

Saya sambung perbicaraan saya sebentar tadi. Saya datangkan statistik berkaitan dengan tahap kesihatan rakyat Malaysia pada hari ini. 2014 rekod menyatakan bahawa terdapat 2.6 juta pesakit diabetes iaitu menjangkau hampir 10% dari rakyat Malaysia. 4 tahun terakhir direkodkan bahawa kebanyakan yang terlibat dengan diabetes adalah berumur bawah 30 tahun.

Satu laporan akhbar pada 19 Jun 2014, menyatakan bahawa 329,000 telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar psikiatri. Menunjukkan bahawa bukan hanya kita berhadapan masalah kesihatan jasad tetapi juga kesihatan mental. 2.6 juta obes dan 0.5 juta adalah di bawah 18 tahun, berat badan yang berlebihan. 2011, data menunjukkan 5.5 juta berat orang menghadapi darah tinggi dan 6.2 juta berhadapan dengan kolesterol yang tinggi.

Semua data ini menunjukkan kepada kita bahawa persoalan penjagaan kesihatan adalah perkara yang mesti kita utamakan. Oleh kerana seperti mana kaedah yang mengatakan bahawa dalam bahasa Arab menyebut [*membaca sepotong ayat*], "*menjaga kesihatan itu lebih baik daripada membuat rawatan*". Kita hari ini sudah ada Majlis Pengamal Perubatan dan juga ada Majlis Perubatan Tradisional yang kedua-duanya mengawal selia tugasannya mereka yang menjaga orang-orang sakit atau menguruskan rawatan.

Akan tetapi kita pula ada lagi satu majlis profesion yang bertujuan menjaga kesihatan. Inilah saya lihat kehadiran Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 ini adalah memenuhi keperluan tersebut. Cuma persoalan yang saya ingin timbulkan ialah tentang dari sudut fungsi majlis tersebut. Adakah ia berfungsi lebih daripada untuk mengawal yang nanti akan bersifat menyempitkan ataupun bersikap untuk mengembangkan. Oleh kerana kita berhadapan dengan pakar-pakar yang kurang di bidang menjaga kesihatan. Ini yang kita bimbang kerana kita perlu terima hakikat bahawa kita ingin meramaikan mereka-mereka yang terlibat yang boleh membantu saudara mereka yang susah.

Ketika mana datang seorang laki-laki yang bukan Islam bertemu Nabi S.A.W mengadu tentang satu amalan jampi serapah Jahiliah. Maaf, laki-laki Islam ya. Laki-laki Islam datang jumpa Nabi, membaca satu jampi serapah lama zaman Jahiliah untuk merawat pesakit yang kena patukan ular. Nabi menyuruh untuk di bentangkan dan Nabi bersetuju dengan bacaannya. Datang lagi seorang laki-laki juga membentangkan bacaan jampi serapahnya dalam bahasa Jahiliah, dalam bahasa Arab yang di amalkan zaman Jahiliah pun Nabi akui. Kemudian kata Nabi S.A.W [*membaca sepotong hadis*] "*Barang siapa yang mampu untuk memberi manfaat pada sedaranya, maka dia buatlah*". Jadi, hadis ini menggambarkan kepada kita satu konsep keluasan

mereka-mereka yang ingin beramal dalam bidang rawatan dan juga beramal dalam perkara yang boleh membantu saudaranya.

Maka, majlis yang hendak di bentuk nanti di bawah akta ini kita harap lebih bersifat memudahkan mereka-mereka yang terlibat di bidang ini dan bersifat mempromosi untuk meramaikan lagi pakar-pakar di bidang tersebut. Saya lihat sebagai contoh, kita berhadapan dengan masalah kekurangan pakar dietetik, melibatkan diet pemakanan. Cuma saya rujuk data 2012, dikatakan dari peringkat kementerian terdapat 300 pakar. Tidak semua universiti menawarkan program ini kerana mungkin tidak mendapat sambutan yang besar tanpa ada promosi.

Maka, kita harapkan menerusi penubuhan majlis seumpama ini ia akan menambahkan lagi mereka-mereka yang berminat di bidang ini dengan pelbagai promosi. Kemudian usaha-usaha yang kita buat untuk di buat pelbagai lagi program-program di peringkat universiti, di institut pengajian tinggi yang melibatkan hal keseluruhan universiti. Bukan hanya universiti kerajaan, bahkan juga universiti swasta. Itu yang kita harapkan daripada penubuhan majlis seumpama ini.

Saya lihat dalam senarai 23 senarai profesion kesihatan bersekutu dalam Jadual Kedua, dari sudut aturan mungkin aturan ini tidak menggambarkan keutamaan. Akan tetapi kita lihat dalam aturan ini menyebut satunya ahli audiologi, nombor dua dietetik, nombor enam ahli pemakanan, nombor 19 dan 20 pegawai kesihatan persekitaran dan pegawai penyelidikan kesihatan. Jadi, saya lihat aturannya agak berterburu, di mana fokus utama kita?

Bagi saya masalah kesihatan ini bermula dengan pemakanan. Seperti mana Al-Quran mengajar kepada kita [*membaca sepotong ayat*], “*makanlah makanan yang baik-baik*”. Dalam dua tiga ayat, hampir sama maksudnya, mengajar untuk makan makanan yang baik. Makanan yang baik maksudnya, satu makanan yang berkhasiat. Yang kedua, makanan yang diambil secara seimbang. Ini dua benda yang sangat besar. Oleh kerana permulaan kepada kesakitan manusia adalah kerana pemakanan. Kalau kita lihat data yang disebutkan tadi isu diabetes, isu lebihan berat badan. Ini semua kaitan dengan cara hidup, *lifestyle* yang diamalkan oleh rakyat Malaysia pada hari ini.

Maka, saya melihat dari segi sudut keutamaan ialah ahli pemakanan, ahli dietetik ini diberi keutamaan, diletakkan supaya kita jadikan dia sebagai satu keutamaan. Oleh kerana bidang-bidang yang lain ini lebih bersifat rawatan bukan bersifat menjagaan kesihatan, lebih pada rawatan bagi mereka yang telah menghadapi masalah kesihatan. Saya rasa dalam isu pemakanan juga bidang-bidang yang boleh kita masukan sekali berkaitan dengan herba sebagai contoh.

Saya mencadangkan agar ‘*herbinist*’, mereka yang terlibat dengan bidang herba ini juga dimasukkan dalam kategori profesion kesihatan bersekutu ini. Sama ada secara tahap mereka sama ataupun dijadikan sebagai ahli tambahan. Itu terpulang pada kementerian tetapi mereka menjadi sebahagian. Kenapa saya cadangkan untuk dimasukkan herba-herba ini? Oleh kerana

pertama sekali, kesedaran rakyat kita untuk mengambil makanan-makanan yang bersifat herba ini masih lagi kurang dan kita banyak hari ini makan makanan segara.

Saya tertarik dengan apa yang ditulis oleh seorang ulama terkenal Syeikh Ahmad al Fathani, seorang ahli ulama terkenal yang mengarang satu buku bertajuk *[membaca judul buku dalam bahasa Arab] “Kebajikan Yang Baik Untuk Membentuk atau Merawat Jasad Manusia”*.

#### ■1220

Dalam buku beliau, beliau menyatakan bahawa keperluan untuk bangsa Melayu untuk mengkaji dan melihat makanan-makanan sekitar mereka, herba-herba yang patut mereka makan, amalkan sehari-hari, untuk mereka mendapat jasad yang baik. Kita juga tahu bagaimana orang tua kita dahulu, sebagai contoh, dengan mengamalkan makanan tradisi seperti petai dan jering, ini adalah makanan-makanan yang menjaga kesihatan mereka walaupun dilihat baunya busuk yang mungkin tidak disukai oleh anak-anak muda pada hari ini tetapi ia membantu kesihatan dalam jangka masa panjang dan banyak lagi herba-herba seumpama ini.

Saya melihat ilmu tentang herba dan melahirkan mereka yang pakar dalam bidang herba ini perlu menjadi satu keutamaan dan ia hanya boleh berlaku bila adanya satu majlis atau pun majlis seperti yang kita bincangkan sekarang, Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu ini. Saya cadangkan untuk mereka yang terlibat dalam bidang herba ini untuk dimasukkan dalam kategori Profesional Kesihatan Bersekutu ini.

Itu sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### 12.21 tgh.

**Tuan Haji Mohizam Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015. Terlebih dahulu, saya ingin berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang amat prihatin terhadap isu yang menjamin kualiti perkhidmatan serta memantau kesihatan pesakit terutamanya dalam musim jerebu yang semakin serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar dengan teliti dan menganalisis secara mendalam isi-isi Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015, saya amat yakin yang kita mampu melaksanakan undang-undang yang akan diluluskan ini bagi menjamin peningkatan kualiti perkhidmatan serta keselamatan pesakit. Saya amat yakin melalui jaminan seperti ini, rakyat di Malaysia akan bertambah yakin terhadap kesungguhan pihak kerajaan dalam menitikberatkan isu-isu kesihatan di negara ini. Saya juga pasti Malaysia akan lebih bersedia dalam menangani wabak penyakit berbahaya dan dalam pada itu, penyediaan khidmat doktor perubatan dan pengamal sains kesihatan adalah sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan Malaysia dalam menyediakan khidmat doktor perubatan dan pengamal sains kesihatan adalah berada pada landasan yang betul pada hemat

saya. Melalui akta ini, saya akui, kita secara langsung dapat menangani isu-isu yang berkaitan doktor-doktor palsu mahupun pengamal-pengamal perubatan yang tidak bertauliah.

Kesihatan merupakan faktor terpenting dalam menjamin produktiviti setiap individu sama ada yang bekerja atau pun yang tidak bekerja. Saya menyokong penuh Akta Profesional Kesihatan Bersekutu yang melibatkan 23 profesion dan dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu yang pertama, klinikal, sebanyak 12 profesion; kedua, kesihatan awam, sebanyak empat profesion; dan ketiga, makmal, sebanyak tujuh profesion. Saya lihat akta ini mampu menjamin kualiti perkhidmatan, memantau rawatan dan diberikan segala keselamatan pesakit di bawah penjagaan individu yang terlibat dalam profesion ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kementerian Kesihatan seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, peranan sains kesihatan semakin penting kerana negara ini mengalami fenomena perubahan iklim yang menyebabkan kesan-kesan yang mencabar segala bentuk kesejahteraan awam seperti penyakit yang berjangkit. Selain daripada itu, akta ini dapat mencegah individu-individu yang menyamar dengan lagaknya sebagai pengamal kesihatan bersekutu dengan cubaan-cubaan menipu pesakit-pesakit dengan alasan untuk mengaut keuntungan.

Saya melihat Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu ini adalah sebahagian pakej lengkap kerajaan dalam mengangkat dan memacu Malaysia ke arah sebuah negara maju dan tercapai. *Insya-Allah*, dengan adanya akta ini, saya amat yakin dan percaya setidak-tidaknya suatu hari nanti kerajaan akan menitikberatkan lagi tentang dengan izin, *national health care policy* yang lebih serius kerana rakyat di Malaysia ketika ini amat memerlukan penjagaan kesihatan yang semakin lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya melihat dengan adanya kebakaran ladang dan hutan di Indonesia telah menyebabkan negara kita dilanda jerebu dan ini telah menjelaskan rutin dan kesihatan rakyat turut terjejas. Antara kesan jerebu yang kita sedang hadapi ialah kesukaran bernafas serta batuk-batuk. Kos ubat-ubatan menjadi persoalan apabila negara Malaysia dilanda jerebu atau suasana iklim yang tidak menentu. Ubat-ubatan diperlukan bagi meneruskan produktiviti kerja yang dilakukan oleh setiap individu yang bekerja di negara kita.

Oleh demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mewujudkan sebuah farmasi yang mesra rakyat yang boleh ditubuhkan mungkin atas nama Farmasi Rakyat 1Malaysia sebagai menyambut hasrat Perdana Menteri bagi meringankan beban rakyat. Masalah kesihatan yang ringan ini dapat diatasi sekali gus dapat mengembalikan kualiti kerja rakyat terutamanya jerebu ini yang mungkin akan diatasi sehingga pada bulan Mac.

Melalui Farmasi Rakyat 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua, membuktikan bahawa kerajaan amat prihatin dalam memastikan rakyat kita sentiasa sihat dan mampu menjalankan tugas dengan baik. Bagi pesakit yang sudah mendapat preskripsi ubat dan doktor bertauliah, tidak perlulah mereka ke klinik atau hospital hanya untuk mengambil ubat. Farmasi Rakyat 1Malaysia ini akan dicadangkan untuk ditempatkan khususnya di kawasan pedalaman agar memudahkan rakyat mendapatkan ubat secara mudah dan juga murah.

Tuan Yang di-Pertua, melalui akta ini juga, saya melihat ia dikaitkan juga dengan doktor perubatan. Doktor perubatan merupakan golongan profesional yang berdaftar. Apa yang dikhuatiri, terdapat individu-individu yang cuba memalsukan Sijil Perakuan Amalan Tahunan bagi mendapat pekerjaan sebagai pegawai perubatan terutamanya di klinik-klinik swasta.

Kita juga pernah digemparkan pada tahun 2013, kes individu yang dikaitkan kecelaruan gender yang menyamar sebagai seorang doktor dengan memalsukan Sijil Perakuan Amalan Tahunan seperti yang dikhabarkan oleh media elektronik bertarikh 14 April 2013. Kes ini berlaku di Melaka yang mana beliau sebenarnya seorang lelaki yang berwajah ayu dan bertubuh kecil menyamar sebagai doktor perubatan. Individu ini dikenali sebagai Dr. Ika yang telah memperdayakan lima buah klinik di Daerah Batu Berendam, Melaka bagi membolehkan dia diterima bekerja. Dr. Ika ini yang sememangnya seorang lelaki sering berbaju kurung dan juga bertudung. Ini sangat berbahaya, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang menghairankan, pemalsuan dokumen tersebut tidak disedari sehingga latar belakang individu tersebut disiasat. Melalui siasatan, dia didapati telah memalsukan sijil apabila nombor pendaftaran yang tertera pada sijil beliau adalah milik orang lain.

Melalui laporan berita yang dikeluarkan oleh BERNAMA pada 11 September 2012, seorang pembantu perubatan juga telah menyamar sebagai seorang doktor di sebuah klinik swasta di Dungun dan di samping itu juga, beliau telah didapati mencabul pesakit lelaki yang ketika itu cuba untuk mendapatkan rawatan. Mencabul pesakit lelaki itu, Tuan Yang di-Pertua. Perkara sebegini akan mengelirukan orang ramai terutamanya pesakit kerana sukar untuk membezakan antara pengamal perubatan bertauliah dengan individu yang tidak bertanggungjawab sekali gus menyebabkan mereka ditipu dan dianinya.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perkara sebegini tidak harus dibiarkan dalam meniti arus kemajuan Malaysia. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar diwujudkan satu aplikasi daripada *Android* yang dapat mengenal pasti kesahihan mana-mana individu yang dikatakan pegawai perubatan melalui nombor pendaftaran pegawai tersebut. Secara tidak langsung ini juga akan mencegah dan juga untuk memastikan pemantauan dapat dilakukan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua pada hari ini juga, menghisap rokok elektronik atau dikenali sebagai *vape* telah menjadi satu lagi fenomena baru di kalangan rakyat Malaysia. *Vape* ini sebenarnya berasal dari negara China pada tahun 2003 yang dicipta oleh seorang ahli farmasi bernama Hon Lik. Beliau telah mencipta *vape* setelah ayahnya yang merupakan penghisap rokok tradisional meninggal dunia akibat kanser paru-paru. Pada April 2006, *vape* mula memasuki Eropah dan pada tahun 2007 rokok elektronik ini mula diperkenalkan di Amerika Syarikat.

Kronologi seterusnya pada Mac 2008, Kementerian Kesihatan Turki telah mengharamkan penjualan termasuk mengimport *vape*. Pengarah Kementerian Kesihatan Turki juga turut mendakwa bahawa *vape* masih sama berbahaya seperti rokok tradisional. Timbalan Presiden *Foundation Combatting Smoking* di Turki mendakwa nikotin merupakan antara racun

yang paling berbahaya di antara 4,800 jenis racun kimia yang terkandung dalam rokok. Seterusnya pada Oktober 2008, satu kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan New Zealand menyimpulkan bahawa bahan kimia seperti *carcinogens* dan *toxic* adalah di bawah paras berbahaya kepada penghisap *vape*.

Hampir ke semua negara di Eropah cuba untuk menghalang *vape* daripada memasuki negara mereka seperti yang dilaporkan oleh *Consumer Advocates for Smoke-free Alternative Association* dengan izin sehingga April 2013. Kerajaan Venezuela juga telah memberi amaran untuk mendenda sehingga USD8,400 kepada sesiapa yang mengedarkan atau menjual rokok elektronik tanpa mendapatkan permit yang sah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun WHO mengatakan bahawa rokok elektronik tidak berbahaya seperti rokok tradisional, namun kandungan nikotin yang terdapat dalam *vape* tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Racun adalah racun dan sekiranya *vape* menjadi trend dikhuatiri khususnya imej pelajar-pelajar mahupun belia boleh tercaltar akibat menghisap rokok *vape* di kalangan ramai.

Apa yang ingin saya sampaikan, biar pun kandungan nikotin dalam *vape* ini sedikit, gaya menghisap rokok tetap sama. Tuan Yang di-Pertua bayangkan jika kanak-kanak sekolah juga turut menghisap *vape* ini dan lagaknya seperti menghisap rokok, saya pasti kita tidak ingin melihat pelajar-pelajar sekolah menunjukkan lagak samseng sedangkan hakikatnya rokok elektronik ini bertujuan untuk meredakan ketagihan merokok bagi mereka yang ingin berhenti merokok. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan, adakah pihak Kementerian mempunyai sebarang bentuk peraturan ataupun undang-undang dalam memastikan penggunaan rokok *vape* ini tidak disalahgunakan kepada seterusnya mungkin penyalahgunaan dadah.

Saya juga ingin mohon bertanyakan adakah Kementerian mempunyai garis panduan khususnya dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam penggunaan rokok *vape* ini. Saya tidak ada halangan akan penggunaan rokok *vape* ini tetapi perlu ada elemen untuk memastikan sebarang penggunaan itu tidak disalahgunakan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong dan mencadang akta ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila yang di depan.

**12.35 tgh.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu. Saya ingin memetik hadis Nabi S.A.W [*Membaca sepotong hadis*] bermaksud ada dua nikmat yang manusia sering leka dan abaikan iaitu pertamanya nikmat sihat dan yang keduanya ialah nikmat lapang. Inilah dua nikmat yang Tuhan berikan kepada kita dan hari ini kita berbahas berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan soal kesihatan yang merupakan satu nikmat yang Allah Taala berikan kepada kita, kepada manusia yang perlu kita jaga dan kita pelihara. Malahan menurut hukum

agama kita, sekiranya kita mengabaikan tahap kesihatan yang boleh membawa kemudaratannya diri, maka ia adalah hukumnya berdosa di sisi agama Allah Subhana Wataala.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan taraf pendidikan kita yang semakin berkembang dan semakin maju, maka menyebabkan kesedaran rakyat berkenaan dengan kesihatan juga semakin tinggi. Kalau dulu kita melihat, masyarakat takut untuk bertemu dengan doktor, takut untuk bertemu dengan hospital, tapi sekarang alhamdulillah kerana tahap kesedaran di kalangan rakyat yang mendapat pendidikan telah pun mereka sedar betapa pentingnya untuk mereka bertemu dengan doktor untuk merawat mereka. Jadi dengan adanya rang undang-undang ini, kita mengharapkan juga perkara ini dapat meningkatkan lagi kesedaran dari kalangan pengamalnya dan juga dari kalangan orang yang hendak menerima rawat.

Sebagaimana kita maklum soal kesihatan dan soal pelajaran, dua perkara yang tidak boleh kita kompromi dan dua perkara ini dalam tahap macam mana sekalipun sama ada dalam keadaan ekonomi gawat ataupun tidak, ianya amat diberikan perhatian. Satu pelajaran yang keduanya berkenaan dengan kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan juga supaya dengan pengiktirafan dan pembentukan Majlis ini, maka sudah tentulah di sana akan ada orang yang akan mengambil kesempatan terutama mereka yang terlibat untuk melaksanakan business dalam hal yang berkaitan dengan bidang-bidang yang diiktiraf ini.

Perkara ini perlu diambil perhatian terutama oleh MMC ataupun Majlis Perubatan Malaysia dan MQA, Agensi Kelayakan Malaysia. Kedua-dua ini berkaitan untuk melahirkan mereka yang mahir dalam bidang yang kita bincangkan pada hari ini. Kita tidak mahu akan berlakunya lambakan di pasaran. Sebagaimana dulu banyak kolej-kolej swasta yang dibuka kononnya tawaran berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan jururawat. Sudahlah untuk mengaji di situ terpaksa membelanja antara RM70 ribu hingga RM80 ribu bagi mendapat diploma jururawat. Malangnya apabila mereka keluar, kerjanya tidak ada. Akhirnya berlakunya lambakan di pasaran. Ini perkara perlu di *control* oleh pihak MMC dan juga daripada MQA supaya perkara ini tidak lagi berulang. Yang menjadi mangsanya ialah pelajar-pelajar. Yang kayanya ialah mereka yang mengambil kesempatan daripada apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Maka saya bersetuju dan menyokong Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bismillahirrahmanirrahim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Temerloh. Yang Berhormat Temerloh selepas Yang Berhormat Lenggong. Ya.

#### **12.40 tgh.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 yang dibentangkan oleh kementerian pada kali ini. Saya mengambil kesempatan untuk pertamanya menyokong penuh rang undang-

undang ini melihat kepada pentingnya untuk kita pastikan supaya bidang ini, profesion ini benar-benar diberi pengiktirafan dan peranannya benar-benar dilonjakkan pada tahap yang baik supaya perkhidmatannya kepada rakyat dapat benar-benar dilaksanakan, disampaikan dengan berkesan. Akhirnya rakyat menerima perkhidmatan itu dengan sempurna dan memberi kebaikan kepada semua.

Kita tahu bahawa rang undang-undang bagi menubuhkan Majlis Profesional Kesihatan ini bertujuan untuk mengawal amalan profesion kesihatan di negara ini dan mempunyai beberapa fasal yang dikenali sebagai Akta Profesional Kesihatan. Sudah tentu akta ini akan terpakai bagi mengawal profesion kesihatan bagi beberapa profesion tertentu termasuklah ahli pemakanan, terapi, juruteknik makmal perubatan dan sebagainya. Kita lihat bahawa perkara ini penting kerana kita tahu bahawa kalau kita tidak membuat pengawalan kepada bidang ini, maka perkhidmatan ini akan diambil kesempatan oleh pihak tertentu yang mungkin melakukannya di luar daripada bidang yang sepatutnya dan memberi kesan besar kepada pesakit terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, peranan sains kesihatan ini kita lihat semakin penting kerana kita lihat hari ini bahawa negara kita dan di seluruh dunia sedang mengalami fenomena perubahan iklim yang begitu ketara. Sudah tentu kita mesti membuat persediaan kerana kita berkeyakinan melihat kepada keadaan hari ini bahawa perubahan iklim ini akan berlaku dan jangkaannya juga dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini tentu kesan besar akan berlaku dan langkah awal yang kita ambil ini baik bagi membolehkan kita membuat persediaan kerana kita lihat dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini kemungkinan berlaku perubahan iklim yang mendadak tidak boleh kita nafikan. Dan sebab itu saya percaya dengan masa yang bergerak begitu pantas, kita tidak mempunyai waktu yang banyak maka persediaan-persediaan perlu kita buat untuk menangani masalah ini agar kita semua perlu menyelamatkan pelbagai pihak dalam keadaan-keadaan yang tidak menentu dan mencabar hari ini.

Hari ini kita juga mengalami masalah jerebu misalnya. Satu masalah yang cukup membimbangkan kita dan ia memberi kesan besar bukan hanya kepada kita daripada segi aspek kesihatan tetapi juga aspek lain, ekonomi dan sebagainya, pendidikan dan sebagainya. Misalnya kalau kita lihat hari ini masalah jerebu bukan hanya memberi kesan kepada pelajar sekolah tetapi juga kepada ibu bapa. Bayangkan kalau ibu bapa yang tidak ada pembantu rumah misalnya, terpaksa bercuti untuk menjaga anak dan sebagainya. Maka ia adalah kesan besar kepada kita. Jadi sebab itu peranan ini perlu dimainkan dan sudah tentu perubahan-perubahan iklim ini juga akan menyebabkan perkara-perkara misalnya penyakit berjangkit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini saya difahamkan juga bertujuan untuk mendaftar dan mengawal amalan profesion ini sebagaimana juga pernah disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan sudah tentu apabila kita mendaftar dan mengawal profesion ini kita dapat menjamin sebagaimana saya sebutkan tadi kualiti perkhidmatan kepada pesakit. Hari ini kita dapat banyak aduan dan juga banyak rungutan daripada pelbagai pihak kerana mereka menerima rawatan-rawatan daripada pakar-pakar dalam bidang ini yang tidak dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada mereka kerana kualiti mereka tidak dikawal oleh pihak tertentu.

Jadi sebab itu saya percaya dengan Majlis Profesional Kesihatan ini, kita harap yang kita difahamkan akan diketuai oleh seorang pengurus yang mana Ketua Pengarah Kesihatan sendiri dan pendaftar majlis selaku timbalan pengurus akan dapat memantau supaya semua amalan profesion ini dapat dikawal dengan baik dan sempurna dan sudah tentu ia akan memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, selain daripada pengawalan, yang penting juga kita kena lihat hari ini ialah kawalan keselamatan pesakit yang menerima rawatan juga diharap akan terjamin dengan adanya perkara ini. Sudah tentulah sebagaimana disebut oleh rakan-rakan tadi bahawa dengan adanya majlis ini, ia dapat mencegah individu yang tidak berkelayakan untuk melakukan perkhidmatan kepada pesakit dan sudah tentu kes-kes penipuan kepada pesakit, penyamaran dan sebagainya dapat kita banteras dan kawal dengan sebaik mungkin.

Harapan kita ialah supaya apabila majlis ini ditubuhkan, akan berlaku anjakan dan penambahbaikan daripada perkhidmatan sebelum ini. Maknanya jika majlis ini ditubuhkan tetapi servis, perkhidmatannya masih lagi tidak berubah, rakyat masih lagi menerima perkhidmatan-perkhidmatan yang di luar daripada yang sepatutnya, kita rasa ia tidak memberi faedah dengan penubuhan majlis ini. Akan tetapi kita harap dengan penubuhan Majlis Profesional Kesihatan ini, ia akan membantu untuk memberi kebaikan kepada pesakit.

Hari ini juga kita harap dengan adanya majlis ini ia dapat juga mengawal sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi, mengawal daripada segi jumlah pakar-pakar dalam bidang ini supaya tidak berlaku lambakan. Hari ini saya difahamkan contohnya negara kita tidak akan menghantar lagi pelajar-pelajar kita untuk mengikuti jurusan bidang perubatan mulai tahun hadapan. Saya difahamkan kerana kebimbangan kita berlaku lambakan dalam bidang ini. Namun demikian kita harap kerajaan berfikir sudah sampai ketikanya kita juga jika ada langkah-langkah yang baik dapat melahirkan pakar-pakar dalam bidang perubatan yang profesional kita eksport ke luar negara sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa dengan perubahan iklim yang saya sebutkan tadi, akan berlaku kemungkinan penyakit-penyakit di luar jangkaan selain daripada penyakit-penyakit yang selalu dan kita tahu hari ini. Misalnya penyakit yang disebabkan oleh demam denggi misalnya, ini semua berlaku akibat daripada iklim yang lembap, akibat perubahan iklim dan pemanasan global misalnya. Hari ini juga berlaku demam kepialu di Kuala Lumpur misalnya. Jadi sudah tentu dengan penyakit-penyakit yang begitu banyak ini.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Lenggong ada sebut tentang denggi. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lenggong, penyakit denggi ini makin menjadi-jadi dan banyak kematian telah berlaku setiap tahun di Malaysia. Saya kira isu

denggi ini bukanlah isu dua tiga bulan ini, telah pun bertahun-tahun kita bicarakan dalam Dewan ini. Adakah pada pandangan Yang Berhormat Lenggong, harus ada satu usaha oleh kementerian melihat bahawa denggi ini sebagai satu penyakit yang serius.

Kerajaan harus melihat dan akhirnya mengambil keputusan untuk membolehkan apa juga bantuan kepada pakar-pakar supaya *for once and for all* penyakit denggi ini kita boleh menjadi *champion* untuk menyelesaiannya. Akhirnya bukan sahaja menyelesaikan masalah di negara kita, mungkin juga jiran-jiran kita boleh mengambil ilmu yang kita akan perkenalkan ini dan kita harus menjadi orang yang mendahului dalam menyelesaikan masalah denggi. Saya tengok cara kita menyelesaikan denggi ini, saya ingat tidak ke manalah dan kematian demi kematian berlaku.

■1250

Adakah pada pandangan Yang Berhormat Lenggong, harus ada satu usaha yang serius kita harus belanja. Bukan sahaja untuk membangunkan institusi yang menjaga isu denggi ini tetapi juga pakar-pakar luar negara juga harus dibawa untuk menyelesaikan masalah denggi ini. Kalau tidak pun *once and for all*. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi komitmen pelbagai pihak khususnya kerajaan, kita menyokong. Saya rasa kerajaan kita juga menyokong apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menuahkan jawatankuasa teknikal menangani denggi ini. Akan tetapi kita juga kena akui hakikat bahawa kepada sesetengah negara tertentu di barat misalnya, mereka tidak berminat dengan penyakit denggi ini kerana ia bukan keutamaan kepada negara mereka.

Akan tetapi yang kita bimbang hari ini perancangan pelaksanaan itu hanya di peringkat atas dasar polisi dan sebagainya tetapi di peringkat bawah ini perlu diberi perhatian dan saya rasa itu antara perkara yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Jadi kita tidak boleh menunggu pihak-pihak lain khususnya negara-negara luar ataupun badan-badan kesihatan peringkat antarabangsa untuk...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Menerima sepenuhnya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Lenggong, sikit sahaja, Yang Berhormat Lenggong. Ini penting.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap saya habiskan ayat ini. Jadi yang penting ialah bagaimana kerajaan mahu melakukan dan melaksanakan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah ini di peringkat bawah. Oleh sebab itu perlu diberikan pelbagai inisiatif, pelbagai usaha kerana perkara ini perlu ditangani dengan secara bersungguh-sungguh kerana ia amat membimbangkan kita. Sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya berminat dengan soal denggi ini kerana denggi ini juga masalah kepada kita dari segi kematian dan Ahli Parlimen banyak kena turun gotong-royong tiap-tiap minggu. Saya cuma –

dan soalan ini dibawa oleh rakyat kepada Ahli-ahli Parlimen iaitu kalau penyakit-penyakit lain yang jauh lebih kalau dikira kronik boleh ada ubat atau vaksin atau boleh dihapuskan terus. Satu masa dahulu kita berjaya hapuskan TB.

Bukankah sudah sampai masanya bahawa strategi kerajaan dan negara kita untuk menghapuskan denggi ini bukan lagi bercakap soal buang air, *fogging* kerana itu tidak akan habis. Bukankah lebih baik sekiranya kalau ada satu dana yang besar mengambil kira apa yang Yang Berhormat Lenggong sebut tadi bahawa syarikat farmaseutikal antarabangsa mungkin tidak berminat untuk kajian R&D kepada penyelesaian denggi ini. Maknanya negara-negara seperti Malaysialah yang perlu memperuntukkan jumlah yang paling besar supaya kita boleh dapat satu penyelesaian, ubat yang boleh bagi antibodi ataupun ketahanan supaya kita bila digigit nyamuk, tidak lagi mati. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong. Sikit, sikit. Hendak tambah. Hendak tanya Yang Berhormat Lenggong adakah setuju dengan saya bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mati juga itu, Yang Berhormat Pandan, kalau umur sudah tiba.  
*[Ketawa]*

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Lenggong, hendak tanya setuju atau tidak Yang Berhormat Lenggong bahawa denggi yang tidak boleh diatasinya adalah berpunca daripada kegagalan kerajaan mengubah sikap rakyat terhadap kebersihan, satu. Kegagalan pihak PBT untuk menangani kebersihan dalam kawasan mereka dan juga penguatkuasaan yang lemah. Setuju atau tidak?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya percaya isu denggi ini isu masyarakat secara keseluruhan. Kalau tanya Yang Berhormat Sik, dia lagi pakarlah. Dia pengamal perubatan. Akan tetapi untuk menanganinya, kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab dan kesalahan kepada satu pihak sahaja. Ini mesti diselesaikan secara bersama dan secara bersungguh-sungguh.

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh sahabat kita daripada Pandan. Betul. Sebenarnya, kalau kita lihat kita mempunyai kepakaran di UKM, mungkin ada pusat penyelidikan inovasi dan sebagainya untuk merangka dan mencipta kaedah yang terbaik bagi menangani isu ini. Kalau kita hendak harapkan negara maju, betul. Memang negara maju dia tidak melihat ini sebagai keutamaan kerana ada masalah lain lagi dia hendak selesaikan.

Yang perlu kita buat ialah kita sebagai rakyat Malaysia dan sebab itu saya percaya kalau kementerian meletakkan ini keutamaan untuk diselesaikan, kita tidak boleh meletak kesalahan kepada satu-satu pihak, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Mungkin ada kelemahan-kelemahan dari aspek pelaksanaan, polisi dan sebagainya tetapi ia perlu diperbaiki secara bersama dan yang penting ialah kerajaan mesti memberi keutamaan, melihat apa fokus yang perlu diselesaikan kerana saya sebut awal tadi bahawa kita tidak boleh lagi hanya di peringkat dasar, hanya di peringkat polisi sahaja tetapi pelaksanaan di bawah ini.

Mendidik rakyat, mendidik masyarakat perlu dilakukan. Maknanya kalau kerajaan memberi keutamaan, maka semua pihak mesti digembeleng. Sekolah, institusi pendidikan di peringkat akar umbi hingga ke peringkat tertinggi. Peringkat penguatkuasaan, PBT dan sebagainya mesti digembeleng secara bersama.

Maka kalau semua pihak melihat itu keutamaan, saya percaya ia boleh diselesaikan. Kita lihat bagaimana Ghana misalnya menyelesaikan isu masalah dadah misalnya apabila keutamaan. Kalau di masjid, khutbah Jumaat itu, baca soal ini dan sebagainya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya percaya kalau ia dibuat secara bersama, maka ia boleh diselesaikan.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yang Berhormat Lenggong, minta.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya, sila Yang Berhormat Sik. Dia boleh membantu saya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Saya tertarik untuk mencelah Yang Berhormat Lenggong. Pertama tadi sahabat saya daripada Pengkalan Chepa. Sahabat lama saya dekat Medic UKM. Dia kata salah kerajaan. Saya ingat isu denggi ini sebenarnya bukanlah kita letakkan sepenuhnya 100% ke atas tanggungjawab kerajaan tetapi rakyat ataupun masyarakat mestilah belajar dan mempunyai sikap yang betul untuk mengelak daripada dapat penyakit denggi.

Kedua, saya mendapat maklumat daripada Hospital Kuala Lumpur dan banyak kes denggi berlaku di Hospital Kuala Lumpur. Apabila dilakukan siasatan, tempat pembiakan denggi itu banyak dijumpai di atas-atas bangunan. Jadi saya juga ingin – lebih kurang setuju dengan sahabat tadi bahawa PBT ataupun kerajaan tempatan, ada juga kerajaan kena mengambil perhatian bahawa *design* atau bentuk bangunan itu supaya di atas bangunan, bumbung-bumbung bangunan tidak ada tempat-tempat yang mengumpul air yang mana akan menyebabkan pembiakan denggi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Secara kesimpulannya, saya percaya yang penting, kebersamaan itu. Yang penting juga ialah apa keutamaan yang hendak kita selesaikan. Jadi kalau kita lihat bahawa denggi ini keutamaan, maka kementerian harus merangka supaya penyelesaian ini tidak dilakukan atau dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan sahaja tetapi semua pihak secara bersama. Pendidikannya, kesihatan dan sebagainya juga dilakukan secara bersama. Boleh, Yang Berhormat Batu Gajah. Masa sudah hendak habis. Setengah minit, ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya yakin Yang Berhormat Lenggong bersetuju untuk memasukkan kesemua 23 profesion ini di bawah Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu. Salah satu daripada profesion yang terkandung dalam senarai 23 itu ialah *physiotherapist*. Saya hendak dapat kepastian daripada Yang Berhormat Lenggong. Yang disebut sebagai *physiotherapist* ini, ada atau tidak mereka mempunyai sesuatu kelayakan

ikhtisas tertentu ataupun sekadar mereka yang keluar daripada kolej swasta dan sebagainya yang dari peringkat diploma dan sebagainya juga dianggap dalam kategori ini.

Baru-baru ini saya dapat bahawa ramai yang keluar daripada kolej-kolej swasta yang memiliki diploma dan sebagainya dalam bidang *physiotherapy* ini yang juga telah mendapat pinjaman daripada PTPTN. Saya bangkitkan ini Tuan Yang di-Pertua sebab Yang Berhormat Lenggong juga merupakan Pengurus PTPTN. Jadi mereka dapat kelulusan daripada PTPTN dan selepas mereka belajar, mereka keluar dan mereka tidak dapat kerja di mana-mana tempat dan mereka terpaksa berhutang RM60,000 hingga RM70,000. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Lenggong berkaitan dengan isu ini. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat berkaitan dengan fisioterapi itu, Yang Berhormat Menteri akan jawablah. Jadi saya setujulah. Ini pertama kali dimasukkan dalam ucapan saya untuk dijawab oleh Menteri berkaitan dengan isu itu.

Saya bersetuju bahawa perlu kita rangka supaya- walaupun ia tidak sesuai untuk dibincangkan dalam forum ini tetapi bidang-bidang tertentu yang mungkin akan berlaku lambakan dari segi pekerjaan dan sebagainya mesti dikaji dengan teliti. Misalnya saya sebutkan tadi bahawa akan berlaku lambakan dalam bidang perubatan misalnya selepas ini. Sebab itu langkah 2016 mungkin akan dikurangkan dan sebagainya. Apa pun, saya percaya kalau kita lihat apa penyakit yang kita jangkakan akan berlaku dalam negara kita kerana kita mesti merancang untuk penyediaan pendidikan dalam tempoh beberapa tahun, maka kerajaan juga mesti secara bersama. Sebab itu saya katakan secara bersama tadi. Maka penyediaan pakar-pakar perubatannya juga mesti selari dengan jangkaan kita itu.

Akan tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak habiskan sekejap sahaja. Yang penting ialah saya percaya bahawa rang undang-undang tubuh untuk Majlis Profesional Kesihatan ini amat penting sekali. Jika ada sedikit kelemahan, kita boleh perbaiki dari semasa ke semasa. Yang penting ialah perkhidmatan kesihatan mesti diberi terbaik kepada rakyat kerana bukan semua perkhidmatan perubatan ini secara percuma boleh kita beri. Ada yang perlu dibayar oleh rakyat. Maka rakyat perlukan perkhidmatan yang terbaik sesuai dengan apa yang mereka inginkan. Sebab itu saya menyokong Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita akan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**  
**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi Ahli-ahli yang hendak membahas ‘Rang Undang-undang Kesihatan’? Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

### 2.32 ptg.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk berbahas sikit tentang Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 yang mana Rang Undang-undang Profesional ini adalah sesuatu yang amat baik yang telah dikemukakan oleh kerajaan bagi kita membentuk sebuah Rang Undang-undang Profesional Kesihatan dan juga sejurus dengan itu membentuk Majlis Profesional Kesihatan. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu melihat bahawa dengan wujudnya rang undang-undang ini, ia akan memberikan satu keadaan yang lebih baik terutama sekali dalam memperkasakan bidang profesion kesihatan.

Saya ingin merujuk masalah ini secara bersama apabila rancangan TPPA esok nanti dilaksanakan, kalaular katakan keputusan itu dibuat oleh kerajaan, maka ia akan memberikan satu ruang dan peluang, mungkin sama rata di antara ahli-ahli TPPA untuk berkhidmat di semua negara yang menyertai program TPPA. Justeru dengan itu, kita akan menghadapi satu situasi yang mana dasar terbuka tersebut akan memberi peluang kepada profesional-profesional dalam bidang kesihatan daripada negara-negara peserta TPPA untuk berkhidmat ataupun membuka cawangan-cawangan perkhidmatan mereka terutama sekali bagi ahli-ahli profesional kesihatan *private* ataupun daripada negara-negara luar.

Jadi dengan sebab itu, kita mengharapkan rang undang-undang ini juga disusun, digubal mengambil kira tentang prospek dan juga keadaan yang dimaksudkan tadi berlaku pada masa depan. Bermakna di sini dalam rang undang-undang tersebut perlu ada elemen perlindungan ataupun satu hak keistimewaan terutamanya kepada ahli-ahli profesional kesihatan yang berlindung di bawah Majlis Profesional Kesihatan yang kita wujudkan dalam negara kita.

Walaupun ada ruang yang perlu kita buka untuk negara-negara TPPA menyertai perkhidmatan kesihatan dalam negara demi untuk kita melonjakkan pembangunan teknologi kesihatan, namun satu aspek perlindungan tersebut juga perlu dibuat supaya rakyat negara kita yang terlibat dalam profesion kesihatan ini tidak diketepikan, tidak terabai dan keadaan yang mana mereka perlu diberikan ruang dan keutamaan atau *privilege* yang mesti diwujudkan oleh Rang Undang-undang Profesional Kesihatan yang kita buat bagi tahun 2015 ini.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bidang perubatan ini, apa yang dilingkung oleh Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015, kita melihat ia

lebih menjurus kepada profesional kesihatan yang kontemporari, yang bersifat *medical* dan sebagainya. Namun begitu di Malaysia, kita ada lagi beberapa bidang dalam jurusan kesihatan yang menjadi minat dan tarikan kepada rakyat Malaysia juga iaitu dalam bidang-bidang perubatan tanpa ubat, bidang-bidang perubatan tradisional, bidang-bidang perubatan alternatif, bidang-bidang perubatan yang ada berkait dengan unsur-unsur mistik, bidang-bidang perubatan herba dan juga bidang-bidang perubatan yang berkait dengan metafizik.

Jadi, adakah Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 ini juga mengambil kira tentang kewujudan bidang-bidang perubatan alternatif sebagaimana yang disebutkan tadi? Adakah di situ wujudnya unsur-unsur kawalan dan juga penentuan kepada boleh terlaksananya bidang-bidang perubatan yang bukan kontemporari macam mana yang kita bincangkan tadi?

Oleh yang demikian, walaupun saya bersetuju dengan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 ini, tetapi saya juga ingin meminta supaya kerajaan memberikan penjelasan kepada kita sama ada dua bidang ini iaitu bidang profesional perubatan dengan bidang perubatan tanpa ubat, tradisional, alternatif, mistik, herba, metafizik dan sebagainya ini juga mempunyai satu elemen pengawalan, sokongan dan juga kebolehtenerimaan bidang-bidang alternatif ini.

Jadi, kalau tidak kita melihat Rang Undang-undang Profesional ini kita gubal tetapi dalam masa yang sama, kita tidak memberi perhatian kepada perubatan alternatif yang menjadi pilihan kepada rakyat dan kemungkinan pilihan perubatan alternatif ini akan menimbulkan masalah-masalah tertentu, maka, kita tidak ada satu rang undang-undang kawalan, tidak ada satu inisiatif untuk memperkasakan bidang-bidang tersebut. Jadi, ia akan memberikan satu masalah kepada rakyat.

Jadi saya amat berharap supaya kita boleh mengiktiraf Rang Undang-undang Profesional Kesihatan ‘Kontemporari’ dan dalam masa yang sama kerajaan juga mempunyai satu *guidelines* yang jelas, mungkin diasaskan daripada undang-undang yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Profesional Kesihatan ini untuk dilaksanakan bagi perubatan-perubatan tanpa ubat, tradisional, perbomohan dan sebagainya. Ini kerana kalau kita boleh mewujudkan termaterma yang diiktiraf, yang ada silibusnya, ada pengiktirafan daripada segi amalan-amalan perubatan-perubatan yang bukan kontemporari ini, maka ia akan memberikan lebih keyakinan kepada rakyat selain daripada mereka mendapat rawatan daripada pakar profesional, mereka juga boleh mendapat rawatan alternatif yang dijamin oleh pihak kerajaan.

Jadi saya menyokong Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 dengan sedikit cadangan yang telah disebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

■1440

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Temerloh.

**2.40 ptg.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi kesempatan kepada saya untuk berkongsi pandangan dalam membahaskan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada anggota staf perkhidmatan Kementerian Kesihatan kerana berupaya mencadangkan satu rang undang-undang untuk mengawal selia dan meningkatkan piawaian kumpulan profesion kesihatan bersekutu di Malaysia. Pengubalan rang undang-undang ini diharap *insya-Allah* mampu mengukuhkan dan meningkatkan tahap keberkesanan sektor perubatan di Malaysia. Terutamanya untuk mengisi kelompong sumber tenaga manusia dalam bidang kedoktoran, kejururawatan, paramedik dan juga klinikal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin merujuk kepada Jadual Kedua rang undang-undang ini yang telah menyenaraikan 23 jenis profesion kesihatan bersekutu. Saya berharap supaya pihak kementerian senantiasalah *revise* jenis-jenis profesion yang terkini. Bagi memastikan ianya melengkapi keperluan semasa dalam negara kita yang saya telah jangkakan dan kita semua pun melihatnya bagaimana berlaku perkembangan-perkembangan dari sudut sains perubatan dan seumpamanya. Jadi perkara yang paling penting juga dalam profesion ini adalah promosi dan juga penerangan yang meluas kepada rakyat untuk mereka memahami bidang-bidang yang kritikal seperti penjagaan mental yang merangkumi psikologi klinikal, kaunseling, kerja sosial dan juga sains forensik yang saya rasa masih baru dalam negara kita pada hari ini.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, terdapat perkara-perkara penting yang perlu difikirkan dan saya kira wajar, supaya anggota-anggota dalam profesion ini turut sama dilengkapkan dengan tasawuf Islam sebelum mereka terjun ke bidang ini ataupun menjadi pengamal yang serius, yang formal dalam bidang ini. Supaya mereka jelas dan juga memahami tasawuf Islam terutamanya dalam bidang pemakanan. Ini sebab kita tahu sekarang ini di negara kita dan juga dunia ataupun masyarakat terdedah kepada pelbagai situasi dan juga keadaan dalam pemakanan ini tercampur dengan perkara-perkara yang mungkin tidak halal bagi seorang Muslim dan seumpamanya. Bukan sahaja pada makanan-makanan tetapi juga pada kandungan ubatan dan seumpamanya mestilah dilihat kerana kita diajar. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Jadi suatu yang bukan sahaja halal pada hukumnya tetapi juga *toyyiban*, baik dari sudut kandungannya dan juga baik dari sudut persediaan makanan tersebut.

Kemudian dalam bidang kaunseling umpamanya kerana kaunseling ini juga adalah merupakan satu juzuk daripada cegahan dan kawalan kesihatan dan juga rawatan kesihatan yang perlu kepada masyarakat kita. Termasuklah juga dalam soal sains biologi klinikal yang mana saya kira tasawuf Islam ini *insya-Allah* dia akan memberi impak yang lebih kukuh dalam penyediaan rang undang-undang ini untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut mendapatkan perincian daripada pihak kementerian berhubung dengan jumlah sebenar tenaga kerja yang terlibat dalam profesion ini.

Adakah bidang pendidikan negara ini telah benar-benar bersedia untuk menawarkan sumber tenaga kerja yang berkemahiran. Sekurang-kurangnya untuk tempoh yang pendek lima tahun ke hadapan ini bagi menjayakannya. Kemudian bagaimana pula satu penjelasan yang saya inginkan daripada pihak kementerian tentang kod etika ataupun garis panduan tata tertib yang akan diaplikasikan dalam profesion ini. Ini kerana saya lihat dalam bahagian-bahagian dalam rang undang-undang ini tidak dinyatakan perkara yang berkait dengan garis panduan tata tertib ini.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan supaya bayaran ataupun fi yang akan dikenakan untuk pendaftaran itu tidaklah membebankan mereka. Selain itu saya ingin mendapatkan penjelasan adakah pihak majlis yang akan ditubuhkan ini juga berperanan untuk menentukan kadar bayaran perkhidmatan profesion yang akan dikenakan kepada pelanggan. Ini saya kira sangat penting kerana sudah tentulah dunia sekarang dengan kos sara hidup yang begitu tinggi dan tekanan kewangan juga yang sedang dihadapi ataupun diterima oleh masyarakat dikira satu beban untuk mereka. Jadi apakah nanti ini juga akan menjadi satu lagi bentuk beban kepada pelanggan suatu ketika nanti.

Akhirnya dalam beberapa perkara berbangkit yang ingin saya timbulkan ada dua perkara berbangkit, tiga perkara berbangkit. Pertama ialah soal birokrasi pendaftaran sebagai ahli. Selalunya bila ada badan yang macam ini ditimbulkan oleh rakan-rakan dalam sektor ini sangat bimbang kalau nantinya birokrasi pendaftaran ini akan menyusahkan para pengamal. Terutamanya dari sudut kewangan dan juga dari sudut latihan dan seumpamanya. Kemudiannya yang keduanya ialah isu perbezaan ataupun substandard antara graduan PKB daripada universiti awam, swasta dan juga luar negara. Bagaimana hendak *normalize* mereka. Apakah perlu kepada latihan lanjut ataupun bagaimana selepas daripada itu? Ketiganya ialah selepas daripada pelaksanaan rang undang-undang ini nanti jika sekiranya masih ada kelompongan yang tidak cukup syarat kepada graduan ataupun pengamal yang telah sedia ada. Apa akan jadi pada kursus-kursus pengajian dan juga pengamal-pengamal yang telah senior dalam bidang ini?

Jadi saya harap perkara-perkara ini dapat diperincikan dan diberikan penjelasan oleh pihak kementerian supaya kita dapat bersedia dan juga dapat menerima dengan baik pelaksanaan rang undang-undang ini. Sekian terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

#### **2.47 ptg.**

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil sedikit masa untuk perbahasan ini. Kalau kita tengok Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu bagi pandangan saya setiap profesion sudah tentu dia ada isu-isu yang tersendiri. Isu kebijakan, isu pengiktirafan, isu *legal* dan sebagainya, isu perjawatan dan sebagainya. Maka sudah tentulah profesion-profesion ini mesti ada badan yang

menguruskannya. Saya rasa rang undang-undang ini sepatutnya sudah lama dibentangkan iaitu dari sudut melihat kepentingannya.

Kepentingan mengiktiraf profesion ataupun kompetensi dengan sendirinya kita mengiktiraf kompetensi profesion kesihatan bersekutu ini kesannya sangat baik dan sangat positif. Terutama kalau kita tengok di negara-negara maju yang lain US kah, Australia kah, mana-mana misalnya pakar pemakanan mereka. Mereka letak satu *title* yang diletakkan di depan namanya RD atau *Registered Dietitian (RD)*.

Pentingnya benda-benda ini kerana penyakit-penyakit tidak semuanya bersifat pengubatan tetapi banyak juga penyakit yang bersifat preventif. Umpamanya penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti mana darah tinggi, kencing manis, gout, jantung dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini ia lebih kepada perubahan sikap, pendidikan kesihatan dan sebagainya. Dengan pengiktirafan mereka ini maka pesakit-pesakit mendapat info daripada orang-orang yang diiktiraf dan maklumat-maklumat mereka adalah lebih tepat dan betul. Jadi kalau kita mengadakan ini dan kita memperkuatkan profesion-profesion ini ia membantu kesihatan pengubatan kerana mereka akan terlibat lebih awal dari segi *screening* dan juga pencegahan-pencegahan dalam bentuk sikap dan sebagainya.

#### ■1450

Rakyat juga telah kita— dengan sendirinya kita cuba mendidik rakyat untuk mengenali bidang-bidang profesion yang terbabit tadi. Mereka tidak mengambil nasihat daripada orang-orang yang tidak berautoriti. Dengan itu nasihat-nasihat ini, informasi ini lebih *confident* diterima oleh masyarakat.

Kedua, dengan adanya Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu ini juga kebajikan ahli-ahli lebih teliti dari sudut pengajian mereka dan juga kebajikan-kebajikan yang lain. Begitu juga ia menjadi perlindungan komuniti pengguna kerana mereka mendapat perawatan informasi daripada mereka yang bertauliah. Itu dari sudut positif yang kita rasa benda ini perlu disegerakan. Namun demikian, ada beberapa isu yang perlu dilihat di dalam perkara ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Temerloh sedikit, masalah standard antara graduan IPTS, IPT di luar negara, isu kebajikan perlu dilihat dan isu peluang pekerjaan. Kalau kita tengok dalam profesion yang lain seperti *staff nurse*, farmasi dan sebagainya, kita melihat mereka telah lebih graduasi, orangnya telah lebih tetapi masih lagi diproduksi dengan jumlah yang banyak. Ini juga perlu diteliti, mengenai keperluan-keperluan dalam setahun yang kita perlu.

Kemudian dari sudut penguatkuasaan. Kalau kita tengok dari segi sekarang masalah-masalah pertembungan antara perubatan tradisional dan perubatan moden, pun masih lagi tidak boleh diselesaikan. Sekiranya penguatkuasaan dibuat tanpa mengambil kira pertembungan antara perubahan, ini pun satu masalah juga kerana di bidang perubatan tradisional, kadang-kadang ini disalahgunakan, ubat-ubatannya tidak dihasilkan dengan standard yang baik dari sudut kandungan dan cara penyediaan. Ini juga satu perkara yang perlu diteliti. Saya rasa itu sahaja pandangan saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

## 2.52 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk turut terlibat dalam Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015. Saya tidak panjang, hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Walaupun disebut di sini bahawa mereka yang bukan warganegara asing itu perlu berdaftar di bawah akta ini. Cuma saya hendak mendapatkan penjelasan sejauh mana akta ini dibuat disesuaikan dengan perjanjian TPPA yang bakal dimeterai dalam tempoh yang terdekat. Ini kerana sudah tentu dengan TPPA ini yang banyak diperkatakan nanti akan membuka ruang yang lebih luas kepada warga asing.

Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ialah sejauh mana perlindungan untuk melindungi rakyat Malaysia yang terlibat dalam 23 profesion yang kita masukkan, yang kita senaraikan di dalam akta ini. Sejauh mana? Sebab sudah tentu kepentingan rakyat ini harus diutamakan dan banyak diperkatakan bahawa dalam perjanjian TPPA itu ada banyak perkara-perkara yang tidak dapat saya nafikan, ada kebaikan kepada rakyat. Akan tetapi sebahagian besarnya yang boleh memberikan kesan jangka panjang yang boleh menjelaskan kepentingan masyarakat dan rakyat di dalam negara kita ini. Jadi sejauh mana undang-undang ini, apakah nanti kalau tidak disesuaikan dengan TPPA ini apabila TPPA itu dimeterai nanti, maka akan berlaku pindaan yang kita terpaksa mengikuti apa yang telah dimeterai di dalam TPPA.

Kedua, saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan ialah sejauh mana seperti mana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat dari Tasek Gelugor berkaitan dengan pengamal-pengamal perubatan tradisional yang mengamalkan perubatan mereka itu mengikut peralatan-peralatan moden dalam dunia perubatan tetapi mereka itu merupakan pengamal-pengamal perubatan tradisional. Saya beri contoh, umpamanya kalau juruteknologi pergigian ada tukang gigi, mereka ini tidak ada *certificate* yang diiktiraf tetapi mereka menjadi tukang gigi. Di kampung-kampung ini, saya ingat ada orang kampung yang buka kedai dia tukang gigi, sekarang ini pun dia menggunakan peralatan-peralatan moden. Jadi sejauh mana pengiktirafan itu boleh diberikan kepada mereka kerana mereka ini tidak mempunyai kelayakan *certificate* yang diiktiraf di mana-mana? Akan tetapi ada masyarakat kampung yang mendapat khidmat daripada mereka. Pengamalan-pengalaman mereka itu sangat-sangat tinggi.

Ketiganya ialah tok mudin kampung hari ini semuanya menggunakan kaedah moden. Dari segi peralatannya dari segi ubat dan sebagainya semua menggunakan. Akan tetapi sejauh mana mereka ini juga boleh dimasukkan dalam senarai untuk mengangkat martabat pengamal-pengamal tradisional ini supaya mereka juga akan berkembang untuk pengayaan ilmu yang ada kepada mereka. Oleh sebab macam saya katakan, walaupun tok bidan kampung tidak ramai dalam negara kita ini tetapi dasar sudut pengayaan ilmu ini yang ada kepada mereka ini seharusnya dimanfaatkan dalam dunia perubatan moden yang ada pada hari ini. Jadi salah

satunya tok mudin. Jadi macam Yang Berhormat Bagan Serai itu dia kena belajar bagaimana hendak kerat di kampung, macam mana dia hendak kerat bagi elok. Sila. [Ketawa]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Saya terpanggillah apabila sudah sebut Bagan Serai. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya pun tok mudin juga, tok mudin doktor. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, apa pendapat Yang Berhormat Pokok Sena, tok mudin ini pun patut dipanggil. Memang dia ada *skill* tetapi dia pun main agak-agak juga. Saya sudah berapa kali, malam-malam *attend post circumcision bleeding* dengan izin, selepas *circumcise* pukul 12 malam, saya tengok berdarah-darah, tidak berhenti. Jadi saya tanya “*Buat kat mana?*” Dia kata “*Tok mudin*”. Akan tetapi saya bukan hendak komen tok mudin, tok mudin ini bagus, dia tolol kerja saya, tidak banyak kerja saya tetapi *bleeding* ini, saya pernah tanya. Dia pun agak-agak juga.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, patutnya kita teruskan, kita boleh bantu tok mudin yang ada *skill* tetapi bagi dia *Starting Medical Continuation Study* (CME) so that dia pun boleh *upgrade* dia punya *knowledge*, jadi tok mudin yang berkaliber. Teruskan perjuangan dia tetapi dengan ilmu yang dia tahu apa yang dia buat, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai. Saya bersetuju tok mudin itu perlu dipanggil untuk diberikan satu gambaran yang supaya kerja-kerja pelaksanaan itu lebih meyakinkan kita. Akan tetapi tidak boleh hendak katakan bahawa doktor Klinik Bagan Serai pun ada juga yang berdarah. [Ketawa] Berdarah meleleh pun ada, cumanya tidak beritahu pada orang sahaja. Takkanlah klinik Yang Berhormat Bagan Serai hendak sembunyi juga benda itu? Kalau dia beritahu pada orang maka orang sudah tidak pergi klinik, orang kampung pergi klinik RM120 sekali kerat.

Kalau pergi ke tok mudin kampung, paling tinggi bayaran RM60 hingga RM70. Yang Berhormat Bagan Serai pun kena ambil kira jugalah, jangan *charge* mahal sangat. Kalau kena musim cuti sekolah, sehari boleh kerat berapa? Kalau doktor klinik? [Disampuk] Kalau 20 orang, kalau RM120. Dia tidak datang sidang Parlimen pun tidak mengapa. Dia tidak payah ambil elaun sidang, dia pergi ambil RM120 sekali kerat. [Ketawa]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ini keluar tajuk, tidak makan ubat apa hari ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bersetuju, walaupun dalam suasana kita *joke* petang-petang ini saya bersetuju dengan... sebab pengayaan ilmu yang ada pada pengamal-pengamal tradisional ini termasuk bidan kampung, tukang gigi yang ada di kampung, tok mudin dan sebagainya sangat berharga yang seharusnya kita harus dalam dunia moden ini bagi saya tidak boleh tinggal sepenuhnya. Bukan sahaja kepada pengamal-pengamal tradisional orang Melayu, Cina, India yang masing-masing mempunyai ilmu yang sangat tinggi dan berharga yang perlu diangkat martabat itu untuk kepentingan-kepentingan mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan seperti mana yang disebut oleh rakan saya daripada Kuala Kedah semalam itu. Bagaimana untuk memastikan supaya majlis ini tidak mengongkong kepada penemuan-penemuan baru dalam dunia perubatan ini, khususnya macam disebut semalam itu. Contoh, dunia pemakanan umpamanya. Saya banyak bersempang, dia duduk satu hotel dengan saya semalam. Maknanya, penemuan-penemuan baru, kitab-kitab baru dalam dunia perubatan, pemakanan dan sebagainya telah pun ditemui.

Sedangkan apa yang disebut semalam oleh Yang Berhormat Kuala Kedah bahawa pakar-pakar rujuk di Kementerian Kesihatan itu masih memakai kitab lama, tak keluar daripada kitab-kitab baru. Malah ada yang mengatakan bahawa tak boleh makan itu, tak boleh makan ini. Oleh kerana ada saintis satu ketika dahulu, beberapa puluh tahun dahulu disebut mengatakan bahawa mereka ini telah menjadi alat kepada syarikat-syarikat pengeluar yang hendak melakukan barang pemakanan mereka. Lalu dikatakan bahawa kamu tak boleh makan ini, tak boleh makan itu.

Maka, akhirnya kerana dia itu saintis, maka dia diiktiraf dan dia dijadikan rujukan oleh pakar-pakar rujuk sehingga selepas daripada 40 tahun ke 50 tahun sekarang ini. Jadi, sebab itu bagi saya bahawa harus ada penemuan-penemuan baru. Macam disebut, saya bersempang dengan MP Kuala Kedah semalam di hotel. Dia kata bahawa kalau dulunya kalau amalan biasa, nasihatnya ialah kita hanya boleh seminggu dua biji telur boleh makan. Akan tetapi dia kata penemuan baru, dia kata hang hendak makan lima biji pun tak apa, lima biji telur tak apa. Jadi, MP Merbok duduk juga satu hotel dengan saya. Dia menghadapi strok, dia sebut kepercayaan dia kepada saya, dia kata kepercayaan dia kerana apa, dia makan telur itik. Dia kata makan telur itik banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang itu bukan *private conversation*kah Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dak, dak. Saya hendak sebutnya ialah penemuan ilmu baru ini, penemuan baru yang ditemui oleh dunia perubatan, dunia pemakanan yang ada pada hari ini. Jadi, MP Merbok kata bagus, dia cerita dekat saya, dia kata aku makan telur itik lebih. Jadi, dia percaya, dalam minda dia percaya macam mana orang kampung dahulu percaya kalau makan kambing, dapat darah tinggi. Allah, dia kata tak boleh. Aku sakit kepala, tak boleh makan. Akan tetapi kalau pi duduk dengan saya, cari hak itu dululah sebab kita tidak ada kepercayaan tersebut. Jadi, saya hendak sebutnya bahawa ini kepercayaan yang ada. Sedangkan penemuan baru mengatakan boleh makan. Saya tanya juga kepada MP Kuala Kedah.

Saya tanya kalau kita makan daging lembu punya? Dia kata boleh, makan pi banyak mana pun daging lembu. Akan tetapi syarat dia kata makan daging lembu ialah lembu yang tidak makan makanan pelet, tapi syaratnya lembu yang makan rumput. Oleh kerana dia kata bahawa pelet itulah yang membawa kepada menyebabkan orang itu boleh mendapat darah tinggi, jantung, kanser dan sebagainya. Jadi, kalau kita makan, kita pun dapat benda yang sama. Akan

tetapi kalau dia makan yang *natural* iaitu tumbuh-tumbuhan, organik dan sebagainya, maka itu akan memberikan kesihatan yang lebih baik kepada kita.

Jadi, saya harap bahawa janganlah sampai majlis ini akan mengongkong kita, mempercayai ilmu-ilmu yang sedia ada dalam kitab ataupun buku-buku kesihatan yang ada ini tanpa melihat kepada penemuan-penemuan ilmu-ilmu baru yang ada sekarang ini. Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, jemput Yang Berhormat Menteri. Ada lagi?

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

### 3.04 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Alhamdulillah. Wassalatuwassalamuala Rasulullah Wa'alaalihi Wassahbihi Wamawalah. Au'uzubillahi Minnasyaitanirajim* [Membaca potongan ayat Al-Quran] yang bermaksud, “*Makanlah kamu dan minumlah kamu dan jangan berlebihan. Sesungguhnya Allah tidak mengasihi orang-orang yang melampaui batas*”. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada mengizinkan untuk saya bersama dalam membahaskan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015 yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Di mana tujuan rang undang-undang ini ialah untuk mengawal selia amalan profesi kesihatan di negara ini untuk membantu meningkatkan perkhidmatan profesi kesihatan yang juga bertujuan melindungi pesakit-pesakit dan juga kesihatan individu dan penduduk. Oleh itu kita melihat kepada asas kesihatan ialah apa yang disebut oleh Allah SWT. Fitrah manusia memerlukan kepada makanan dan minuman. Punca daripada berlakunya penyakit-penyakit ialah datang daripada perut. Apabila tidak mengikuti cara pemakanan, diet yang betul, maka berlakulah apa yang kita lihat pada hari ini.

Masalah kesihatan rakyat Malaysia bukan sahaja berlaku di kalangan orang-orang dewasa, bahkan kanak-kanak pun sudah menghadapi penyakit-penyakit kronik dan serius. Oleh kerana berapa ramai kita dapati yang sudah menghidap penyakit buah pinggang, paru-paru berair dan lain-lain penyakit kronik. Tentulah kalau kita melihat kepada corak pemakanan, ianya daripada mungkin makanan-makanan segera dan minuman-minuman bergas yang diambil oleh anak-anak ini.

Oleh itu, soal pokok ini saya ingin untuk menarik perhatian kepada perbahasan rang undang-undang ini. Ada tiga pihak yang terlibat secara langsung dalam cadangan rang undang-undang yang akan diluluskan ini. Pertama ialah penubuhan Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu. Itu salah satu daripada organisasi yang akan diwujudkan. Kedua ialah pengamal-pengamal profesion yang disebutkan di dalam fasal yang ada ini, 23 bahagian profesion yang ada.

Ketiga ialah pesakit-pesakit dan juga kesihatan individu dan penduduk. Di mana ketiga-tiga ini adalah disebutkan dalam rang undang-undang ini untuk kita melihat kuasa-kuasa yang akan diberi kepada majlis dan melindungi pengamal undang-undang itu sendiri untuk meningkatkan perkhidmatan mereka dan juga melindungi pesakit-pesakit. Pesakit-pesakit juga mempunyai hak mereka. Oleh kerana apa yang kita lihat kadang-kadang, pernah berlaku walaupun mungkin kes yang terpencil. Akan tetapi ketika adanya seorang doktor yang telah mengambil gambar secara *selfie* ketika menyambut kelahiran seorang bayi menyebabkan ia menjadi *viral*. Walaupun kes terpencil tetapi ia menimbulkan polemik masyarakat. Bagaimana kerahsiaan pesakit yang sepatutnya dijaga telah tidak diberikan perhatian.

Sebab itu kuasa-kuasa yang akan diberi kepada majlis digariskan dalam rang undang-undang yang dicadangkan ini. Akan tetapi di sana kita kena juga lihat walaupun kita mempunyai rang undang-undang tetapi rang undang-undang itu mesti juga mempunyai roh dan semangat. Dengan tujuan supaya pelaksanaannya benar-benar menjadi suatu rang undang-undang yang berfungsi dan berwibawa.

#### ■1510

Soal yang kita lihat kadang-kadang di dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini ialah bagaimana jika berlakunya salah laku maka penalti am akan dikenakan kepada pengamal-pengamal profesion ini, tetapi yang akan mendapat denda penalti itu ialah kerajaan dengan tidak mengambil kira pesakit-pesakit yang kadang-kadang mengalami masalah daripada preskripsi yang salah menyebabkan mereka tidak mendapat apa-apa bahagian.

Oleh sebab itu, saya hendak sebutkan bukan sahaja kita memberi kuasa undang-undang tetapi juga mesti dilihat kepada roh undang-undang itu supaya tidak berlaku apabila ketika penalti dikenakan, mungkin kepada pengamal undang-undang yang melibatkan syarikat-syarikat yang besar, maka mungkin tindakan mereka berdasarkan kepada budi bicara Menteri seperti yang disebutkan dalam rang undang-undang ini, tetapi kalau orang-orang perseorangan yang kecil yang menjadi pengamal-pengamal profesion ini, mungkin tindakannya yang tegas akan dikenakan.

Oleh sebab itu saya minta supaya apabila kita lihat kepada satu undang-undang, biarlah rang undang-undang yang diluluskan itu menjadi rang undang-undang yang berwibawa dan rang undang-undang yang mempunyai kuasa dengan tidak melihat siapa di hadapan berdasarkan kepada kelulusan yang dinyatakan daripada akta yang dibincangkan pada hari ini.

Kedua, saya juga hendak sebutkan kadang-kadang pengamal-pengamal profesion ini mereka bertugas mengikut apa yang telah diputuskan daripada standard prosedur kerja mereka tetapi emosi mereka mesti juga dijaga dan dipelihara. Ramai di kalangan pengamal-pengamal profesion ini khususnya di kalangan yang bertugas di pihak kerajaan yang sebahagiannya dipisahkan di antara isteri dan suami mereka, daripada keluarga dan anak-anak mereka. Emosi mesti diambil kira. Jika ada ruang dan peluang untuk mereka bertugas berhampiran, maka hendaklah diletakkan di dalam kawasan yang berhampiran.

Berlaku di Dungun sebagai contoh. Isteri bertugas di Kota Bharu, beberapa kali minta pertukaran tidak dapat, suami di Dungun. Ini menyebabkan timbul satu suasana emosi yang tidak sihat yang kadang-kadang emosi ini juga mesti diambil kira. Oleh sebab itu seorang hakim tidak boleh menghukum ketika marah, ketika lapar dan ketika hendak buang air besar kerana emosi yang akan terlibat dalam melibatkan hukuman yang akan dikenakan.

Oleh sebab itu saya hendak minta supaya Kementerian Kesihatan sendiri melihat pengamal-pengamal profesi di bawahnya yang bertugas supaya kalau boleh tidak dijauhkan hubungan di antara mereka dengan keluarga mereka.

Ketiga, yang melibatkan pesakit iaitu supaya diberikan juga satu ruang jika mana mereka menghadapi kesulitan daripada kesilapan, nasihat yang diberikan oleh pengamal-pengamal profesi ini, maka kita dapatkan mereka tidak mempunyai apa-apa hak dalam rang undang-undang ini. Saya cadangkan supaya diberikan juga perhatian kepada pesakit-pesakit ini.

Bagi mereka yang ada tempat untuk mengadu kerana mereka sudah dapat PERKESO umpamanya atau mereka mungkin ada Pencen llat umpamanya, itu adalah merupakan yang baik yang boleh terus dilaksanakan. Akan tetapi bagaimana kalau pesakit-pesakit yang tidak mempunyai apa-apa ruang dan peluang untuk mendapatkan bantuan?

Maka saya cadangkan supaya ditubuhkan satu tabung untuk melihat kepada kepentingan pesakit-pesakit ini dan begitu juga satu tabung kepada pesakit kronik juga jika boleh diwujudkan untuk jika berlaku sesuatu, mereka mempunyai tempat untuk mereka membuat pengaduan dan dapat bantuan dan sumbangan.

Sekadar itu Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya ingin mencelah sedikit. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada *point* kedua Yang Berhormat tadi mengenai emosi pengamal berdaftar ini.

Semalam saya berada di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, setelah tamat sesi Parlimen. Saya sampai setelah selesai juga satu program lebih kurang pukul sembilan malam. Apabila saya sampai, saya ke kaunter minta kebenaran untuk masuk untuk melawat seorang pesakit di unit ICU. Setelah mendapat kebenaran, kami pergi ke Unit ICU dan di hadapannya ada pengawal keselamatan, minta kebenaran sekali lagi untuk melawat pesakit di dalam. Pengawal meminta kami untuk mengetuk pintu. Kami pun mengetuk pintu, dibuka pintu oleh MO di dalam memberi kebenaran kepada kami untuk tengok pesakit yang jauhnya lima hingga enam kaki jauh daripada pesakit kerana pesakit sedang diberi perubatan. Ketika itu, seorang lagi MO sedang memberi ubat kepada pesakit ICU ini yang tidak sedar diri.

Tidak sampai seminit, lebih kurang seminit, MO yang sedang memberi ubat ini pandang ke belakang dan mendapati kami berdiri lima hingga enam kaki jauh daripada pesakit, terus dia menengking, meninggikan suara. Dia tanya, “*Siapa bagi kamu kebenaran untuk masuk?*”

Padahal, kebenaran untuk kami masuk adalah daripada MO yang lagi seorang, yang berada di dalam. Pesakit yang tidak sedar diri dan rombongan saya yang lebih kurang dua hingga tiga orang yang mengikut arahan dan berada lima hingga enam kaki ke belakang daripada pesakit tiba-tiba ditengking oleh MO. Saya terkejut sebab ini adalah pengamal daripada hospital Klang, hospital kerajaan. Saya *just* pandang sahaja.

Apabila salah seorang rombongan saya memberitahu ini YB, Ahli Parlimen Kapar, tiba-tiba nada berubah. Tiba-tiba *tone* suara ke bawah. Saya *just* tinggalkan. Saya kata, "Okey, berikan perubatan. Saya keluar dahulu." Setelah lima minit, pintu dibuka oleh MO yang lagi seorang dan memberi kebenaran, "Yang Berhormat sekarang boleh masuk dalam."

Apa salahnya apabila saya mengetuk pintu, MO tersebut mengatakan bahawa, "Yang Berhormat, sila tunggu sebentar. Kami sedang beri perubatan. Lima minit hingga 10 minit lagi Yang Berhormat boleh masuk ke dalam." Tidak ada apa-apa keberatan untuk kami menunggu lima atau 10 minit.

Apa yang saya ingin membawa di sini adalah emosi MO ketika itu. Padahal dengan kami Ahli Yang Berhormat dia boleh buat begini, apakah lagi masyarakat, rakyat biasa yang pergi ke hospital-hospital begini adalah bukan daripada golongan yang berada yang mana adalah golongan yang miskin. Saya tidak salahkan MO. Mungkin kerja dia berat. Mungkin Hospital Tengku Ampuan Rahimah ini mempunyai pesakit yang terlalu ramai.

Akan tetapi seperti Yang Berhormat kata tadi, apa-apa pun, dalam bidang-bidang seperti yang dikatakan seperti doktor, peguam dan sebagainya, *noble profession, certain level of decorum* harus dimainkan, dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Betullah. Itu yang sebenarnya kita lihat profesional-profesional lain pun, contohnya guru di peringkat tadika, tabika, PASTI dan lain-lain, memang mesti diberikan tugas kepada mereka yang memahami hasrat dan emosi anak-anak. Apabila kita berurusan dengan melibatkan hubungan dengan orang lain, emosi ini mesti diambil kira. Mesti dikawal dan dijaga emosi kerana emosi ini akan menentukan sikap ketika mana kita berurusan itu, akan menyebabkan- apakah lagi kita melambangkan satu tugas profesi yang sangat penting.

Kadang-kadang kita melihat di bidang hadapan institusi kewangan, diberikan kadang-kadang bayaran dua kali sebulan. Satu gaji penuh, kemudian di pertengahan bulan diberikan sekali lagi sebabnya supaya mereka sentiasa dalam suasana ceria dan riang dan boleh berpakaian dengan indah, baik dan bagus untuk melayan tetamu-tetamu yang hadir.

## ■1520

Ini adalah *frontliner* yang juga bukan sahaja kita melibatkan emosi pesakit tetapi juga bagaimana kadang-kadang pelawat-pelawat yang hadir melihat kedudukan bagaimana apa yang berlaku. Mungkin yang berlaku itu kes yang terpencil, sebenarnya perkhidmatan yang dilakukan oleh pengamal-pengamal profesion perubatan ini adalah sangat baik dan sangat bagus. Akan tetapi mungkin dalam suasana-suasana yang tertentu walau bagaimanapun apa yang didedahkan itu sepatutnya menjadi contoh dan ingatan kepada kita sekalian. Terima kasih Tuan

Yang di-Pertua kerana mengizinkan kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Profesional Kesihatan Bersekutu 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.20 ptg.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Tidak lupa juga terima kasih kepada semua pegawai yang ada bersama kita di Parlimen ini terutama sekali ketua-ketua sektor disiplin masing-masing, 23 pengarah semuanya yang ada di luar sana. Terima kasih kepada mereka kerana sudi bersama dengan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya mendengar dengan teliti perbahasan-perbahasan. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian semuanya menyokong rang undang-undang ini kerana keperluannya memang ada. Hari ini seperti yang kita ketahui ada lebih kurang 50,000 ahli-ahli, *allied science* yang terletak di bawah 23 disiplin yang saya sebut tadi. Jadi mereka setakat ini belum dikawal dan sekarang kita hendak kawal mereka. Hendak kawal disiplin-disiplin ini. Semua ada 32 disiplin, tetapi yang kita hendak kawal di bawah undang-undang ini hanya 23. Yang lain-lain adalah yang sudah ada masing-masing punya undang-undang yang telah pun dibuat sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai adalah seorang doktor yang masih *practice* dan beliau bercakap tentang banyak perkara, NCD, kempen-kempennya. Yang saya agak sedikit terkeluar daripada rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya terimalah pandangan-pandangan beliau tentang bagaimana kita hendak berkempen NCD dan sebagainya. Beliau juga bercakap tentang tabiat makan. Ini pun masalah kita, rakyat Malaysia yang makan sampai enam kali sehari. Sebab itu rakyat Malaysia adalah yang paling gemuk di rantau ini, 44.3% gemuk. Kita ambil ukuran ini, BMI lebih daripada 25, kira *overweight*, lebih daripada 30 kira gemuk. So, dalam kategori ini, BMI 25 ke atas, adalah kategori *overweight* dan gemuk.

Yang Berhormat Bagan Serai juga membangkitkan tentang bagaimana untuk mengawal lambakan graduan kesihatan bersekutu dan mereka akan menambahkan anggota untuk profesion yang tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya lihat angka yang ada di hadapan saya ini, ada 23 disiplin semuanya tidak cukup. Semuanya masih perlu pengisian, tidak cukup. Ada yang sehingga tidak cukup 45% pun ada. Jadi memang selain daripada yang ada di pihak swasta. Jadi setakat ini tidak timbul isu lambakan, mungkin pada masa akan datang akan timbul.

Yang Berhormat Bukit Katil ada menyatakan tentang Pegawai Dietetik. Ada beza antara Pegawai Dietetik dengan Pegawai Pemakanan. Dietetik adalah *therapeutic*, makna dia mencadangkan makanan yang sesuai untuk penyakit kencing manis, apa dia makanannya, untuk darah tinggi apa makanannya, untuk kolesterol tinggi apa makanannya. Akan tetapi Pegawai

Pemakanan adalah yang membuat promosi makanan, bermakna dia pergi ke sekolah, pergi ke *public* dan sebagainya mempromosi jenis-jenis makanan yang sihat. Itu bezanya.

Sekarang ini terdapat 1,000 Pegawai Dietetik di Malaysia. Kalau ikut penduduk kita 30 juta, kita perlu 30,400 orang di Malaysia ini. Tentang *fee*, masalah beban hutang tinggi kerana rawatan. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini tidak mengawal *fee*, tetapi kita mengawal profesi itu sendiri. *Fee* di bawah rang undang-undang lain.

Yang Berhormat Kota Raja bercakap menyimpang sedikit daripada rang undang-undang ini, tentang KOSPEN. Ini memang kita lancarkan sudah lama pada 2013, dua tahun lepas memang mendapat sambutan yang baik dan kita memang bekerjasama dengan KEMAS, rukun tetangga dan sebagainya dan setakat ini *alhamdulillah* matlamat kita *on track*, Tuan Yang di-Pertua. Kita jangka dalam masa 2016, tahun depan kita akan dapat melatih 50,000 sukarelawan untuk membuat saringan kesihatan di kalangan masyarakat kita.

Yang Berhormat Kota Raja juga mencadangkan supaya penyelarasan perkhidmatan pegawai pendidikan kesihatan di sekolah. Ini pun memang berjalan dan setakat ini kita sudah ada program Doktor Muda di sekolah rendah dan menengah. Di universiti kita ada program PROSIS, bukan semua universiti lagi, tetapi kita sudah ingat lebih daripada tujuh universiti sudah mengambil bahagian dalam PROSIS ini.

Yang Berhormat Kampar, tidak timbul masalah yang tadi, sama dengan yang sebelum ini iaitu tentang Pegawai Dietetik dan Pegawai pemakanan, juga saya telah terangkan tadi, bahawa ada beza. Kedua-duanya adalah ijazah dan tugas dia berbeza yang saya sebut tadi yang Pegawai Dietetik adalah *decorative* atau *therapeutic* dan Pegawai Pemakanan adalah kerjanya mempromosi makanan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Raja juga membangkitkan tentang keperluan untuk mengawal kualiti makanan. Yang ini pun di bawah bidang yang memang dikawal ketat oleh Bahagian Keselamatan Kualiti Makanan. Memang ketat dan semua kena daftar. Yang dijual di kedai, *content* perlu disebut di kotak. Bahagian ini akan mengambil sampel dan akan diuji, kalau didapati memang apa yang di *claimed* atas kotak tidak sama dengan *content* yang sebenar, mereka akan dikenakan tindakan.

Yang Berhormat Kota Raja juga membangkitkan cara KKM membuat rakyat kita menjaga kesihatan. Ini *awareness campaign*. Ini memang berjalan, Tuan Yang di-Pertua melalui pelbagai cara termasuk yang saya sebut tadi, kawalan NCD di bawah penyakit tidak berjangkit, *non-communicable disease*, ada KOSPEN, kemudian dalam hal denggi kita ada COMBI dan berbagai-bagai cara di semua peringkat memang kita lakukan. Ini juga kita tekankan tentang keluhan cara hidup kita. Kita hendak supaya rakyat kita lebih aktif dengan tidak banyak makan dan tidur, dan kurang aktif yang mana boleh menyebabkan penyakit.

Yang Berhormat Kota Raja juga, terangkan polisi yang dapat ..... dengan kementerian lain. Ini memang dalam program kita yang kita buat di kementerian kita tidak keseorangan dan bersendirian, tetapi kita melibatkan pelbagai kementerian. Contohnya denggi,

kita libatkan tujuh kementerian. Dalam NCD, kempen-kempen tentang penyakit yang tidak berjangkit ini, kita libatkan KEMAS dan juga Rukun Tetangga dan Kementerian Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Batu Gajah. Tentang perubatan tradisional, seperti *ayurveda*. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak terkawal dalam rang undang-undang ini tetapi akan dikawal dalam Akta TCM, *Traditional and Complementary Medicine* yang telah pun diluluskan pada 2013, digazette tahun lepas, dan masih menunggu peraturan-peraturan. Bila siap semua, kita akan kuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibu membangkitkan tentang farmasi yang mempraktikkan fungsi sebagai pegawai fisioterapi, adakah beliau akan disabitkan? Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya hendak katakan ini berlaku di kampung atau mana-mana berlaku lah, orang yang ada pengalaman sedikit dalam bidang mengurut ini, dia akan pergi mengurut. Akan tetapi dia jangan *claim* sebagai *physiotherapist*, ini dibolehkan. Maknanya jangan kata dia adalah *physiotherapist*, dia *claim* dia kata *physiotherapist*, walaupun dia tidak ada *qualification*, tidak boleh. Akan tetapi kalau sekadar hendak urut orang di kampung, boleh.

#### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibu juga bangkitkan tentang *Continuing Professional Development points* ya, yang ini CPD. CPD adalah *Continuing Professional Development*. Ini banyak diadakan di Semenanjung dan kurang di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem CPD terdapat banyak kaedah untuk mendapat markah CPD dan tidak semestinya harus keluar untuk hadir persidangan, seminar, kursus dan sebagainya. Pengamal boleh menjalankan CPD melalui *online*, pembelajaran sendiri melalui membaca jurnal dan membuat penyelidikan asalkan mereka dapat menghasilkan bukti pembelajaran yang dilaksanakan. Majlis akan menyemak aktiviti yang dijalankan secara *random* ke atas pengamal dan kalau didapati memang layak dia akan diberi markah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kedah. Yang Berhormat Kuala Kedah bercakap tentang makan telur untuk kesihatan. Ini ada pelbagai pendapatlah, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang makan telur dua tiga kali seminggu adalah baik dan sebagainya. Ini pendapat beliau dan mungkin berdasarkan pembacaan beliau. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Saya ingin tanya tadi tentang tukang urut yang Timbalan Menteri katakan kalau di kampung dibenarkan. Akan tetapi apa kata kalau dia tukang urut dia ada artikel atau dia ada risalah dan sebagainya. Macam mana hendak kategorikan dia? Adakah kita kata dia tukang urut tidak rasmi, jadi dia tidak perlu berdaftar dan tukang urut yang kita hendak masukkan dalam akta ini mempunyai sesuatu kelayakan? Bagaimana kita hendak bezakan supaya tidak mengelirukan orang ataupun pengamal di luar? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Ini saya kira akan dimasukkan dalam peraturan. Akta kita ini akta yang asas dan bila sebelum pelaksanaan kita akan adakan peraturan-peraturan dan boleh dimasukkan apa juga yang elok dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibu juga membangkitkan tentang jumlah doktor. Ini pun terkeluar daripada rang undang-undang yang kita bincangkan hari ini. Akan tetapi tentang doktor, jumlah doktor di Hospital Kapit, ini sebenarnya sudah cukup, sudah cukup banyak. Di Parlimen di situ telah pun berusaha untuk mendapatkan jumlah doktor yang banyak dan CT Scan yang dicadangkan pun sudah pun diluluskan cuma menunggu *delivery* Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini atas usaha Ahli Parlimen di sana. Saya ingat Hulu Rajang pun terlibat sama ya? [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibu juga bangkitkan tentang 50,000 ahli *lab sains* ini, adakah ada di antara mereka yang akan kena singkir? Jadi setakat ini tidak ada yang disingkirkan, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya fahamlah ada *qualificationnya* berbeza yang dilatih di dalam negeri dan luar negara mungkin berbeza, jadi semua akan diteliti. Kalau didapati kurang sedikit boleh kita buat pemberian, buat kursus dan sebagainya supaya mereka menepati piawaian yang telah kita tetapkan.

Yang Berhormat Sibu juga telah membangkitkan juru fisioterapi dan *gym instructor*. Untuk pengetahuan fisioterapi lebih kepada aspek terapeutik contohnya *sports injury*. *Physiotherapist* merawat kecederaan dan *rehabilitate* ke arah supaya dia sembuhlah. *Gym instructor* akan menyediakan daripada segi aspek *general fitness*, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian Yang Berhormat Sibu dan Gopeng sama ada seseorang ahli farmasi yang tidak didaftar sebagai pengamal berdaftar di bawah rang undang-undang ini tetapi melakukan aktiviti fisioterapi seperti mengurut boleh disabitkan kesalahan. Seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, ia dimasukkan dalam peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Gopeng membangkitkan tentang *beautician*. Cadangan supaya *beautician* turut dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Jadi, *beautician* Tuan Yang di-Pertua, tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini kerana bidang tugas *beautician* tidak menepati definisi aktiviti yang berhubung dengan kesihatan bersekutu seperti dalam fasal 2 iaitu apa-apa kod aktiviti yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada penjagaan pesakit atau kepada kesihatan individu ataupun penduduk.

Kementerian Kesihatan hanya mempunyai kuasa untuk mengawal selia bidang yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan manakala *beautician* melakukan prosedur tidak *invasive* bertujuan untuk mengekalkan keadaan fizikal luaran atau menghasilkan *greater feeling or well being* seperti solekan, *manicure* dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Selangor, bagaimanakah langkah kementerian mengawal penggunaan *vape* pada masa ini? Ini pun terkeluar daripada rang undang-undang ini. *Vape* tidak dikawal di bawah rang undang-undang ini. Sekarang ini yang ada undang-undang hanya di bawah Peraturan Kawalan Mengikut Produk di bawah Rang Undang-undang Makanan 1983. Jadi, dikawal di bawah itu.

Kemudian Yang Berhormat Tasek Gelugor, adakah rang undang-undang ini mengambil kira perubatan tanpa ubat tradisional atau alternatif dan sebagainya? Ini adalah sebenarnya di bawah TCM. Selain daripada perubatan moden kita letakkan di bawah TCM iaitu *Traditional and Complementary Medicine*. Bukan alternatif tetapi *complementary medicine*. Jadi, diletak di bawah itu dan saya sebut tadi undang-undang ini belum lagi dikuatkuasakan. Sudah pun digazet, dilulus 2013, digazet tahun lepas dan saya yakin peraturan sedang digubal dan *insya-Allah* selesai kita akan kuatkuasakan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Temerloh hendak tanya tentang etika dan tatalaku profesional bidang ini. Tuan Yang di-Pertua memang rang undang-undang ini menetapkan tentang tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap tindakan salah laku apabila sudah kita luluskan dan peraturan-peraturannya akan ditetapkan di bawah peraturan. Stepnya akan diletakkan di bawah peraturan. Makna Majlis akan berkuasa untuk mengawal dan mengambil tindakan ke atas pesalah laku yang mungkin dilakukan oleh pengamal-pengamal tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Bukan warganegara Malaysia boleh atau tidak praktis di sini? Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini kita ada dua kategori yang pendaftaran yang telah pun dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Untuk warganegara kita daftar untuk dua tahun sekali. Untuk warganegara asing daftar setahun sekali. Makna tiap-tiap tahun dia kena memperbaharui lesen dia. Jadi ini kawalan kita dan kita pun harap respons yang sama akan ditetapkan oleh negara-negara jiran di bawah TPPA, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dungun – ini ada lagi ini. Tuan Yang di-Pertua tentang Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Kuala Nerus sebut tentang obesiti, tentang *hypertension*, tentang kolesterol dan sebagainya. Bagaimana hendak mengawal dan mengembang. Mengawal, bukan yang ini *preamble* tetapi berkenaan dengan rang undang-undang ini beliau bertanya tentang pengawalan dan perkembangan. Yang mengawal memang rang undang-undang ini tetapi yang perkembangan masing-masing *allied science* ini adalah di bawah bidang masing-masing, Tuan Yang di-Pertua.

*Herbalist* yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus juga di bawah TCM, Akta TCM, Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor ada lagi isu yang tidak sebut tadi tentang Farmasi Rakyat 1Malaysia. Jadi ini satu idea yang bagus saya kira. Sekarang ini memang di hospital kita memang sesak, memang cukup sesak. Apabila pesakit pergi jumpa doktor *then* dia pergi ke farmasi dan di hospital itu sendiri mengambil ubat. Cadangan Yang Berhormat Kuala Selangor ialah supaya farmasi rakyat ini diletakkan di mana-mana keluar daripada hospital jadi rakyat ataupun pesakit tidak perlu pergi ke hospital berebut menunggu untuk mendapatkan ubat, padahal dia boleh ambil ubat di farmasi rakyat. Ini satu idea yang bagus yang boleh kita lihat.

#### ■1540

Doktor palsu, doktor palsu ini berlakulah memang berlaku sekali skala memang kita terjumpa terdapat doktor palsu. Jadi ikut undang-undang yang ada kita akan ambil tindakan ke atas doktor palsu itu dan juga tuan punya klinik yang *employ* yang mengambil pekerja doktor

palsu ini. Sepatutnya sebelum mengambil bekerja doktor-doktor ini, mereka tuan punya klinik itu dia kena *check* dulu. *Check APC dia, Annual Practising Certificate kena check.* Dia kena terus boleh masuk *online* dan dapatkan pengesahan semula, dia betul-betul doktor ataupun tidak. Makna dia, ini bos yang kena buat. Kalau tidak, dia tidak ada *excuse*. Dia akan diambil tindakan.

Vape Tuan Yang di-Pertua, vape adalah satu fenomena baru yang dibawa masuk. Sekarang sudah berleluasa di mana-mana terdapat vape. Ini bukan di bawah kawalan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua tetapi boleh dikawal di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau di bawah Akta Pemakanan. Saya hendak pesan, hendak bagi tahu cuma *my comment is vape* ini juga ada bahayanya vape kerana kalau hendak dapatkan wap atau asap yang lebih banyak, dia kena masuk banyak *propylene glycol* dalam itu dan kecenderungan anak-anak muda kita bila dia hendak lagi kuat vape itu, dia *increase* dia punya *voltage* dalam mesin atau alat itu lebih daripada 5.

Lebih daripada 5 volt, asap banyak tetapi dia *convert to propylene glycol* kepada *formaldehyde*. *Formaldehyde* ini macam bahan pengawetlah, mayat pengawet guna itu, cuka getah pakai itu. Jadi kita tiap-tiap hari hisap bahan pengawet ini ke dalam paru-paru kita ini amat bahaya Tuan Yang di-Pertua. *Long term* ia boleh membuatkan kanser Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, vape dikatakan bukan *tobacco based*. Adakah ia boleh diletakkan di bawah Rang Undang-undang Tembakau?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bertanya kepada orang muda yang hisap vape ini. Dia kata kalau tidak ada nikotin dalam *liquid* itu dia tak ada *kick*. Jadi kena masuk juga nikotin sebab itu dalam vape ini ada nikotin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gantang sebut tentang lambakan di pasaran tentang pekerja, kakitangan ataupun anggota *applied science* ini. Jadi pada setakat ini dia seperti yang saya sebutkan tadi memang tidak cukup. Kita masih kena latih ramai lagi Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Lenggong juga menyokong ini pun bimbang tentang lambakan anggota-anggota *allied flight science*. Jadi setakat ini belum timbul lagi Tuan Yang di-Pertua. Juga disebutkan juga demam kepialu ini berlaku sekarang ini. Memang ada sekali sekala terdapat *isolated cases on* demam kepialu ataupun *typhoid* ini. Tetapi yang sikit hari ini di Kuala Lumpur memang gah tergempar dengan isu ini. Memang terdapat setakat ini 32 kes *typhoid* di Kuala Lumpur ini. Di kawasan-kawasan tertentu, kementerian sedang mencari puncanya dan ini adalah di bawah penelitian makanan. Jadi kita kena cuci tangan sebelum dan selepas. Kalau hendak makan carilah kedai-kedai yang bersih. Memang pihak kementerian bersama-sama dengan PBT memeriksa tiap-tiap premis dan kalau didapati kotor sangat akan ditutup. Selepas itu kalau di bersih semula, dalam masa dua minggu kita akan buka balik.

Denggi juga satu masalah memang juga terkeluar daripada rang undang-undang tetapi tak apalah saya sebut. Denggi memang kita berusaha berterusan dan sudah ada kejayaan kita. Saya merujuk kepada kes yang kita buat di Kelantan yang kita program di Kelantan di mana kita

engage dengan izin Tuan Yang di-Pertua, engage pelbagai pihak termasuk tentera-tentera termasuk bomba semua pihak dan kementerian, PBT kita cuci seluruh Kelantan. Cuci seluruh mana kawasan sampah, kawasan lapang yang ada sampah dicuci, agaknya kita boleh kurangkan jumlah denggi di Kelantan dengan cukup drastik sekali. Ini yang berlaku.

Tetapi di Selangor ini contohnya di Selangor, memang masalah banyak tempat construction site yang Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan selain daripada pembersihan yang dibuat di Kelantan, saya difahamkan semburan ubat yang dibuat itu berbeza dengan yang di Selangor. Maknanya dalam hal mungkin dari segi kekuatannya berbeza. Adakah benar? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini perkara yang saya baru tahu hari inilah tetapi sebenarnya apa yang kita buat di mana-mana pun sama. Tindakan ORS *residual spray* ini kita gunakan di dalam rumah dan di luar rumah.

Yang Berhormat Pandan mencelah tadi tentang adakah vaksin. Ini sedang diusahakan. Setakat ini memang ada pihak-pihak syarikat luar yang sediakan – syarikat-syarikat farmaseutikal yang besar-besar ini mereka sudah pun cuba cari vaksin untuk denggi. Akan tetapi setakat ini belum cukup berjaya lagi ada yang *claim* sampai 70% tetapi kita masih belum yakin lagi. Sebab masalahnya denggi ini ada DEN-1, DEN-2, DEN-3, DEN-4. Stereotaip dia. Sekarang ini yang *prevalent* yang ramai yang banyak kes adalah DEN-2 dan dia berubah-rubah. Sebab itu kita cuba selesaikan satu stereotaip, ada lagi yang lain-lain, ada tiga lagi. Jadi dia berulang-ulang Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini masalah besar. Hari ini standard ataupun usaha-usaha berterusan dan caranya ialah dapat menyelesaikan dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sik bangun.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya takut terlepas saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan senarai praktis profesion 23 dalam senarai Profesion Kesihatan Persekutuan ini. Katakanlah seorang doktor, apabila dia periksa pesakit selepas itu dia buat diagnosis, dia bagi *treatment*. Selepas itu selalunya doktor ini dia tahu juga berkenaan 23 ini dalam senarai Profesion Kesihatan Bersekutu ini, dia akan *order* sama ada pesakit itu perlu fisioterapi atau audiologi, *dietician* dan berkenaan dengan benda-benda lain dan bidang lain.

Okey soalan saya ialah kalau doktor itu sendiri hendak buat fisioterapi ataupun dia ada ilmu berkenaan dengan audiologi, *dietician* dan maknanya sebagai ahli *dietician* dan sebagainya, dalam undang-undang adakah dia perlu ada kelulusan lain, kebenaran lain ataupun dia boleh praktis ini di dalam klinik dia. Dia boleh buat sendiri sebab semua ini dia belajar di dalam kursus perubatan dia. Itu Menteri dapat beri penerangan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dia tidak hadkan kepada sesiapa. Sesiapa juga yang ada kelulusan mengikut piawaian kurikulum yang telah ditetapkan oleh majlis, dia boleh daftar. Makna kalau dia dapat pendaftaran, dia boleh praktislah. Di mana walaupun dia doktor tetapi dia ada pengetahuan dalam fisioterapi, ada pengetahuan tentang *dietician*...

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri dia perlu praktis selepas itu dia kena pendaftaran lain. Yes. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dia kena daftar. Yang Berhormat Sik tadi bercakap tentang HKL banyak denggi atas bangunan. Ini pun masalah *design* dan ini kena bincang dengan pihak kementerian lain tentang *design* bangunan. Memanglah sekarang ini kalau kita lihat dia ada *gutter* itu. *Gutter* tiap-tiap rumah yang lama-lama ada *gutter* itu pun banyak tempat boleh membiakkan nyamuk di atas itu. Saya pernah panjat tengok di satu rumah, memang ada takungan air di dalam *gutter* itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah bangkitkan tentang bila ada pihak yang belajar tentang fisioterapi contohnya dia pinjam PTPTN, kemudian lulus tetapi tak dapat kerja. Sebenarnya bidang ini, bidang fisioterapi hari ini mendapat sambutan yang cukup hangat. Graduate yang tak dapat kerja dengan mana-mana pihak, dia boleh buka pusat sendiri ataupun buat *home service*. Sekarang ini sudah popular *home service*. Orang hendak supaya kita pergi *physiotherapist* pergi ke rumah dia dan dia sanggup bayar. Makna peluang terbuka luas Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1550

Yang Berhormat Tasek Gelugor, tentang dasar terbuka TPPA. Ini yang inilah, ini akan terbuka luas. Pakar kita boleh pergi ke mana-mana. Pakar dalam pelbagai bidang termasuk doktor, pakar dan sebagainya boleh pergi ke mana-mana di negara-negara TPPA, termasuk juga di *Middle East* yang memang mereka minat dengan pakar-pakar kita. Bermakna kalau mereka buka kepada kita, kita juga kena buka kepada mereka. Oleh sebab itu kita ada, bukan warganegara pun boleh mendaftar di negara kita tetapi had dia kepada setahun. Tiap-tiap tahun dia kena daftar. Kalau *local*, dua tahun.

Yang Berhormat Tasek Gelugor juga sebut tentang program-program *alternative medicine*. Ini pun saya ada sebut tadi, diletakkan di bawah Akta TCM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Temerloh sebutkan tentang 23 jenis disiplin yang di bawah sains ini, tentang *promotion*. Masing-masing bidang boleh buat *promotion*, yang *round* ini mengehadkan kepada kawalan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi juga kita dalam hal ini, rang undang-undang ini juga boleh dibuat promosi. Ini semua mereka boleh buat peraturan dan boleh buat promosi bersama dengan tiap-tiap bidang Tuan Yang di-Pertua.

Tentang isu halal makanan, ini juga adalah di bawah bidang kawalan bahagian pemakanan. Ini *we are very strict* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *Very strict*. Setiap kotak itu mesti diletakkan label. Kalau didapati memang tidak mengikuti label, akan diambil tindakan. Akan

diambil tindakan. Mereka akan mengambil sampel di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja.

Tentang perakuan fi Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, yang ini pun boleh kalau, yang ini bidang masing-masinglah Tuan Yang di-Pertua. Fi, di bawah undang-undang ini cuma kita kawal selia tetapi fi masing-masing akan ditetapkan oleh bidang masing-masing Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Pokok Sena, bangkit tentang warga asing. Ini pun saya rasa saya sudah jawab. Tok mudin kampung. Tok mudin kampung ini, saya pun biasa jadi tok mudin juga dahulu. Diharapkan supaya Majlis tidak mengongkong penemuan baru. Ini memang Tuan Yang di-Pertua, apa juga penemuan baru kita terima tetapi dengan syaratnya, dia kena ada cukup lengkap dengan dia punya kajian-kajian. Kalau buat, kena buat *clinical test, clinical trial*. Ini menggunakan masa yang panjang dan kos yang tinggi Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dungun membangkitkan tentang kes – ini pun keluar daripada rang undang-undang kita. Akan tetapi tidak mengapalah, tindakan telah diambil terhadap doktor berkenaan secara pentadbiran.

Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ada juga membangkitkan isu di mana golongan perubatan yang mereka dijangkiti oleh Hepatitis B. Bolehkah mereka teruskan praktikal mereka? Saya ada bangkitkan semasa dalam perbahasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Maksudnya?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ada golongan perubatan, terutamanya pelajar perubatan yang semasa mereka dalam pelajaran mereka ataupun menjalankan *housemanship* mereka, dijangkiti oleh Hepatitis B. Jadi, bolehkah mereka teruskan profesion mereka? Bolehkah mereka terus menjadi doktor? Ini kerana kalau mengikut perkembangan terkini di US, perkembangan terkini ini mereka sekarang boleh menjalankan praktikal mereka. Jadi, di Malaysia bagaimana? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini sebenarnya terkeluar daripada rang undang-undang. Kalau boleh saya harap Yang Berhormat buat *in writing*. Saya boleh jawab *in writing*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 46** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## ■1600

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2015

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 4.00 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pengenalan dan perubahan dasar, perkembangan undang-undang baru, kepelbagaian struktur pelaburan dan perkembangan operasi KWSP, pihak pengurusan KWSP telah mengkaji semula peruntukan Akta KWSP 1991.

Matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai empat objektif utama iaitu:

- a) memperkenalkan pilihan simpanan persaraan KWSP patuh syariah iaitu KWSP Islamik;
- b) mengemas kini peruntukan berkaitan pelaburan selaras dengan undang-undang baru yang berkaitan; dan
- c) menambah baik skim KWSP menerusi inisiatif-inisiatif seperti berikut.
  - (i) tanggungan mencarum majikan dan pekerja berdasarkan perintah gaji minimum;
  - (ii) pengkreditan dividen selepas ahli mencapai umur 75 tahun;
  - (iii) pemindahan simpanan ahli kepada pendaftar wang tak dituntut;
  - (i) caruman baru selepas umur 55 tahun hanya boleh dikeluarkan pada umur 60 tahun;
  - (ii) pengeluaran dan tanggungan mencarum perkhidmatan awam;
  - (iii) perluasan kelayakan pengeluaran simpanan dan pengurusan caruman pekerja warga negara asing.

- (iv) pindaan-pindaan lain untuk menambahbaikkan tadbir urus dan operasi KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 25 fasal untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut:

Pertama, memperkenalkan pilihan simpanan persaraan KWSP patuh syariah iaitu KWSP islamik.

Fasal 3, 5, 7 ,8, 10, 17, 18 dan 24 melibatkan pindaan dan peruntukan baru bagi mewujudkan pilihan simpanan patuh syariah kepada ahli dan pindaan-pindaan lain yang berkaitan dengan KWSP islamik.

Fasal 3 yang mengenai seksyen 23 adalah untuk memperuntukkan penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Penasihat Syariah serta pelantikan ahli jawatankuasa bagi maksud menasihati lembaga dan panel pelaburan dalam memastikan bahawa pengurusan akaun ahli KWSP islamik mematuhi prinsip syariah selaras dengan pewujudan akaun ahli KWSP islamik.

Fasal 5 meminda seksyen 27 bagi membolehkan dua kadar dividen diisytharkan ke atas caruman wang ahli Kumpulan Wang.

Fasal 7 bertujuan memasukkan seksyen baru 43A bagi membolehkan ahli membuat pilihan supaya semua *amount* yang ada pada kredit akaunnya diuruskan dan dilaburkan mengikut syariah. Pemilihan itu hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh yang ditentukan oleh lembaga. Selepas pemilihan itu berkuat kuasa lembaga hendaklah mengasingkan akaun ahli Kumpulan Wang itu bagi maksud menguruskan dan melaburkan simpanan ahli itu mengikut syariah.

Fasal 8 melalui pindaan seksyen 45 memperuntukkan bahawa jika majikan gagal membayar apa-apa caruman yang dikenakan dibayar dalam apa-apa tempoh sebagai mana yang ditetapkan oleh Menteri. Majikan itu hendaklah sebagai tambahan kepada caruman itu bertanggungjawab untuk membayar dividen ke atas caruman itu pada kadar dan mengikut apa-apa cara pengiraan yang ditentukan oleh lembaga dengan mengambil kira terdapat dua dividen yang akan diisytharkan masing-masing untuk akuan KWSP dan KWSP islamik, pengenalan dividen lewat bayar akan ditentukan oleh lembaga.

Fasal 9, 10, 17 dan 18 pula meminda perkataan “faedah” kepada “caj lewat bayar” yang turut terpakai bagi semua akaun di bawah seksyen 46, 49, 65 dan 66.

Fasal 24 bertujuan untuk memindah seksyen 73 bagi memperuntukkan kuasa lembaga untuk membuat kaedah-kaedah ke atas apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemilihan oleh ahli Kumpulan Wang untuk akaun ahli itu diuruskan mengikut syariah di bawah seksyen 43A.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, mengemaskinikan peruntukan berkaitan pelaburan selaras dengan undang-undang baru yang berkaitan.

Fasal 4 subfasal 4(a) bertujuan untuk mengemas kini seksyen 26 bagi memperluaskan skop pelaburan KWSP untuk membolehkan lembaga melabur wang kepunyaan Kumpulan Wang

dengan mendepositkan wang ke dalam bank atau bank pelaburan yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758]. Bank Islam yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] atau institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].

Subfasal 4(b) dalam saham-saham yang ditawarkan menurut suatu tawaran awam. Permulaan yang telah diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau saham yang disenaraikan dalam bursa saham yang telah diluluskan di bawah [Akta 671].

Seterusnya, inisiatif penambahbaikan skim KWSP. Fasal 6, 11, 13, 14, 15, 20, 21 dan 22 mengandungi inisiatif penambahbaikan skim KWSP yang merangkumi perkara-perkara berikut.

Pertama, selaras dengan perintah gaji minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, fasal 6 melalui pindaan seksyen 43 bertujuan menguatkuasakan caruman minimum KWSP bagi tiap-tiap pekerja dan majikan yang tidak boleh kurang daripada caruman bulanan berdasarkan amaun gaji minimum bagi bulan itu pada kadar yang masing-masingnya dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta KWSP 1991.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 50 untuk membenarkan dividen dikreditkan ke dalam akaun ahli selepas ahli mencapai umur 75 tahun dan bagi memastikan ahli menerima dividen sehingga pemindahan dibuat kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Fasal 13 akan meminda seksyen 51A untuk menaikkan had umur bagi memindahkan kesemua jumlah wang yang tidak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut daripada umur 80 tahun kepada 100 tahun atau apa-apa had umur sebagaimana yang ditetapkan oleh lembaga mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Tempoh umur sehingga 100 tahun dan mana-mana yang lebih tinggi seperti yang ditetapkan oleh lembaga adalah memadai bagi ahli waris untuk membuat tuntutan ke atas simpanan ahli di KWSP.

Fasal 15 memasukkan peruntukan baru bagi pengeluaran caruman ahli yang masih bekerja selepas umur 55 tahun iaitu apa caruman baru dikreditkan ke dalam akaun seseorang ahli selepas ahli itu mencapai umur 55 tahun hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 60 tahun atau apa-apa umur lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Cadangan adalah bagi memastikan ahli masih mempunyai simpanan apabila mencapai umur persaraan minimum 60 tahun.

Pengeluaran dan tanggungan mencarum perkhidmatan awam, seksyen 54C memperuntukkan peruntukan berhubung pengeluaran oleh pekhidmat awam di bawah Skim Pekerja Berpencen atau Skim Pengeluaran Pesara Pilihan seperti berikut, ahli yang memilih Skim Berpencen belum mencapai umur 55 tahun dan masih bekerja dengan Kerajaan Malaysia adalah dibenarkan untuk membuat pengeluaran kesemua jumlah wang dan ahli yang memilih Skim Berpencen belum mencapai umur 55 tahun dan telah berpencen adalah dibenarkan untuk membuat pengeluaran kesemua atau sebahagian jumlah wang.

Fasal 14, memasukkan pindaan untuk mengehadkan pengeluaran oleh pekerja berpencen yang belum mencapai umur 55 tahun kepada sekali pengeluaran sahaja dan membolehkan seseorang yang telah membuat pengeluaran serta memilih keluar daripada perkhidmatan Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri atau pihak berkuasa berkanun dan tempatan untuk dianggap sebagai pekerja di bawah [Akta 452] jika orang itu memilih untuk memasuki semua perkhidmatan. Tujuan peruntukan ini adalah susulan daripada Skim Kebolehalihan (Portability) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di mana pekhidmat awam dibenarkan untuk bertukar daripada sektor awam kepada sektor swasta dan kemudiannya menyertai sektor awam semula.

#### ■1610

Bagi mereka yang menyertai sektor awam semula, mereka tidak dibenarkan untuk membuat pengeluaran di bawah seksyen ini, sekiranya pengeluaran di bawah seksyen telah dibuat sebelum ini. Pindaan bagi mengelakkan pengeluaran berulang kali dan membolehkan ahli yang tidak bersara dalam perkhidmatan awam tidak layak menerima pencen mempunyai sumbangan persaraan. Namun, ahli masih boleh membuat pengeluaran-pengeluaran lain di bawah akta ini sebagai contoh pengeluaran perumahan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Perluasan kelayakan pengeluaran simpanan dan pengurusan caruman pekerja warga negara asing. Bagi ahli warga negara asing, fasal 20, 21 dan 22 memperuntukkan pindaan terhadap bahagian VIIA, ahli kumpulan wang yang bukan warga negara Malaysia. Di bawah akta KWSP 1991, yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Menambah peruntukan baru yang membenarkan ahli membuat pengeluaran kesemua amaun setelah ahli itu mencapai umur 55 tahun. Ahli itu kemudiannya, tidak boleh dianggap sebagai pekerja di bawah akta ini melainkan ahli telah memberi notis kepada lembaga dan majikannya sebagaimana yang ditetapkan oleh lembaga mengenai niat untuk mencarum dalam kumpulan wang.
- (ii) Ahli juga dibenarkan untuk membuat pengeluaran prapersaraan, antara lain pengeluaran perumahan, pengeluaran 50 tahun, pengeluaran kesihatan dan pengeluaran pendidikan; dan
- (iii) Menambah peruntukan baru iaitu tiada dividen akan dikreditkan ke dalam akaun ahli jika tiada caruman telah dikreditkan ke dalam akaunnya selepas tempoh tiga tahun dari tarikh caruman terakhir dikreditkan dan lembaga boleh untuk memindah kesemua wang yang ada pada akaunnya kepada pendaftar wang tidak dituntut selepas tempoh itu habis. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran KWSP memandangkan sebahagian besar ahli yang telah meninggalkan Malaysia tanpa mengeluarkan simpanan mereka dalam KWSP.

Keempat, penambahbaikan tadbir urus dan operasi KWSP. Fasal 9, 12, 16, 19, 23, 24 dan 25 mengandungi pindaan-pindaan lain untuk menambahbaikkan tadbir urus dan operasi KWSP yang antara lain meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Perlucutan amaun yang terhasil daripada aktiviti haram.
- (ii) Tindakan ke atas ahli yang didakwa di bawah seksyen 59 *Fraud or Penipuan*.
- (iii) Perlindungan kepada ahli lembaga dan panel pelaburan.
- (iv) Kuasa Menteri membuat peraturan.
- (v) Kuasa lembaga membuat kaedah.
- (vi) Pindaan gubalan.
- (vii) Pindaan-pindaan lain adalah bersifat editorial dan merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata rang undang-undang ini adalah selaras dengan pengenalan dan perubahan dasar, perkembangan undang-undang baru, kepelbagaiannya struktur pelaburan dan perkembangan operasi KWSP. Sehubungan dengan itu, peruntukan-peruntukan berkenaan wajar dikaji semula dan dikemas kini bagi memastikan kelancaran skim dan operasi KWSP secara keseluruhannya. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sekijang.

#### 4.15 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang KWSP ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, KWSP menawarkan skim persaraan yang menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai. Sehingga Jun 2015, KWSP menguruskan dana caruman dari 14.36 juta ahli di seluruh negara, yang mana bilangan ahli aktif dan masih mencarum adalah seramai 6.72 juta yang melibatkan seramai lebih 536 ribu majikan yang aktif.

KWSP yang ditubuhkan melalui Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 saban tahun sentiasa mencari jalan menambahbaikkan skim sedia ada bagi memastikan matlamat asal penubuhannya terus dapat dicapai. Justeru itu, pindaan yang dicadangkan kementerian ini adalah satu langkah terpuji bagi memastikan hari tua rakyat di negara ini terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya diakui sebagai peneraju sistem kewangan Islam di dunia dan negara kita sering kali menjadi model contoh bagi negara lain dalam melaksanakan sistem kewangan Islam di negara mereka. Cadangan KWSP untuk memberi

pilihan kepada pencarum untuk memilih sama ada duit caruman mereka itu dilaburkan melalui sistem konvensional maupun syariah. Cadangan ini bakal menjadikan KWSP sebagai skim pencen pertama di dunia yang menjalankan pelaburan berbentuk syariah.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti rakyat yang beragama Islam, sudah tentu terdapat sensitiviti terhadap hasil keuntungan yang diperoleh melalui dividen yang diumumkan saban tahun. Persoalan tentang bagaimana serta ke mana duit caruman dilaburkan sudah tentu menjadi pertanyaan sebilangan pencarum yang peka tentang hal-hal berkaitan dengan syariah ini.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai *option* yang ditawarkan KWSP ini. Adakah *option* ini hanya terbahagi sama ada kepada konvensional dan syariah semata-mata atau *option* ini memberi pilihan kepada pencarum untuk membahagikan sebahagian duit caruman untuk diuruskan secara patuh syariah dan sebahagian lagi diuruskan melalui sistem sedia ada. Maksudnya, ada pilihan kepada pencarum untuk dia memilih sama ada hendak guna pakai salah satu sistem atau guna pakai kedua-dua sistem mengikut jumlah yang mereka tentukan.

Sudah tentu hasil yang diperolehi melalui pemberian adalah berbeza jika caruman ini dibahagikan secara sedemikian rupa. Terdapat pepatah Inggeris, dengan izin iaitu “*Don't put all eggs in one basket*”. Memandangkan kesedaran orang ramai terhadap dunia pelaburan semakin tinggi saban hari, saya yakin ramai pencarum pastinya bersetuju andai duit caruman mereka boleh dibahagikan seperti mana yang saya cadangkan sebentar tadi.

Perkara lain yang menjadi persoalan melalui pindaan ini adalah berkaitan dividen di bawah sistem patuh syariah ini. Cadangan KWSP tadi untuk mengisyiharkan dividen mengikut prestasi sebenar pelaburan aset mereka sudah tentu bakal melihatkan kadar dividen yang berbeza bagi setiap tahun. Namun begitu, andai kata selepas dilaksanakan kelak, prestasi tahun tersebut tidaklah begitu baik, seperti yang kita semua tahu keadaan ekonomi adalah suatu perkara yang kita tidak boleh jangka. Adakah terdapat kemungkinan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Habiskan sekejap, sikit sahaja. Namun begitu, andai kata selepas dilaksanakan kelak prestasi pada tahun tersebut tidaklah begitu baik, seperti mana yang kita tahu keadaan ekonomi adalah suatu perkara yang tidak boleh dijangka. Adakah terdapat kemungkinan dividen yang bakal diberikan jauh berbeza antara pelaburan patuh syariah dan pelaburan jenis konvensional? Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang yang memberikan ruang untuk saya mencelah. Saya hendakkan pencerahan. Apabila meneliti hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sahabat saya Titiwangsa, merasai bahawa langkah

yang proaktif dan menjurus kepada penyucian, longgokan dana daripada pihak pekerja. Melihat daripada masa depannya yang memerlukan pemantauan yang konsisten dan efisien, perlu ada sikap penguatkuasaan yang mantap dan ikhlas serta jujur untuk melaksanakan program pindaan rang undang-undang.

Pelaburan syariah tuntutan yang perlu dilaksanakan lebih awal. Akan tetapi namun, pindaan ini diberikan sekalung tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana membersihkan harta yang dipungut ataupun yang dikumpulkan oleh para pekerja.

#### ■1620

Yang Berhormat Sekijang, pencerahan yang saya hendak lontarkan kepada Yang Berhormat Sekijang. Adakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju dengan saya bahawa pemantauan itu juga perlu melibatkan wakil-wakil pekerja yang mewakili pencarum yang secara totalnya mereka ini ingin melihat perkembangan secara terus, apakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju dengan saya, mengheret kepimpinan pekerja itu duduk dalam lembaga syarat yang membolehkan pemantauan itu dilaksanakan dengan lebih efisien? Apakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Langat. Itu kalau jawab itu macam Menteri yang kena jawab itu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya melihat sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi, maksudnya daripada segi wakil daripada pekerja juga sepatutnya dilibatkan bersama dalam sistem yang ada ini, saya rasa saya bersetuju dan kita minta nanti pandangan daripada Menteri untuk memperjelaskannya dengan lebih lanjut lagi tentang perkara ini. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada persoalan yang saya bangkitkan di atas, adakah KWSP juga mempunyai cadangan untuk menjamin dividen minimum yang akan diperoleh oleh pencarum melalui sistem KWSP islamik ini? Melalui sistem semasa yang diguna pakai KWSP melalui sistem konvensional, semua caruman di KWSP akan dibayar dividen dan dijamin oleh kerajaan pada kadar minimum iaitu 2.5%. Justeru, melalui pelaburan syariah ini juga, adakah KWSP akan mengekalkan jaminan ini atau akan mengikut prestasi pelaburan pada satu-satu tahun tersebut? Memandangkan caruman KWSP adalah satu kewajipan bagi semua pekerja di Malaysia, sudah tentu perkara ini menjadi kebimbangan kepada pencarum andai tiada jaminan yang diberikan KWSP apabila mereka bersetuju duit caruman mereka diuruskan secara syariah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik terkini, terdapat sebanyak lebih 222,000 akaun ahli warganegara asing yang mencarum dengan KWSP yang mana 95% daripadanya adalah bilangan ahli yang tidak aktif melibatkan jumlah dana terkumpul melebihi RM1 bilion. Saya merasa terpanggil untuk mendapatkan penjelasan mengenai tahap kecairan yang ada pada KWSP andai kata kesemua pemilik akaun tidak aktif ini tiba-tiba membuat keputusan untuk mengeluarkan caruman mereka. Walaupun kemungkinannya untuk terjadi adalah rendah, namun kita harus akui perkara ini mungkin boleh terjadi. Jadi adakah KWSP mempunyai dana atau cash

*in hand* yang mencukupi untuk menghadapi situasi sebegini memandangkan jumlah RM1 bilion ini adalah satu jumlah yang besar?

Selain itu juga, saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian sama ada pihak KWSP ada mengambil tindakan untuk menghubungi ahli-ahli KWSP warganegara ataupun warganegara asing yang tidak lagi aktif ini bagi mengingatkan mereka tentang akaun pelaburan mereka di KWSP? Kita harus akui caruman ini adalah satu bentuk hutang antara kerajaan dan pencarum. Justeru, adalah penting pencarum-pencarum ini dilindungi oleh pihak KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, melalui KWSP ini, banyak manfaat yang boleh diperoleh oleh pencarum. Namun begitu, akibat daripada kurangnya promosi serta hebahan mengenai manfaat yang boleh diperoleh pencarum, maka tidak ramai rakyat yang mengetahuinya. Sebagai contoh, antara manfaat yang ditawarkan KWSP adalah bantuan hilang upaya serta bantuan kematian. Bantuan hilang upaya dan bantuan kematian adalah sebagai tanda simpati KWSP yang dibayar kepada ahli atau waris ahli bagi meringankan beban kewangan apabila ahli mengalami hilang upaya ataupun meninggal dunia. Harus diingatkan, bayaran ini bukanlah daripada simpanan ahli tetapi hasil daripada pendapatan pelaburan KWSP. Ini bermakna, bantuan ini tidak diambil daripada hasil pelaburan ahlinya.

Namun begitu, disebabkan tidak ramai yang mengetahui tentang manfaat serta faedah ini, tidak ramai yang menuntutnya. Jadi saya mengharapkan agar KWSP dapat melipatgandakan promosi serta hebahan kepada ahlinya sama ada dalam bentuk iklan elektronik ataupun cetak termasuklah juga dengan memaklumkan mereka melalui penyata tahunan yang dihantar kepada setiap pencarum pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sebenarnya usaha KWSP ini melalui pindaan yang dicadangkan. Saya mengharapkan KWSP akan sentiasa memikirkan penambahbaikan pada masa hadapan bagi memastikan harapan setiap pencarum untuk menghadapi hari tua adalah terjamin melalui simpanan mereka.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja. Bagi laluan Ketua Wanita ya.

#### **4.25 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, saya mendapat kesempatan ini kerana walaupun hari ini kita membincangkan tentang rang undang-undang pindaan mengenai untuk membersihkan pelaburan KWSP ini bagi orang yang beragama Islam, namun saya rasa ada satu aspek lagi yang perlu saya timbulkan di sini ialah mengenai wang simpanan KWSP ini yang secara umum kita tahu adalah simpanan hari tua. Saya dan kumpulan-kumpulan wanita baru ini mendapat banyak maklum balas daripada ibu tunggal, ibu-ibu yang dicerai dan sebagainya tentang hak mereka di atas wang simpanan KWSP ini.

Ada perbezaan pendapat di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Fatwa daripada Majlis Fatwa kita mengatakan bahawa Kumpulan Wang Simpanan ini adalah pusaka sekiranya penyimpannya itu meninggal dunia tetapi Mahkamah Sivil sudah mengiktiraf yang KWSP ini, dalam kes-kes yang telah berlaku dalam tuntutan Mahkamah Sivil, adalah harta sepencarian. Soalannya adalah begini.

Apabila KWSP ini hanya boleh dikeluarkan pada umur 55 tahun, di antara pencarum-pencarum ini ada kes-kes tuntutan ke atas mereka yang belum dilunaskan terutama dalam kes penceraian. Saya tolak kes sama ada ia isu harta sepencarian atau tidak, tetapi jelas bahawa bagi mereka yang gagal menunaikan tuntutan-tuntutan di Mahkamah Syariah yang telah sebenarnya dijatuhkan hukum oleh Mahkamah Syariah dalam pembayaran nafkah, pembayaran mutaah dan sebagainya, terutama sekali apabila masih ada lagi anak-anak yang bersekolah, anak-anak yang tidak ditanggung oleh pencarum ini, bilakah pihak kementerian akan membuat pindaan di mana caruman mereka ini bila mereka dapat keluarkan ataupun semasa dia masih lagi bekerja boleh dikeluarkan untuk membayar mutaah isteri, membayar nafkah anak-anak dan juga membiayai apa-apa keperluan anak-anak yang ditanggung oleh pihak isteri?

Kita bercakap mengenai penyucian wang yang kita simpan, kita tidak mahu wang kita bersubahat dalam pelaburan yang tidak syariah *compliance* tetapi kalau pencarumnya duitnya banyak dalam KWSP dan kemudian dia tidak melunaskan hutang, dia berhutang dengan isterinya apabila bercerai, dia tidak bayar mutaah, kemudian dia berhutang dengan bekas isterinya kerana tidak bayar tuntutan nafkah dan apabila Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman begini, biasanya telah menetapkan bahawa bekas suami perlu membayar mutaah, perlu membayar nafkah anak-anak dan sebagainya, alasan yang sering diberi pada ketika itu adalah pendapatan mereka ini kecil, tidak mampu bayar dan sebagainya.

Jadi mungkin kita perlu lihat semula bahawa pencarum ini ada simpanan, dan bila dia ada simpanan dan dia berhutang kepada bekas isterinya, maka kita sebagai kerajaan yang mempunyai kuasa boleh mentadbir harta itu untuk melunaskan hutang-hutang ini kepada bekas-bekas isteri seperti mana juga jika pencarum meninggal, ia menjadi pusaka. Dalam pembahagian pusaka, pertama, perlu melunaskan hutang, barulah wang itu boleh difaraidkan. Ini maksudnya dalam perkahwinan yang masih *intact*, yang masih orang kata tidak berlaku cerai berai. Akan tetapi bagaimana dengan satu perkahwinan yang telah orang kata tamat di separuh jalan, bekas isterinya sudah tidak dapat menikmati sama-sama hasil simpanan semasa mereka bersama?

#### ■1630

Malah bekas suami gagal membayar perkara-perkara yang dituntut oleh syarak kepada bekas isteri dan anak-anaknya. Jadi saya walaupun dalam seolah-olah *out of context* tapi saya rasa dalam ucapan dasar ini perkara ini perlulah kita fikirkan bersama untuk memberi keadilan kepada wanita yang telah diceraikan dan suaminya mampu untuk melunaskan hutang mutaah, hutang nafkah anak-anak dan sebagainya dan hanya undang-undang yang boleh menentukan bahawa di situ ada hak isterinya menuntut. Cuma sekarang ini masalahnya adalah tuntutan itu, perceraian dan sebagainya dibuat di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Syariah tidak ada kuasa

ke atas untuk melaksanakannya di atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dan hanya Mahkamah Sivil boleh melaksanakan.

Namun adalah menjadi satu beban kepada wanita beragama Islam. Apabila sudah bercerai, masuk Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah tidak dapat melaksanakan, terpaksa fail lagi satu tuntutan di Mahkamah Sivil dan sebagainya. Jadi saya harap perkara ini dapat diberi perhatian dan saya juga minta supaya isu sama ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini juga boleh difikirkan semula oleh badan-badan agama Mahkamah Syariah, Majlis Fatwa dan sebagainya sebagai harta sepencarian. Setakat ini Mahkamah Syariah mempunyai pandangan yang berbeza dengan Mahkamah Sivil kenapa wanita Islam dinafikan hak mereka untuk mendapat hak di atas harta sepencarian ini kerana seorang suami tidak mungkin bekerja dan mengumpul ataupun ada wang simpanan sebegini di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kerana dengan menyimpan itu sebenarnya sebahagian daripada keperluan keluarga ataupun kalau duitnya ada *cash* di tangannya sudah tentu membelanjakan untuk keluarganya tetapi oleh kerana sistem yang kita ada, undang-undang yang kita ada memaksa pekerja mencarum, maka duit itu jadi di luar jangkauan ahli keluarganya, di luar jangkauan isterinya, di luar jangkauan anak-anaknya.

Jadi apabila berlaku perceraian, maka wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini perlu ditaksir sebagai harta sepencarian dan isteri yang diceraikan juga ada hak di atas wang ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kangar.

#### **4.33 ptg.**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan RUU KWSP. Para pekerja di negara ini sememangnya bertuah, beruntung kerana di kala ekonomi yang tidak menentu pada masa kini namun kebijakan mereka masih tidak terabai, tidak dipinggirkan tidak kiralah berapa gaji pokok mereka, besar atau kecil. Peranan yang dimainkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP sebagai medium pengurusan simpanan secara cekap dan semestinya boleh dipercayai. Sehingga Jun 2015, KWSP dikatakan telah menguruskan sebanyak 13.4 juta ahli dan jumlah ahli yang masih aktif mencecah 6.7 juta orang yang terdiri daripada pekerja swasta dan pekerja awam yang tidak berpencen.

Pengurusan kewangan semakin mencabar lewat kebelakangan ini. Tidak dinafikan akibat keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita sentiasa perlu berwaspada dalam menguruskan perbelanjaan. Di sinilah KWSP memainkan peranan dalam menguruskan kewangan pencarumnya. Caruman yang dibuat oleh pekerja dan majikan setiap bulan berdasarkan gaji pokok dan seterusnya caruman ini akan dilaburkan untuk menghasilkan pulangan dan seterusnya pencarum layak menerima faedah tahunan. Persoalan saya di sini sejauh manakah

KWSP sentiasa prihatin bagi memastikan majikan khususnya tidak lepas tangan terhadap tanggungjawab mereka agar pekerja mendapat hak mereka.

Adakah majikan-majikan yang masih degil ini dikenal pasti dan sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka agar tanggungjawab mereka dilunaskan sewajarnya. Apakah nasib pekerja kontrak dalam sektor awam dan swasta? Malahan ramai yang masih menggunakan tenaga belia yang memerlukan wang saku tanpa mengambil kira tanggungjawab mereka sebagai majikan. Meskipun perjawatan berikut adalah secara sementara, mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, pencarum KWSP juga memanfaatkan dana untuk akaun 2 bagi tujuan pembayaran perumahan, bantuan pendidikan dan perbelanjaan perubatan, perbelanjaan menunaikan haji seumur hidup. Ternyata betapa pentingnya caruman ini dibuat pihak pekerja dan majikan sendiri. Namun yang demikian, ada lagi di antara ahli yang masih tidak mengetahui tentang manfaat dana mereka. Justeru, apakah tindakan pihak berkenaan agar mesej ini dapat sampai kepada ahli dan seterusnya mengelakkan berlakunya salah faham dan persepsi negatif terhadap KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penambahbaikan Skim KWSP yang dicadangkan dalam pindaan 2015 ini, cadangan Seksyen 55(b) iaitu apa-apa caruman baru yang dikreditkan setelah ahli mencapai umur 55 tahun, hanya boleh dikeluarkan apabila mencapai umur 60 tahun adalah satu cadangan yang wajar dan relevan. Bahkan jika diteliti kembali manfaat dana daripada akaun 2 yang ditawarkan oleh KWSP adalah sangat relevan. Pencarum mesti berpeluang untuk menggunakan wang caruman mereka dalam situasi tertentu namun dalam masa yang sama tidak menjelaskan simpanan mereka untuk masa hadapan. Ada yang bimbang sekiranya usia mereka tidak panjang, namun sejauh manakah kebimbangan ini terlih kepada kebijakan, tanggungan dan ahli keluarga yang lain kelak apabila pencarum sudah meninggal dunia.

Malahan pencarum akan terus menikmati dividen tahunan dan hal ini sekali gus meningkatkan wang simpanan mereka untuk kegunaan selepas menamatkan perkhidmatan. Tambahan pula cadangan seterusnya menerusi Seksyen 51(a)(i) yang membolehkan pemindahan simpanan ahli kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut dilanjutkan kepada umur 100 tahun berbanding peruntukan semasa iaitu had usia 80 tahun akan memberi manfaat kepada waris pencarum dalam urusan pemindahan dana dan membuat tuntutan ke atas simpanan ahli. Di sini juga saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan proses tuntutan waris dan sehingga hari ini berapakah nilai yang masih belum dituntut dan seterusnya apakah tindakan selanjutnya yang diambil jika tempoh tuntutan sudah tamat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha KWSP bagi memastikan setiap ahlinya mendapat manfaat yang sama rata perlu diberikan pujian. Dengan pindaan Seksyen 50(2b) yang mencadangkan dividen akan terus dikreditkan ke akaun ahli sehingga simpanan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut, memastikan simpanan pencarum terus meningkat dari semasa ke semasa dan tidak terhenti pada satu tahap sahaja. Hal ini menunjukkan KWSP sentiasa komited dan

sentiasa berusaha menjaga kebajikan ahlinya hingga usia 75 tahun. Bahkan ini satu perkara yang baik dan tidak seharusnya dipandang negatif semata-mata.

**■1640**

Tuan Yang di-Pertua, tindakan KWSP memperkenalkan KWSP *Islamic* berdasarkan pindaan Seksyen 43A merupakan opsyen yang diberikan kepada ahli untuk menguruskan simpanan secara syariah membolehkan ahli mendapat lebih manfaat. Namun yang demikian, apakah manfaat tambahan yang bakal dinikmati oleh mereka kelak? Hal ini perlu diberikan penjelasan dan apakah KWSP bercadang untuk mewajibkan semua ahli yang beragama Islam untuk beralih ke opsyen ini kelak? Mohon pencerahan yang sewajarnya. Difahamkan melalui seksyen 27, kadar dividen KWSP *Islamic* adalah pada kadar berasingan mengikut prestasi sebenar pelaburan aset syariah. Justeru, apakah perancangan pelaburan jangka masa panjang KWSP *Islamic* ini bagi memastikan ia terus relevan demi kepentingan ahli?

Tuan Yang di-Pertua, besarlah harapan saya agar pihak KWSP tampil menjelaskan segala kekeliruan, tohmahan negatif terhadap institusi ini, persepsi yang dilontarkan perlu dijawab dengan segera agar rakyat terus yakin dengan peranan institusi yang sentiasa menjaga kepentingan kebajikan rakyat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pelaburan pencarum-pencarum yang melabur melalui *unit trust*. Apabila melabur dalam *unit trust*, semestinya ada mendapat keuntungan. Saya mencadangkan agar keuntungan tersebut daripada segi dividen dan bonusnya dapat diberikan kepada ahli, tidak perlulah menunggu usia 55 tahun. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**4.42 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan ke atas rang undang-undang ini yang secara asasnya dimasukkan beberapa peruntukan mengenai isu yang berkaitan dengan syariah seperti penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah, pelantikan Jawatankuasa Penasihat Syariah dan beberapa perkara lain.

Persoalan pertama yang saya ingin tanya kepada menteri. Kalau kita lihat kepada beberapa cadangan pindaan ini, ia menunjukkan seolah-olah sebelum ini macam tidak ada satu jawatankuasa syariah yang memantau pelaburan atau apa-apa berkaitan yang berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, mengapakah baru sekarang ditubuhkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah dan sebagainya ini?

Jadi apakah status pelaburan-pelaburan dulu yang mungkin oleh kerana tidak ada Jawatankuasa Penasihat Syariah ini? Adakah mungkin di sana wujudnya elemen-elemen yang bercanggah dengan syariah itu? Kita tahu bahawa walaupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini merangkumi wang-wang daripada pekerja-pekerja Islam dan bukan Islam tetapi saya rasa bagi penyimpan daripada kakitangan pekerja Islam, sudah tentu mereka begitu peka dan

sensitif dengan setiap wang yang ada dalam KWSP ini sebab mereka gunakan untuk hari tua ini mungkin sesetengahnya sebagai wang untuk mereka pergi ke haji dan sebagainya. Jadi setiap sen yang mereka tabung itu sudah tentu mereka ingin pastikan ia tidak bercanggah dengan syariah. Sebagai orang Islam sudah tentulah kita begitu peka dan sensitif terhadap perkara ini. Jadi saya ingin tanyakan Menteri tentang hal itu.

Kedua Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju dengan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Sepang, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Sepang bangkitkan tadi berkaitan dengan operasi pelaburan sebelum ini yang dibuat oleh KWSP yang seolah-olahnya kata Yang Berhormat Sepang tadi tidak dipandu oleh satu panduan syariah kerana ini baru hendak pindah hendak dimasukkan fasal-fasal tertentu berkaitan dengan Lembaga Penasihat Syariah. Isu yang timbul ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang, mungkin apa yang telah berlaku itu sudah berlaku tetapi persoalan sekarang ini, Yang Berhormat Sepang bersetuju atau tidak bahawa kerajaan harus mempunyai satu pendirian.

Kalau selepas ini apabila Lembaga Syariah ini berfungsi dan meneliti semua pelaburan yang telah dibuat sebelum ini dan mendapati ia ada percanggahan-percanggahan, menyalahi prinsip-prinsip syariah bahawa kerajaan harus membuat keputusan untuk menarik pelaburan-pelaburan tersebut. Walaupun berkemungkinan kerajaan akan mengalami daripada segi kewangannya akan mengalami keuntungan dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Saya amat bersetuju dan saya juga minta supaya pihak menteri dapat menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Saya harap menteri silalah beri jawapan yang *honest* dan jawapan yang jujur walaupun mungkin ada pelaburan itu yang bercanggah dengan syariah, kita kena cakap. Bukan kerana kita, *it's not a blame game, it's* lebih kepada isu kepekaan tentang duit yang dibelanjakan itu.

Saya percaya mungkin juga walaupun tidak ada penubuhan jawatankuasa ini, perkara-perkara syariah itu diambil kira tetapi saya mahu tahu adakah, yang pertamanya soalan saya ialah adakah penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah ini bertolak daripada mungkin suara-suara dalam KWSP sendiri yang menyuarakan ada beberapa pelaburan yang telah dilaburkan itu didapati bercanggah dengan syariah ataupun ia tidak syariah *compliance*? Jadi sebab itulah menyebabkan timbulnya rasa keperluan untuk ada jawatankuasa ini.

Jadi saya harap pihak Menteri dapat memberikan jawapan yang *honest* dalam soal ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada timbalan menteri rakan saya Yang Berhormat Titiwangsa, saya ucapkan tahniah. Saya pun rasa beliau wajar untuk dilantik menjadi Menteri kalau dibandingkan dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, jauh sangatlah. *[Ketawa]* Itu secara jujur, sebab semasa dia jadi *backbencher* pun saya amat meminati ucapan-ucapan beliau. Beliau adalah seorang Menteri yang saya harap berkaliber.

Okey keduanya, saya juga ingin bertanyakan adakah pihak KWSP sendiri sedar bahawa di sana juga ada beberapa peruntukan yang mungkin tidak dicover, tidak dimasukkan dalam pindaan ini tetapi bagi saya ia satu masalah yang ada kaitan dengan syariah *compliance* ataupun isu-isu syariah. Saya hendak beri satu contoh dalam isu *nomination* ataupun *nominee*, penamaan. Saya bercakap ini atas pengalaman sendiri sebagai seorang peguam yang pernah terlibat dalam kes yang melibatkan *nomination* tetapi kes ini adalah untuk makluman Tuan Yang di-Pertua telah pun berakhir, saya menyatakan kepentingan saya terlibat tetapi kes ini telah berakhir tetapi berakhir dengan *settlement*.

Akan tetapi kesan daripada kes itu ia ada melibatkan isu yang saya rasa perlu diaddress dengan izin oleh pihak KWSP iaitu isu *nomination* ini. Kita tahu dalam isu *nomination* dalam undang-undang KWSP ini ialah seorang yang Islam boleh melantik *nominee*, penama itu berdasarkan seperti Yang Berhormat Kota Raja tadi ada beberapa isu yang melibatkan perdebatan adakah *nominees* itu, adakah mereka itu sebagai wasi dipanggil *administrator of the estate* kalau sudah mati orang yang menamakan dia itu ataupun dia sebagai *beneficiaries*.

#### ■1650

Jadi akhirnya dalam undang-undang itu telah dinyatakan secara spesifik dia hanya sebagai wasi ataupun sebagai *administrator*. Maknanya dia kena bertanggungjawab untuk memastikan wang itu ataupun harta itu diagihkan mengikut hukum faraid. Yang itu mungkin kurang masalah. Yang bermasalah ialah apabila melibatkan asalnya pekerja bukan Islam tetapi meninggal dunia sebagai orang Islam. Ketika dia masih hidup, sebagai pekerja dia *nominate* abangnya atau kawan atau sesiapa dalam kalangan *nominee* yang bukan Islam. Apabila dia meninggal sebagai orang Islam, timbul isu.

Kalau ikut Undang-undang KWSP sekarang ini, *nominee* itu sebagai *administrator*. Persoalannya kalau dia menamakan orang bukan Islam, timbul isu adakah orang bukan Islam itu boleh jadi pentadbir kepada harta orang Islam. Yang ini yang berlaku dalam kes hari itu. Dia orang bukan Islam, dia meninggal. Tinggalkan anak-anaknya yang semua Islam. Anak-anaknya masuk Islam juga. Tiba-tiba dia mati, penama tidak ditukar. Masih lagi abangnya yang bukan Islam. Jadi timbul perebutan itu.

Jadi undang-undang kata penama boleh jadi pentadbir. Pentadbir harta orang Islam. Jadi ini isu yang saya rasa penasihat syariah ini kena addresslah. Kalau ada pindaan, kena buat pindaan sebab ia akan menyebabkan isu yang akhirnya keluarga akan bergaduh. Dalam kes hari itu, hasil kita berunding, kedua-dua pihak bersetuju. Abang bukan Islam dengan keluarga itu setuju. Yang lebih dramatik lagi, kita ingat bergaduh antara abang dengan isteri dan anaknya rupa-rupanya masa dia mati itu, ada lagi isteri kedua pula. Satu hal pula. Tiba-tiba isteri kedua datang ke mahkamah. Ini kes kahwin dualah ini yang dia tidak beritahu kepada isteri pertama. Jadi saya hendak mengatakan isu ini, isu yang betul-betul terjadi. Ini isu yang juga melibatkan *clash of jurisdiction*, mahkamah mana yang akan dengar.

Jadi saya harap KWSP boleh mengambil kira. Kalau perlu dapatkan fatwa apakah seorang bukan Islam boleh menjadi pentadbir kepada harta bukan Islam. Kalau dia daripada

awal lagi dia batalkan tidak ada masalah. Takut dia tidak batalkan. Dia mungkin *overlook* benda itu. Jadi ini isu yang saya rasa, saya harap KWSP dapat mengambil peduli dalam perkara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng bangun. Sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ini berkenaan dengan isu *nominee* ini. Apabila berkenaan dengan *nominee* dan juga wang tidak dituntut, apabila seseorang pencarum itu tidak menamakan *nominee*, apabila pencarum itu meninggal, apa yang akan berlaku kepada wang caruman pencarum tersebut? Adakah ini akan diteruskan untuk diberikan kepada warisnya ataupun dia akan akhirnya masuk kepada wang tidak dituntut. Ini cuma mahu dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Sepang dan juga panduan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Gopeng. Saya tidak berapa pasti dia punya kedudukan undang-undangnya tetapi saya juga merasakan bahawa dalam undang-undang ini tidak mewajibkan *nomination* ini. Saya tidak pastilah. Saya *subject to extend corrected* daripada Yang Berhormat Menteri. Yang saya tahu tidak ada kewajipan. Dalam perkara ini kalau mungkin hendak carter *problem* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi, mungkin di sana perlu ada kewajaran yang memerlukan kita wajib menamakan *nominee* itu. Akan tetapi kalau sudah ada kewajipan itu, saya telah menjelas. Cumanya...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Sepang. Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sini, sini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sorry, sorry.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang ada menyebut tentang hukum faraid di mana kalau untuk orang Islam, caranya adalah berlainan kalau dibandingkan dengan orang bukan Islam untuk membayar wang simpanan ini. Masalahnya sekarang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang, kalau seseorang penama itu bukan Islam, akan menjadi masalah apabila orang itu sudah menjadi Islam dan penamanya masih lagi bukan Islam dan adalah sukar untuk beliau menjadi pentadbir wang KWSP ini.

Akan tetapi masalahnya saya juga khuatir. Bagi orang bukan Islam, seseorang yang dinamakan sebagai penama untuk KWSP ini, kalau tidak silap saya dia akan menjadi *beneficiary*. *Beneficiary* bukan Islam. Maksudnya dia ada hak untuk menerima wang daripada KWSP tersebut sebagai *beneficiary*. Jadi adakah wajar kita membiarkan perkara itu dalam keadaan sebegini rupa kerana saya khuatir apabila seseorang itu saja meletakkan nama kawan-kawan

ataupun orang-orang yang tidak ada hubungan kekeluargaan sebagai penama dan mungkin sesiapa sahaja mengikut suka hati dia dinamakan sebagai penama dan orang itu akan mendapat wang tersebut.

Saya rasa perkara ini tidak patut wujud dalam sistem ini sebab kalau kita bandingkan dengan Akta Insurans, insurans tidak akan memberikan wang apabila dituntut dalam keadaan sebegini. Dia ada syarat-syarat tertentu untuk membuat penamaan tetapi saya lihat dalam KWSP ini, syarat penamaannya terlalu longgar di mana ia membenarkan sesiapa sahaja dinamakan sebagai penama. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang berkaitan dengan isu ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada rakan saya daripada Batu Gajah. Setakat pengetahuan saya, memang kalau wang KWSP ini bila melibatkan pekerja bukan Islam dan dia menamakan *nominee* itu di kalangan orang bukan Islam, dia tidak timbul isu, jadi dia adalah penerima tunggal. Maknanya kalau dia namakan contohnya A namakan B, B akan menjadi penerima tunggal wang itu. Dia tidak bertanggungjawab untuk hendak *dispute* wang itu mengikut *Distribution Act*.

Berbeza dengan orang Islam. Bila dia namakan *nominee*, telah pun difatwakan setelah beberapa kali ada kes-kes mahkamah, maka wujudnya satu fatwa yang mengatakan bahawa mestilah – dan menyebabkan EPF juga buat undang-undang dia hanya kekal sebagai wasi ataupun pentadbir sahaja. Dia wajib mengagihkan harta itu sebagai harta si mati mengikut hukum faraid. Jadi dalam hal ini, mungkin kalau perlu pindaan, orang bukan Islam mungkin ada satu pindaan bahawa dia juga hanya sebagai pentadbir, *nominee* itu dan dia mestilah *distribute* wang itu oleh kerana dalam undang-undang negara kita ada *Distribution Act*, Akta Pengagihan untuk orang-orang bukan Islam. Maka boleh dipinda dengan memasukkan harta itu telah diagihkan mengikut *Distribution Act*.

Akan tetapi itu memerlukan pindaan. Saya tidak tahu sejauh mana kewajarannya itu. Mungkin juga orang-orang bukan Islam selama ini tidak pernah bangkitkan tetapi dalam kita boleh fikirkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab perkara itu. Dalam perkara orang Islam ini yang saya ingin minta supaya Menteri melalui jawatankuasa penasihat syariah ini *please address this issue* sebab saya takut nanti masalah akan datang. Dia akan menjadi isu yang rumit. Itu satu. Keduanya, berdasarkan pengalaman-pengalaman kita dalam kes-kes yang melibatkan kes-kes penjagaan anak, yang melibatkan agama ini, dia boleh mudah mencetuskan emosi dan mencetuskan ketegangan dan sebagainya. Jadi melalui undang-undang, mungkin kita boleh buat sesuatu untuk menyelesaikan masalah ini. Itu yang kedua atau ketiga.

Seterusnya, saya ingin tanya juga kepada Yang Berhormat Menteri. Pelaburan ini. Contoh dalam kes 1MDB. Kita tahu bahawa pihak KWSP terlibat dalam melaburkan wang KWSP ini dalam 1MDB dalam kes yang melibatkan pembelian, kes yang melibatkan jana kuasa ini. Saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Walaupun mungkin wang yang dilaburkan itu tidak melibatkan kesemua pelaburan yang dilakukan oleh KWSP dalam perkara-perkara lain. Contohnya dalam mungkin KWSP tidak terlibat secara langsung dalam

penyimpanan wang di Cayman Island itu tetapi oleh kerana kita menganggap KWSP juga terlibat dalam membantu atau melaburkan wang dalam 1MDB itu.

■1700

Jadi saya ingin tanya adakah kalau sebelum ini ada tidak pihak jawatankuasa pelaburan ini mengambil kira juga faktor-faktor syariah ini? Kalau wang Cayman Island ini kalau kita baca dalam Che Det lah sama ada dia biasa orang-orang yang berjudi suka simpan wang di Cayman Island ini, makna wang haramlah. Tempat di mana wang-wang haram dilaburkan Cayman Island ini. Jadi adakah pihak KWSP juga mengambil kira mungkin tidak secara *direct* tetapi oleh kerana wang, oleh kerana dia terlibat sebagai pelabur juga, oleh syarikat yang dilaburkan juga mungkin terlibat dalam perkara-perkara lain. Walaupun tidak secara *direct* tetapi secara *indirect* tetapi bagi orang Islam perkara-perkara itu memang mereka ambil kira. [Disampuk] Apa? Ini bukan sangka buruk ini tanya. Eh! Yang muka buruk itu bangun sedikit. [Ketawa]

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapa muka buruk ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kau aku ingat orang lain tidak tahu.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa kau kau ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak tahu ini orang *lawyer* apa ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tarik baliklah! Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Lawyer cakaplah Yang Berhormat saya cakap Yang Berhormat tidak payahlah bersangka buruk. Daripada semalam Yang Berhormat sangka buruk sahaja ini cerita fasal EPF hendak cerita fasal beri kebaikan manfaat kepada rakyat jelata. Apa kena mengena pula Cayman Island? *Allahuakbar* Yang Berhormat Gombak tolong ajar sedikit Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey sudah? Nanti orang bantai Tabung Haji terduduk tidak boleh bangun.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak ada masalah tidak pernah larilah. Bantailah tanya lagi soalan apa hendak tanya, tidak ada kena mengenalah, lari tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini kena marah dengan siapa tadi ini masalah ini salah makan pil apa ini. Orang makan panadol dia makan pil lain. Okeylah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini lain kapalkah, satu kapal? [Ketawa]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia kalau Yang Berhormat Tanjung Karang tidak ada dia jadi pemain simpanan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ingat dia duduk ataskan, dia naik atas. Kawan saya Yang Berhormat Baling ini...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa ini? Ini pun serupa daripada semalam bersangka buruk. Semalam cerita fasal GST dia bawa cerita pula benda lain. Inilah semua ini satu kapal tetapi bersangka buruk. Tiap-tiap hari datang sini cerita keburukan orang sahaja inilah tetapi PAS Islam, pirah!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan PAS, saya Amanah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling, saya Amanah sekarang ini. Okey, okey tidak apa. tidak apalah petang-petang ini kita tengah tension-tension ini ada badut okey jugakan. *Entertainer*. Okey, saya tidak kata pun saya kata wang itu terlibat dengan wang haram. Saya kata, saya cakap begini kalau ada pelaburan-pelaburan yang secara *direct*. Yang Berhormat Baling, dengar dahulu Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. Ini Dewan yang mulia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** So what?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dewan Rakyat. So what? Ini bukan mahkamah hendak belit-belit. Mahkamah bolehlah belit, belit, belit semua hendak pusing kepala dengan hakim. *This is* Dewan mulia, Dewan Rakyat kita kena cakap yang benar. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Faham tidak Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan dia kata. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Itu dari segi tajwid kena belajarlah. Okey, tidak apalah. Saya pun hairanlah tiba-tiba dia macam mana entah, boleh masuk ikut celah ini, ada tidak kena ini Yang Berhormat Baling tidak tahu lah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No, no* sebab Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat Sepang berhujah tanpa bersangka niat tidak baik, bersangka buruk setiap kali cakap, tadi cerita fasal EPF hendak cerita fasal rakyat Tuan Yang di-Pertua. Hendak cerita fasal macam mana kita hendak bantu rakyat daripada 55 tahun hendak pergi ke 60 tahun macam mana manfaat? Patut Menteri dekat situ tekun mendengar apakah hujah-hujah untuk diperbaiki, untuk dimanfaatkan. Akan tetapi tiba-tiba Che Det kata Cayman Island duit haram, KWSP meniaga. *Astaghfirullahalazim*. Apa ini Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey tidak apa. Saya pun hairanlah Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah kita terima seadanya Yang Berhormat Baling. Saya rasa rakan saya Yang Berhormat Titiwangsa Menteri faham yang saya maksudkan tadi ialah ada orang mengatakan wang-wang yang dilaburkan di Cayman Island ini ialah wang-wang haram. Jadi kalau kita KWSP saya kata tadi dia mungkin tidak secara langsung terlibat dalam wang pelaburan Cayman Island itu tetapi oleh kerana ada wang dalam wang KWSP dalam 1MDB itu. Jadi saya ingin tanya bagaimanakah kedudukan dari segi syariah itu?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, nanti. Ini ada standard. Jadi saya maksudkan begitu. Maksudnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, perkataan ada standard tidak ada standard ini jangan keluarkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah saya tarik balik tidak apa. Okey ya, boleh ya saya tarik balik. Okey Yang Berhormat Baling, saya kata *you* ada standard Yang Berhormat Baling okey. Akan tetapi kalau cakap standard rendah standard tinggi okey? Tidak okey ya? Tidak boleh juga, okey saya tarik balik. Yang Berhormat Baling kacaulah dia ganggu *flow* la.

Jadi, saya ingin tanyakan ada tidak dalam mana-mana pelaburan yang dilakukan oleh KWSP ini yang mungkin tidak secara langsung *direct* terlibat dalam pelaburan yang terang-terang haram. Contoh kalau melabur di syarikat judi haramlah tetapi yang mungkin tidak secara langsung tetapi secara tidak langsung dia terlibat. Jadi dia juga melibatkan mungkin soal hukum. Jadi ada tidak yang keadaan begitu dan melibatkan dia tarik balik. Okey tadi sahabat saya Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Sepang saya hanya hendak mengingatkan bahawa semua bukan wang yang disimpan di Cayman Island ini haram. Contohnya Apple pun mempunyai berbilion-bilion ringgit yang diletakkan di Cayman Island bagi maksud *tax* bukannya semua haram. Itu sahaja saya hendak terangkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu saya kata tadi kalau tidak ada haram alhamdulillahlah. Kalau sekiranya ada wang-wang haram contohnya dilaburkan itu yang saya kata *indirect* itu yang saya maksudkan di sini. Saya harap dari segi soal pelaburan ini pihak – tadi rakan saya daripada Yang Berhormat Pokok Sena mengatakan kalau sekiranya sebelum ini KWSP mungkin terlibat dalam pelaburan-pelaburan yang mungkin ada unsur *uncertainty*, unsur yang melibatkan mungkin jadikan pelaburan itu haram jadi menyebabkan KWSP dikehendaki tarik balik.

Tarik balik itu satu hallah tetapi saya rasa KWSP juga harus bertanggungjawab menerangkan kepada segala pencarum-pencarum, mengapa perkara itu terjadi. Ini sebab selama ini mungkin mereka rasa mereka tertipu. Jadi tarik balik satu hal tetapi saya rasa pihak KWSP mesti kalau sekiranya ada. Kalau tidak ada itu *alhamdulillah*. Kalau ada, mestilah menerangkan mengapa perkara itu berlaku.

Jadi itu yang saya nampak pindaan mengenai syariah itu. Satu lagi yang saya rasa saya ingin juga minta pandangan daripada Menteri berkaitan seksyen pindaan ke atas seksyen 59. Ini yang melibatkan pindaan ke atas kalau seseorang itu dipertuduhkan di mahkamah. Dicadangkan di pindaan, jika mana-mana orang atau ahli kumpulan wang telah membuat permohonan bagi pengeluaran bagi maksud tertentu dan dipertuduh atas satu kesalahan di bawah seksyen 1 berhubung dengan permohonan lain permohonan itu Lembaga boleh untuk tidak membenarkan

permohonan lain bagi permohonan oleh orang itu atau ahli kumpulan itu bagi maksud saya sehingga perkara itu diselesaikan.

Walaupun secara umumnya saya rasa perkara ini bukanlah satu *controversial* sebab demi untuk hendak memastikan orang itu didapati bersalah mungkin wang itu akan dilupuskan Wallahuaklam saya tidak tahu. Akan tetapi yang saya lebih *concern* ialah kalau sekiranya mereka yang sudah, yang katakan memang dia mungkin dipertuduhkan tetapi dia melibatkan orang-orang yang mungkin dan uzur dan sebagainya, keadaan macam mana?

Ini sebab kes mahkamah ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua memang melibatkan proses yang panjang. Mungkin sudah menang dekat satu mahkamah, rayu pula, rayu lagi, *by the time*. Saya masih ingat lagi dulu kawan-kawan saya kata, kalau kes di Mahkamah Sivil ini kalau kes *accident* itu masa *accident* muda, masa bicara sudah tua hendak dapat duit, sudah mati. Itu hendak tunjukkan betapa panjangnya bicara ini. Jadi saya harap, perkara ini yang paling umum ya. Kalau kes-kes orang contohnya mereka ini- sedangkan kita tahu dalam prinsip perundangan, seorang dianggap tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah. Seolah-olah kita bila kita tahan wang itu seolah-olah mereka ini sudah ada salah.

#### ■1710

Maka kita tak benarkan mereka ini keluarkan wang itu dalam keadaan mereka ini belum didapati bersalah pun. Kalau contohnya mereka ini kronik, menghidap penyakit kronik di tubuh, selepas itu mereka perlukan wang ini untuk perbelanjaan *medical*. Jadi nampaknya tidak ada *channel/kelonggaran* itulah.

Jadi saya harap mungkin juga boleh difikirkan ada *exception* ataupun adanya proviso, kalau dalam undang-undang dipanggil proviso kepada keadaan-keadaan begitu sebab mereka sudah simpan daripada muda. Saya masih ingat lagi semasa saya di Sepang ada orang-orang tua itu yang kata dulu semasa mereka mula bekerja KWSP tak sampai seringgit pun ada. Dia punya simpanan dia itu sampailah mereka berhenti barulah dapat EPF, berapa ribu sangat sahaja. Kerja bertahun lama, tiba-tiba entah macam mana ada kes mahkamah, hendak keluar tak boleh, selepas itu sakit. Ingatkan dapat wang itu untuk pergi dan sebagainya, tiba-tiba ada undang-undang ini tak boleh keluar langsung sehingga proses mahkamah itu berakhir.

Saya harap perkara-perkara ini juga dapat pihak Yang Berhormat Menteri melihat, kalau ada perlu kewajaran meletakkan proviso itu masukkan dalam peringkat jawatankuasa ataupun Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kenapakah tidak ada pengecualian di dalam kes-kes seperti itu. Yang lain saya rasa tidak ada apa-apa yang saya ingin tambah, jadi saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil kiralah segala cadangan tadi kecuali yang Yang Berhormat Baling kacau itu tak payah ambil kiralah ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hai! Macam ini punya orang pun ada.

### 5.11 ptg.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seperti rakan-rakan yang lain juga hendak mengambil bahagian, kecuali tak macam Yang Berhormat Sepanglah, hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 ini.

Jadinya kita faham cabaran ekonomi dunia ini termasuk Malaysia semakin mencabar. Akan tetapi walau bagaimanapun saya percaya rakyat sudah bersedia untuk menghadapi cabaran ekonomi ini dan kita perlu merancang untuk masa depan kewangan dengan begitu baik.

Skim Simpanan KWSP ini merupakan salah satu langkah proaktif untuk memastikan rakyat dapat meneruskan hidup pada hari tua dengan mutu kehidupan yang lebih berkualiti. Saya membaca secara ringkasnya di dalam rang undang-undang ini dan saya tengok bahawa menurut cadangan pindaan seksyen 55B Akta 452, Akta KWSP (Pindaan) 2015 ini ada menyatakan bahawa caruman baru selepas mencapai umur 55 tahun hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 60 tahun.

Saya hendak memuji langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian kerana saya melihat ini begitu relevan dan efektif agar ahli masih mempunyai bekalan kewangan apabila mencapai umur 60 tahun nanti dan ada terdapat satu kaji selidik bebas oleh pakar ekonomi dan juga penyelidik dalaman KWSP yang menyatakan bahawa kira-kira 70% pencarum yang mengeluarkan wang simpanan persaraan mereka sepenuhnya akan menghabiskan wang tersebut dalam masa tiga hingga lima tahun. Oleh itu cadangan pengeluaran pada umur 60 tahun untuk caruman baru ini dilihat amat bersesuaian agar mereka mampu untuk menampung kos terutamanya perubatan, perumahan dan juga kos sara hidup dan lain-lain lagi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit mengenai fasal 6 yang bertujuan untuk meminda seksyen 43(1A) Akta 452 Akta KWSP (Pindaan) 2015 ini menyatakan bahawa majikan yang tertakluk kepada Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 dan juga pekerja yang berkaitan hendaklah mencarum berdasarkan amaan gaji minimum yang ditetapkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Jadinya, saya hendak bolehlah nanti Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan dengan lebih lanjut sebab kalau kat sini KWSP menguatkuasakan caruman minimum yang perlu dibayar oleh majikan adalah berdasarkan gaji minimum. Hal ini kita tengok memang sangat bagus sebab ia memang untuk menjaga kepentingan ahli.

Namun begitu saya tengok mungkin ia akan memberi sedikit sebanyak kesan kepada ahli-ahli yang menerima pendapatan kurang daripada gaji minimum itu sendiri sebab masih ada lagi yang belum menerima gaji minimum. Sebagai contoh, ini saya hendak minta penjelasan kepada pihak kementerian. Sebagai contoh, mereka yang menerima gaji sebanyak RM600, jadinya pencarum selalunya membayar 11% iaitu sebanyak RM66. Akan tetapi kalau berdasarkan kepada gaji minimum iaitu RM900, jadi jumlah yang perlu ahli-ahli ini perlu mencarum adalah 11% iaitu RM99. Jadinya, *take home* gaji yang dibawa pulang itu akan

diterima di tangan mereka akan menjadi lebih rendah dan mungkin akan membebankan terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Jadinya saya hendak minta penjelasan dan juga kepastian daripada pihak kementerian mengenai perkara ini agar ia jelas yang mana satu yang diambil kira. Oleh sebab kita tidak mahu apa juga yang kita buat ini akhirnya akan membebankan kepada pencarum-pencarum itu sendiri walaupun kita tahu caruman itu adalah untuk bekalan mereka di masa hadapan tetapi kita juga perlu tahu mengenai apa yang mereka perlu gunakan waktu sekarang ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak KWSP atas usaha dan inisiatif untuk memperkenalkan skim caruman patuh syariah iaitu KWSP Islamik seperti juga rakan-rakan saya yang lain ada menyatakan bahawa *the time is right* dengan izin. Jadinya sekiranya ia menjadi kenyataan, saya rasa ia akan menjadikan KWSP Islamik ini sebagai satu dana syariah yang terbesar dan ia juga selaras dengan usaha Malaysia dalam usaha untuk menjadi peneraju pusat kewangan Islam dunia. Selain daripada itu dengan adanya sistem caruman patuh syariah ini juga akan meningkatkan lagi keyakinan pencarum-pencarum terhadap KWSP terutamanya pencarum Muslim ataupun yang beragama Islam.

Jadinya saya hendak merujuk kepada seksyen baru 43A. Jadinya saya setuju agar opsyen ini diberikan kepada ahli untuk simpanan mereka diuruskan. Maknanya ada opsyen sama ada ia hendak diuruskan secara patuh syariah atau tidak. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Parit Sulong, sedikit Yang Berhormat Parit Sulong, boleh?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Agar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Sepang baru sahaja lepas berucap tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, nak bagi *point* yang ini bukan hendak...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Dia baru sahaja lepas berucap. Terpaksa buka cermin mata hendak tengok supaya nampak tak berapa jelas lagi pada Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak *support*, hendak *support!*

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Allah! Nantilah kemudian, tanya dengan orang lainlah. Mana aci, baru sahaja lepas bercakap, baru sahaja duduk, sudah hendak bangun balik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Parlimenlah, bukannya begitu. Dalam Parlimen boleh bila-bila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Banyak lagi perkara lain. Allah! Tak apalah, duduklah. Duduklah tinggal sedikit sahaja ini. Baru lepas bercakap tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, saya nak sokong, nak sokong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Nanti dulu, sibuk mengacau Yang Berhormat Baling...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling kacau saya bukan saya kacau Yang Berhormat Baling.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Dia nak kacau pula kat sini. Kita lain kapal tau. Jadinya duduklah, duduk Yang Berhormat Sepang. Saya tak mahu bagi laluanlah hari ini. Hari ini saya lain, lain. Ini kapal Bugis, lain. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, saya hendak sokong pun takut kah?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Dia dengan Yang Berhormat Baling satu kapal, bolehlah. *[Disampuk] [Ketawa]* Ya? Lain? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Sepang, tinggal sedikit sahaja lagi. Nanti dengan yang lain mungkin boleh, dengan saya tak payahlah. Saya habiskan sahajalah, tinggal sedikit. *[Ketawa]* Okey terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sila duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Parit Sulong membebel lagi banyak masa daripada apa yang disoal.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]* Okey, tak apa. Saya sambung sedikit lagi. Saya hendak memberi cadangan kepada KWSP, mungkin opsyen itu hanya diberikan kepada pencarum yang bukan beragama Islam supaya mereka boleh memilih. Akan tetapi mungkin kepada mereka yang beragama Islam, saya ingin mencadangkan agar KWSP memastikan agar simpanan mereka itu diuruskan mengikut syariah.

Jadinya hal yang demikian itu saya tengok sangat penting sebabnya supaya kita tahu hasil daripada yang diperoleh itu nanti terutamanya apa yang pencarum agam Islam itu dapat adalah berlandaskan kepada syariah bebas riba dan juga bebas pertaruhan dan *insya-Allah* halal dan begitu meyakinkan.

#### ■1720

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dibawa oleh Kementerian Kewangan dan saya harap cadangan pindaan ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian, terima kasih.

#### 5.20 ptg.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Alhamdulillah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah memperkenalkan satu rang undang-undang pindaan terhadap Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 yang *insya-Allah* memberikan kebaikan kepada umat Islam. Bukan baru umat Islam menuntut apa yang dibincangkan pada hari ini. Itu tempoh sangat panjang perjuangan kita. Hari ini kita bentangkan satu rang undang-undang yang antaranya melibatkan penubuhan

jawatan kuasa penasihat Syariah. Saya cuba hendak meninjau apa yang telah berlalu untuk kita melihat kebaikan untuk apa yang mendarang daripada pindaan rang undang-undang ini.

Pertama sekali, kalau kita lihat isu melibatkan zakat KWSP. Selama ini Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri-negeri mengeluarkan fatwa bahawa zakat KWSP dikeluarkan oleh para pencarum jikalau mana mereka mengeluarkan caruman mereka secara sekali gus sama ada keluarkan segera ataupun selama selepas setahun, itu fatwa yang berbeza. Akan tetapi isunya ialah fatwanya keluarkan zakat selepas mana mereka mendapat wang caruman sepenuhnya.

Berdasarkan kaedah bahawa mereka yang mencarum wang dalam KWSP ini mereka tidak mempunyai pemilikan yang sempurna sebab itu dikeluarkan fatwa tersebut. Dengan adanya jawatankuasa penasihat Syariah ini, saya mencadangkan supaya pertama sekali KWSP sendiri yang bertanggungjawab terhadap dana sebagai umat Islam ini mengeluarkan zakat tahunan sebagai pemegang amanah. Oleh kerana kesannya sangat besar kepada masyarakat kerana jumlah caruman bukan sedikit, berjumlah ratusan bilion.

Maka, kalau dikeluarkan zakat melibatkan caruman orang Islam sahaja, bayangkan kalau carumannya bernilai RM200 bilion dengan zakat tahunan dikeluarkan 2.5%. Banyak manakah dana dapat dikumpulkan untuk zakat sahaja? Mungkin saya mencadangkan bahawa kalau dapat dibuat perkara yang seumpama itu, zakat daripada KWSP ini ditabungkan khusus. Tidak perlu dibayar kepada badan-badan agama yang lain tetapi ditabungkan khusus untuk dijadikan sebagai sebahagian korporat sosial KWSP yang nantinya hasil dan kebaikannya dikembalikan kepada pencarum-pencarum yang berhak untuk mendapat zakat. Itu yang pertama.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, sedikit, sedikit.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak apalah, kawan lama.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relaks, saya bangun pun bising juga kah? Ramai sangat minat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat Kuala Nerus mengenai pindaan ke atas seksyen 49 yang meminda perkataan ‘faedah’ dipindah ke ‘caj lewat bayar’. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kuala Nerus, setuju tidak dengan saya, mungkin juga pindaan ini sebab mengelakkan perkataan ‘faedah’ itu istilah ribalah ataupun *interest*.

Jadi, hendak nampak sedikit *Islamic*, ‘caj bayar lewat’. Setuju tidak dengan saya kalau ‘caj bayar lewat’ ini lebih menindas lagi, contoh katakan ‘caj bayar lewat’ ini dia punya *percentage* lagi tinggi, faedah lebih rendah. Adakah kerana tukar nama ‘faedah’ itu, ‘caj lewat’ itu, jadi *Islamic*. Jadi, minta pendapat daripada Yang Berhormat Kuala Nerus, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Pertama, isu itu saya akan sentuh juga tetapi alang-alang sudah disebut

oleh Yang Berhormat Sepang, isu yang berkaitan dengan caj walaupun ditukar nama dengan pelbagai nama, realitinya adalah riba. Saya berharap ia menjadi sebahagian daripada tanggungjawab jawatankuasa penasihat Syariah tadi.

Kadar Islam menyatakan, *[Membaca sepotong ayat al-Quran] “Pengajaran atau iktibar dikira berdasarkan isi kandungan sesuatu perkataan, bukan hanya merujuk kepada perkataan secara zahirnya sahaja”*. Maka, saya mengharapkan dengan kehadiran jawatankuasa penasihat Syariah ini isu-isu tersebut akan dibincangkan nanti dan akan diselesaikan. Supaya majikan-majikan yang dikenakan caj kerana bayar lambat itu mereka tidak terlibat dengan riba yang diharamkan oleh Allah SWT.

Kedua, yang saya hendak sebut ialah tentang pelaburan KWSP. Saya merujuk dalam data tahun 2014 sahaja pelaburan KWSP berjumlah RM597 bilion, bukan jumlah yang sedikit. Sebahagiannya dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM157 bilion. Kedua, untuk pinjaman dan bon RM154 bilion. Kedua-dua entiti ini, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan juga pinjaman dan bon, semuanya adalah berasaskan riba.

Satu surat yang dihantar oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia PPIM kepada KWSP, bertanyakan tentang kedudukan pelaburan KWSP berasaskan Syariah, dengan jelas jawapan daripada pengurusan KWSP bahawa penglibatan KWSP dengan pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah berasaskan riba, begitu juga dengan pinjaman korporat, sebahagian besar berasaskan riba. Ertinya, dengan apa yang kita buat pada hari ini, pindaan hari ini akan menyelamatkan penglibatan KWSP dengan riba dan juga memberikan kebaikan dan juga ketenangan jiwa kepada kami orang-orang Islam yang mencarum dalam KWSP.

Bayangkan kerugian yang kita dapat selama ini. Bila mana kerajaan membayar dividen kepada para pencarum yang tentu dividen bukannya sedikit. Dividen ini terpaksa kita bagi orang Islam terpaksa kita bersihkan kerana carumannya ataupun pelaburannya tidak sepenuhnya halal, kita terpaksa membuat pembersihan. Kalau kita andaikan pelaburannya dalam 60% daripada benda-benda yang haram, tinggal lagi 40%, kita terpaksa ambil 60% dibersihkan dividen itu untuk diberikan kepada badan-badan yang memerlukan. Ertinya, kalau kita dapat selesaikan isu ini, tidak sedikit jumlah duit yang dapat diselamatkan yang menjadi milik para pencarum di mana mereka mendapat dividen itu.

Jadi, untuk itulah saya menyatakan bahawa tahniah kepada kerajaan dan mogamoga dengan kita berpegang pada firman Allah SWT, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Allah SWT menghapuskan barakah riba yang maknanya hilang barakah, tidak ada kebaikan. Kita boleh untung banyak pun, akhirnya kita akan berhutang juga. Itu konsep *al-mahkru* kata para ulama. Allah SWT akan besarkan lagi, hidupkan lagi, kembangkan lagi perkara-perkara yang melibatkan sedekah.

Satu lagi tentang kedudukan jawatankuasa penasihat Syariah ini kalau kita lihat dalam pindaan melibatkan 23(2), nasihatnya ialah mengikat. Isunya ialah *alhamdulillah* kalau mengikat, ertinya jawatankuasa KWSP ini terpaksa mengikut apa sahaja saranan daripada Jawatankuasa Syariah ini. Tinggal lagi ialah sejauh mana mengikat itu dapat betul-betul mengikat KWSP. Oleh

kerana sebahagian daripada pelaburan atau caruman itu adalah melibatkan juga orang-orang bukan Islam.

Ini mungkin saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada kerajaan, apa dia yang dibayangkan oleh kerajaan untuk ke hadapan dari sudut kedudukan jawatankuasa penasihat Syariah. Saya juga hendak menyokong bila mana pindaan 23C(2) ini meletakkan bahawa Jawatankuasa Penasihat Syariah tidak berhak kepada apa-apa saraan, tetapi boleh dibayar apa-apa honorarium dan elaun perjalanan.

Ini meletakkan Jawatankuasa Syariah ini tidak terikat dengan apa yang kita namakan sebagai majikan. Saya rasa lagi baik kalau tidak ada langsung diberikan honorarium daripada KWSP sendiri. Akan tetapi daripada badan yang lain tidak ada kaitan supaya jawatankuasa penasihat Syariah betul-betul tidak terikat sebarang faedahnya dengan KWSP.

Oleh kerana apabila melibatkan agama ini, apabila kadang-kadang mendapat sedikit habuan walaupun sedikit tetapi kita bimbang juga ia boleh mengganggu keadaan mereka. Maka, yang paling baik dan paling bersih ialah agar mereka langsung tidak diberikan sara hidup melainkan oleh satu badan lain yang tidak kaitan KWSP. Ini mungkin memerlukan perbincangan dan cara macam mana. Saya sekadar melontarkan idea sahaja. Saya ingat itu sahaja daripada saya, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

### **5.30 ptg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang, kita sambung esok.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 21 Oktober 2015.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]*